

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 Latar belakang kajian

Buku bergambar dalam bahasa Inggeris dinamakan *picturebook* manakala dalam bahasa Cina dinamakan 图画书 (*tuhuashu*) atau 绘本 (*huiben*). Perkataan 绘本 (*huiben*) adalah berasal dari bahasa Jepun yang mempunyai makna yang sama dengan buku bergambar. Seseengah penerbit menggolongkan buku bergambar bahasa Cina sebagai 图画书 (*tuhuashu*), manakala seseengah penerbit pula menggolongkannya sebagai 绘本 (*huiben*). Hal ini menunjukkan tahap pengiktirafan kedua-dua gelaran tersebut adalah sama dalam masyarakat Cina (Zhu, 2011, ms.12).

Pakar sasterawan kanak-kanak Jepun, *Tadashi Matsui* menyatakan bahawa buku bergambar mempunyai dua sistem bahasa, iaitu teks dan imej. Teks dan imej “bercakap” dengan cara yang berlainan untuk menyampaikan tema yang sama (Zhu, 2011, ms.15). Persembahan buku bergambar dengan menggunakan teks dan imej adalah menceriakan dan wujud dalam bentuk kepelbagaian, tidak lagi hanya terhad sebagai bahan bacaan kanak-kanak sahaja, sebaliknya memberi keperluan pembelajaran kepada semua peringkat umur pembaca. Oleh itu, buku bergambar merupakan bahan bacaan bagi seseorang sejak dilahirkan hingga berusia 99 tahun (Lin, 2010, ms.33).

Semakin ramai ahli akademik, para profesional dan pelajar berminat dengan peranan yang dimainkan oleh imej, isyarat, pandangan dan postur, dan penggunaan ruang dalam

representasi dan komunikasi, dalam erti kata lain, multimodaliti sebagai bahan kajian (Jewitt, 2009, ms.1). Hal ini demikian kerana kedua-dua komponen bahasa dan visual dianggap sebagai alat penting dalam masyarakat kini untuk pembinaan makna. Teks multimodal merupakan teks yang menyampaikan maklumat melalui pelbagai mod termasuk imej visual, elemen reka bentuk, bahasa dan sumber semiotik yang lain (Jewitt & Kress, 2003). Buku bergambar merupakan salah satu genre teks multimodal kerana menyampaikan cerita melalui dua mod yang berbeza iaitu imej dan bahasa. Maksud sebenar teks multimodal hanya dapat diperoleh dengan membaca kombinasi kedua-dua komponen bahasa dan visual kerana kedua-dua komponen bahasa dan visual adalah saling bergantung untuk menyampaikan makna teks (Nodelman, 1988; Lewis, 2001a; Moya & Pinar, 2008).

Kajian ini menganalisis satu siri buku bergambar bahasa Cina bertajuk *可爱的鼠小弟* (*Keai de Shuxiaodi*) yang bermaksud “Saudara Tikus yang Comel”. Siri buku bergambar ini terdiri daripada enam buah buku bergambar yang mana setiap satu mempunyai tema cerita yang berlainan. Siri buku bergambar ini mengisahkan cerita yang menarik di antara seekor tikus (protagonis) dengan kawan-kawan binatang yang lain. Siri buku bergambar ini banyak menggunakan dialog bergaya balada yang berulang-ulang, ringkas dan mudah difahami. Imej-imej yang membentuk cerita pula terdiri daripada lukisan lakaran pensil yang menyampaikan cerita dengan lucu, plot yang menarik penuh dengan imaginasi. Asal siri buku bergambar ini adalah dalam bahasa Jepun dengan teks ditulis oleh *Yoshio Nakae* manakala imej dihasilkan oleh *Yukiko Ueno*. Teks siri buku bergambar ini diterjemahkan ke dalam bahasa Cina oleh Zhao dan Wen Noriko dan diterbitkan pada tahun 2009 oleh *Nanghai Publishing House*.

Siri buku bergambar ini telah memenangi pelbagai anugerah utama buku kanak-kanak di Jepun. Selain itu, siri buku bergambar ini telah dicetak semula melebihi 1,200 kali sejak penerbitan pertama pada tahun 1974 dan dikenali sebagai buku bergambar terbaik di Jepun (Nakae & Ueno, 2009). Di samping itu, siri buku bergambar ini seringkali menerima ulasan buku yang menggalakkan daripada beberapa pakar seperti berikut:

- i) ... terdapat banyak faktor kejayaan, tetapi sebab utama kanak-kanak sangat menyukainya ialah ia menarik, sangat menarik, benar-benar menarik (ulasan pakar sasterawan kanak-kanak, Dr. Ji Ying, dipetik dari JD.com dan abl-buiben.com).
- ii) Semasa membuka buku ini, tetikus yang comel dan pandai seolah-olah muncul di atas kertas, seperti drama, jelas dan hidup, memberitahu kita satu demi satu cerita yang meriah dan lucu (ulasan Profesor dari Beijing Normal University, Dr Kang Chang Yun, dipetik dari JD.com dan abl-buiben.com).
- iii) *可爱的鼠小弟 (Keai de Shuxiaodi)* merupakan siri buku bergambar pertama saya bacakan kepada anak saya semasa dia berusia lapan bulan. Kini dia berusia hampir enam tahun, telah membaca lebih daripada 500 buah buku bergambar. Walaupun saya tidak sengaja mengajarnya membaca, dia boleh membaca buku sendiri. Guru-guru memuji kemampuannya untuk memahami dan memberi pendapat jauh lebih bernas daripada rakan sebayanya. Hal ini semua disebabkan oleh *可爱的鼠小弟 (Keai de Shuxiaodi)* yang telah memupuk minat membaca anak saya (ulasan Dr Saruwatari Shizuko, dipetik dari JD.com dan abl-buiben.com)

Oleh itu, siri buku bergambar ini mendapat ulasan yang sangat baik dari para profesional. Ini bermakna siri buku bergambar ini mempunyai keistimewaannya dan mempunyai nilai bacaan yang tinggi.

Siri buku bergambar ini bukan sahaja sangat popular di Jepun malah mendapat sambutan yang sangat baik di negara-negara lain. Siri buku bergambar ini telah diterjemahkan ke bahasa-bahasa asing seperti bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Korea dan bahasa Vietnam (komunikasi melalui emel dengan POPLAR Publishing pada 5 November 2013). Berdasarkan faktor-faktor yang telah dinyatakan, maka wajarlah siri buku bergambar ini dijadikan bahan penyelidikan.

Buku bergambar terbitan Jepun ini telah memperolehi banyak anugerah antarabangsa. Sejak tahun 1967, pameran buku bergambar antarabangsa diadakan di Slovakia setiap dua tahun sekali. Jepun telah berjaya memperolehi anugerah dalam setiap pameran tersebut (Kawai et al., 2011, ms.100). Selain itu, didapati kebanyakan kajian lepas menjalankan kajian ke atas buku bergambar terbitan negara-negara Barat atau buku bergambar yang memperolehi Anugerah Caldecott, iaitu anugerah yang diberikan setiap tahun kepada buku bergambar kanak-kanak Amerika yang terkenal. Kajian ke atas siri buku bergambar terbitan Jepun ini yang telah memperolehi banyak anugerah di Jepun dapat mengisi jurang penyelidikan ke atas buku bergambar.

Tujuan kajian ini adalah untuk menjalankan analisis intersemiotik makna interpersonal komponen bahasa dan visual yang terdapat dalam buku bergambar dengan mengenal pasti interaksi yang wujud antara ilustrator/penulis, penonton/pembaca, dan watak-watak iaitu partisipan (*represented participants*) yang terdapat dalam buku bergambar. Selain itu, jenis perhubungan intersemiotik yang terjalin antara komponen bahasa dan komponen visual juga dikaji untuk mengenal pasti sama ada komponen bahasa atau

komponen visual memainkan peranan yang lebih penting dalam buku bergambar untuk menyampaikan cerita.

Makna interpersonal komponen tekstual dikaji berdasarkan rangka penyelidikan Linguistik Sistemik Fungsian atau *Systemic Functional Linguistic* (selanjutnya disingkat SFL) yang disarankan oleh Halliday dan Matthiessen (2004). Makna interpersonal komponen visual pula dikaji berdasarkan rangka penyelidikan Sosial Semiotik Visual yang diperkenalkan oleh Kress dan van Leeuwen (1996, 2006). Lima jenis perhubungan teks dan imej yang disarankan oleh Nikolajeva dan Scott (2000, 2006) digunakan untuk menentukan jenis perhubungan intersemiotik yang terjalin antara komponen bahasa dan visual yang terdapat dalam buku bergambar.

Istilah-istilah penting yang digunakan dalam kajian ini ditentukan melalui rujukan Kamus Linguistik (1997) dan sumber buku-buku yang berkaitan dengan kajian ini seperti ditunjukkan dalam Lampiran A.

### **1.1 Permasalahan penyelidikan**

Kini semakin ramai ibu bapa dan para pendidik memberi penekanan kepada pembacaan buku bergambar. Hal ini demikian kerana pengalaman membaca buku-buku bergambar membantu membangunkan sosial, peribadi, intelek, budaya, dan estetika kanak-kanak (Jalongo, 2004, ms.8). Pakar sasterawan kanak-kanak *Tadashi Matsui* menyarankan bahawa cara yang betul semasa membaca buku bergambar ialah melihat imej buku bergambar di samping mendengar orang lain bercerita (Kawai et al., 2011, ms.39). Akan tetapi didapati ramai ibu bapa hanya membiarkan anak membaca buku bergambar bersendirian. Sesetengah ibu bapa dan guru hanya membacakan cerita dari buku

bergambar untuk kanak-kanak dengan mengabaikan imej-imej buku bergambar. Dengan ini kanak-kanak tidak diberi peluang untuk melihat imej yang terkandung dalam buku bergambar. Ekoran daripada itu, kanak-kanak tidak dapat memasuki dunia cerita dan tidak dapat menghayati nilai yang ingin disampaikan melalui imej dalam buku bergambar.

Semasa membaca buku bergambar, kedua-dua komponen imej dan bahasa tidak harus diabaikan kerana kedua-dua komponen tersebut memainkan peranan yang sama penting untuk menyampaikan maklumat. Menurut Lin (2010), generasi dewasa kini merupakan generasi yang lebih mementingkan pembelajaran teks bertulis dan kekurangan keupayaan untuk membaca imej. Di samping itu, generasi kini lebih mementingkan makna yang terhasil daripada tulisan yang dibentuk melalui setiap coretan. Mereka telah mengabaikan bahawa imej juga terbentuk melalui coretan dan imej seperti tulisan dapat menyampaikan maklumat tersurat dan tersirat. Pengabaian imej semasa membaca buku bergambar boleh diibaratkan sebagai buta huruf iaitu melihat imej tetapi tidak memahaminya (Lin, 2010, ms.5).

## **1.2 Objektif kajian**

Tujuan kajian ini adalah untuk menjalankan analisis intersemiotik makna interpersonal elemen tekstual dan elemen visual yang terdapat dalam siri buku bergambar *可爱的鼠小弟* (Saudara Tikus Yang Comel) dengan mengenal pasti interaksi yang wujud antara ilustrator/pengarang, penonton/pembaca, dan watak-watak/partisipan (*represented participants*) yang terdapat dalam buku bergambar. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengkaji jenis perhubungan intersemiotik yang terjalin antara komponen tekstual dan

komponen visual bagi mengenal pasti komponen mana yang memainkan peranan yang lebih penting dalam buku bergambar untuk menyampaikan cerita. Dengan ini, diharapkan kajian ini dapat memperkenalkan peranan penting yang dimainkan oleh elemen-elemen tekstual dan visual buku bergambar dalam penceritaan dan memperkenalkan buku bergambar yang berkualiti kepada pembaca, ibu bapa dan para pendidik agar siri buku ini dipilih sebagai salah satu bahan bacaan utama.

### **1.3 Soalan kajian**

Berdasarkan objektif yang dinyatakan, maka kajian dijalankan untuk menjawab soalan-soalan berikut:

- i) Bagaimana elemen-elemen tekstual yang terdapat dalam buku bergambar membawa makna interpersonal?
- ii) Bagaimana elemen-elemen visual yang terdapat dalam buku bergambar membawa makna interpersonal?
- iii) Apakah perhubungan intersemiotik yang terjalin antara elemen tekstual dan elemen visual dalam buku bergambar?

### **1.4 Kepentingan kajian**

Kini, buku bergambar digunakan sebagai bahan bacaan awal kanak-kanak secara meluas di rumah dan di sekolah. Buku bergambar mendapat sambutan yang baik di kalangan ibu bapa dan para pendidik sebagai bahan pengajaran kerana seperti kesusasteraan kanak-kanak lain, buku bergambar memainkan peranan yang penting dalam tumbesaran kanak-kanak, membangunkan bahasa, pemikiran, emosi dan imaginasi kanak-kanak (Zhu, 2011, ms.18). Selain itu, pengalaman membaca buku-buku bergambar dapat membantu dari aspek sosial, peribadi, intelek, budaya, dan

estetika kanak-kanak (Jalongo, 2004, ms.8). Oleh itu, kajian ke atas buku bergambar adalah bermanfaat kepada ibu bapa dan para pendidik yang menggunakan buku bergambar sebagai bahan pengajaran. Hasil kajian ini dapat menambah pengetahuan ibu bapa dan para pendidik tentang peranan yang dimainkan oleh elemen-elemen tekstual dan imej dalam buku bergambar agar membantu mereka menggunakan buku bergambar sebagai bahan pengajaran dengan berkesan.

Abad ke-21 merupakan abad yang penuh dengan teks multimodal. Teks multimodal cetakan, khasnya buku bergambar kontemporari berkomunikasi dalam pelbagai mod termasuk imej visual, elemen reka bentuk dan bahasa bertulis. Teks sebegini menimbulkan cabaran kepada pembaca untuk memahami makna yang dihasilkan melalui kombinasi pelbagai sistem tanda (Siegel, 2006). Kajian ini diharapkan dapat memberi pengetahuan kepada para ibu bapa dan pendidik tentang cara komponen bahasa dan visual dalam buku bergambar berinteraksi antara ilustrator/penulis, penonton/pembaca, dan watak-watak/partisipan (*represented participants*) yang terdapat dalam buku bergambar dalam pembentukan makna.

Seperti yang disarankan oleh pakar sasterawan kanak-kanak *Tadashi Matsui*, cara yang betul semasa membaca buku bergambar ialah melihat imej di samping mendengar orang lain membaca ceritanya. Dengan cara begini, pembaca dapat memperolehi manfaat yang optimum melalui buku bergambar (Kawai et al., 2011, ms.39). Kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada ibu bapa dan para pendidik tentang perhubungan intersemiotik yang terjalin antara elemen tekstual dan elemen visual dalam buku bergambar dalam penyampaian cerita. Dengan ini, diharapkan mereka dapat memberi perhatian kepada kedua-dua elemen tekstual dan visual semasa menggunakan buku bergambar sebagai bahan pengajaran.



Pada permulaan, buku-buku bergambar di pasaran negara kita adalah diimport dari luar negara seperti Amerika Syarikat, England, China, Taiwan dan Jepun. Ekoran daripada meningkatnya budaya pembacaan buku bergambar di prasekolah dan sekolah rendah (Jalongo, 2004; Lin, 2010) dan pula ramai ibu bapa juga mempunyai kesedaran tentang kelebihan membaca buku bergambar, maka terdapat banyak buku bergambar tempatan telah diterbitkan untuk memenuhi permintaan pasaran yang luas. Kajian ini diharapkan dapat memberi idea kepada penerbit tempatan untuk menghasilkan buku-buku bergambar yang unik, format yang kreatif dan inovatif, serta mempunyai nilai yang tinggi dari segi komersial mahupun kesenian.

Walaupun sejak belakangan ini banyak kajian telah dijalankan ke atas buku bergambar di negara-negara Barat dan di beberapa negara di Asia seperti Jepun, China dan Taiwan, masih terlalu sedikit kajian ke atas buku bergambar dilakukan di Malaysia. Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan ke atas bidang linguistik dan semiotik dalam genre buku bergambar di negara kita. Kajian ini juga diharap dapat menjadi sumber rujukan kepada penyelidik tempatan yang ingin menjalankan kajian ke atas buku bergambar pada masa akan datang.

Didapati sampel buku bergambar yang dipilih sebagai bahan kajian sebelum ini ialah buku bergambar yang mempunyai latar belakang yang berwarna-warni. Kajian ini dijalankan ke atas buku bergambar yang gambarnya hanya terdiri daripada lakaran hitam putih yang ringkas dan tidak mempunyai latar belakang. Walaupun imej dan bahasa yang digunakan dalam siri buku bergambar ini nampaknya sangat ringkas, tetapi siri buku bergambar ini mendapat sambutan yang sangat baik dan telah memperolehi

tiga anugerah utama di Jepun (Nakae & Ueno, 2009). Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberi idea kepada pencipta buku bergambar menggunakan elemen-elemen tekstual dan visual dengan gaya tersendiri untuk menghasilkan buku bergambar yang berkualiti. Selain itu, kajian ini dijalankan ke atas satu siri buku bergambar yang terdiri daripada enam buah buku berbanding hanya sebuah buku bergambar dipilih untuk kajian sebelum ini (Moya, 2008, 2010, 2011a, 2011b).

Kajian ke atas siri buku bergambar ini juga diharap dapat memperkenalkan buku bergambar yang berkualiti selain buku bergambar yang memperolehi Anugerah Caldecott dari negara Barat sahaja yang diperkenalkan kepada orang ramai, khususnya kepada ibu bapa dan para pendidik yang menggunakan buku bergambar sebagai bahan pengajaran. Dengan ini, mereka mempunyai pemilihan yang lebih luas semasa memilih bahan bacaan untuk kanak-kanak dan diharapkan siri buku ini dapat dipilih sebagai salah satu bahan bacaan utama di rumah dan di sekolah.

### **1.5 Batasan kajian**

Kajian ini merupakan penyelidikan kualitatif untuk mengkaji elemen-elemen tekstual dan visual buku bergambar bahasa Cina dari segi makna interpersonal. Sampel hanya terdiri daripada siri pertama buku bergambar *可爱的鼠小弟* (Saudara Tikus Yang Comel) yang ditulis oleh Yoshio Nakae dan Yukiko Ueno, diterjemah oleh Zhao dan Wen Noriko. Antara tiga komponen metafungsi bahasa, kajian hanya bertumpu pada metafungsi interpersonal sahaja untuk mengenal pasti cara elemen-elemen bahasa dan visual dalam buku bergambar berinteraksi antara ilustrator/penulis, penonton/pembaca, dan watak-watak/partisipan (*Represented Participants*) yang terdapat dalam buku bergambar.

Kajian ini hanya tertumpu pada analisis makna interpersonal sahaja. Makna interpersonal elemen tekstual dianalisis berdasarkan kerangka teori SFL Halliday & Matthiessen (2004) dengan menentukan MOOD, polariti (*polarity*) dan modaliti (*modality*). Makna interpersonal elemen visual pula dianalisis berdasarkan kerangka teori Sosial Semiotik Visual Kress dan van Leeuwen (1996, 2006) dari segi tindakan imej dan pandangan, jarak sosial dan keintiman, serta penglibatan dan kuasa. Perhubungan intersemiotik yang terjalin antara elemen tekstual dan visual dianalisis berdasarkan kerangka teori Nikolajeva dan Scott (2000, 2006) iaitu mengenal pasti perhubungan yang terjalin antara elemen-elemen tekstual dan visual ialah simetri, saling melengkapi, penambahan, alternatif atau percanggahan.

## **1.6 Kesimpulan**

Bab ini telah memperkenalkan latar belakang kajian ini. Selain itu, permasalahan penyelidikan, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian ini juga telah dibincangkan. Bab yang seterusnya akan memperkenalkan literatur yang berkaitan dengan kajian ini.

## **BAB 2**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.0 Pengenalan**

Bab ini membincangkan tinjauan literatur yang relevan dengan kajian ini. Bahagian 2.1 memberi definisi buku bergambar manakala bahagian 2.2 memperkenalkan kategori buku bergambar dalam kajian. Bahagian 2.3, 2.4 dan 2.5 pula membincangkan kerangka teori kajian ini iaitu Linguistik Sistemik Fungsian (SFL), Sosial Semiotik Visual dan jenis perhubungan intersemiotik teks/imej. Bahagian 2.6 pula memberi gambaran ke atas kajian penyelidikan lepas yang berkaitan dengan buku bergambar.

#### **2.1. Definisi buku bergambar**

Menurut Peng (2011, ms.7) dan Fang (2012, ms.9), tidak terdapat definisi yang spesifik bagi konsep buku bergambar kerana secara umumnya, terdapat pelbagai jenis buku bergambar. Definisi rasmi bagi buku bergambar berbeza-beza. Sebahagian sarjana mentakrifkan buku bergambar merupakan bahan bacaan yang ilustrasi memainkan peranan dominan dalam bercerita manakala ada juga sarjana yang menyarankan bahawa ilustrasi dan teks dalam buku bergambar saling berinteraksi (Martinez & Harmon, 2012, ms.323). Menurut Jalongo (2004, ms.12), buku bergambar sekurang-kurangnya mempunyai tiga elemen iaitu apa yang diceritakan melalui perkataan, apa yang diceritakan melalui gambar dan apa yang disampaikan berdasarkan gabungan keduanya. Elemen keempat ialah hubungan peribadi kanak-kanak dengan buku bergambar yang dibaca.

Satu definisi buku bergambar yang dirujuk secara meluas ialah definisi dari Barbara Bader (1976) yang telah membuat kajian ke atas buku-buku bergambar kanak-kanak Amerika pada abad kedua puluh (Lewis, 2001a; Kiefer, 2011; Zhu, 2011). Definisi Bader (1976) ke atas buku bergambar adalah seperti berikut:

*A picturebook is text, illustrations, total design; an item of manufacture and a commercial product; a social, cultural, historical document; and foremost an experience for a child. As an art form it hinges on the interdependence of pictures and words, on the simultaneous display of two facing pages, and on the drama of the turning page. (ms.1)*

Oleh itu, menurut Bader (1976), buku bergambar adalah (i) gabungan teks, ilustrasi dan reka bentuk; (ii) item pembuatan dan produk komersial; (iii) dokumen sosial, budaya, sejarah dan (iv) satu pengalaman untuk kanak-kanak. Selain itu, menurut Bader (1976), buku bergambar merupakan satu bentuk seni yang perkembangan ceritanya bergantung kepada saling hubung kait antara imej dan tekstual yang dipaparkan dalam muka surat berkembar.

Menurut seorang penulis sastera terkenal Jepun, *Kunio Yanagida*, buku bergambar merupakan bahan bacaan yang menggunakan teks dan gambar yang sangat sedikit, biasanya antara sepuluh hingga dua puluh keping gambar dengan setiap gambar mempunyai teks yang sangat ringkas untuk menonjolkan maklumat tentang kehidupan, kebahagiaan, perasaan terharu dan lain-lain emosi melalui penceritaan (Kawai et al., 2011, ms.98). Pakar kesusasteraan kanak-kanak di China, Peng (2011, ms.7) menyatakan bahawa buku bergambar merupakan suatu kesenian yang menggunakan interaksi dua jenis media pada tahap yang berbeza, iaitu gambar dan teks untuk

menyampaikan sebuah kisah yang lengkap. Seorang lagi pakar kesusasteraan kanak-kanak di China, Fang (2012) pula menyatakan bahawa bagi buku bergambar, yang penting adalah cara gabungan kedua-dua teks dan gambar, iaitu dengan cara penciptaan semula dengan menyepadukan kedua-dua bahasa dan seni lukisan tanpa kehilangan ciri-ciri bersepadu masing-masing (ms.9).

Merujuk kepada definisi pakar-pakar tersebut, dapat disimpulkan bahawa buku bergambar merupakan genre bahan bacaan yang menggunakan dua sistem tanda untuk bercerita, iaitu sistem bahasa dan sistem visual. Dalam konteks hari ini, istilah “buku bergambar” juga khususnya merujuk kepada buku yang menggunakan kedua-dua unsur gambar dan teks untuk menyampaikan cerita yang lengkap. Buku bergambar merupakan kategori khas buku kanak-kanak yang menggunakan gambar sebagai unsur naratif dalam ungkapan sastera (Fang, 2012, ms.10). Oleh itu, buku bergambar dalam kajian ini merujuk kepada buku cerita bergambar (*picturestory books*) yang menggunakan kedua-dua teks dan imej untuk menyampaikan cerita.

## **2.2 Kategori buku bergambar dalam kajian**

Buku bergambar secara umumnya merujuk kepada pelbagai buku kanak-kanak yang berilustrasi. Biasanya, buku bayi (*baby books*), buku abjad (*alphabet books*), buku kira-mengira (*Counting books*), buku konsep (*concept books*), buku mainan (*toy books*) dan lain-lain buku kanak-kanak yang berilustrasi juga digolongkan sebagai buku bergambar (Norton, 1999; Glazer, 2000; Peng, 2011). Kebanyakan buku kanak-kanak mempunyai ilustrasi, tetapi bukan semua buku yang mempunyai ilustrasi ialah buku bergambar. Sebagai buku bergambar, kedua-dua gambar dan teks mesti mencapai keseimbangan untuk membawa makna yang berkesan (Norton, 1999, ms.214; Peng, 2011, ms.7).

Bagi buku berilustrasi, lukisan biasanya diletakkan secara berkala di dalam teks, terutamanya pada pembukaan bab baru. Kanak-kanak boleh membaca dan memahami keseluruhan cerita tanpa ilustrasi ini. Sebaliknya, bagi buku bergambar, kanak-kanak mesti “membaca” kedua-dua teks dan gambar untuk memahami keseluruhan cerita. Gambar-gambar dalam buku bergambar memainkan peranan melanjutkan, menjelaskan, melengkapkan atau mengambil alih peranan perkataan (Shulevitz, 1989, dipetik dari Jalongo, 2004, ms.11).

### **2.2.1 Ciri-ciri buku bergambar**

Secara umumnya, menurut Sutherland (1997), buku-buku bergambar untuk kanak-kanak memiliki lima ciri-ciri berikut:

- i) Mengemukakan jalan cerita dengan cara yang ringkas dan mudah.
- ii) Mengandungi konsep yang terhad.
- iii) Menggunakan konsep yang difahami oleh kanak-kanak.
- iv) Menggunakan teks yang langsung dan ringkas.
- v) Mengandungi ilustrasi yang bertujuan melengkapkan teks.

Tiga elemen asas buku bergambar ialah gambar, teks dan naratif (Fang, 2012, ms.10). Gambar-gambar yang terdapat dalam buku bergambar berbeza daripada pengertian ilustrasi secara umum, tetapi merupakan sejenis bahasa penceritaan yang khas. Imej-imej dalam setiap muka surat tidak wujud secara bersendirian, tetapi mempunyai sifat berterusan untuk menyampaikan cerita secara naratif. Biasanya, imej dalam buku bergambar khas untuk pembaca kanak-kanak terdiri daripada pelbagai gambar kartun yang comel dan lucu supaya dapat menarik perhatian kanak-kanak. Pengarang juga suka menggunakan gambar-gambar binatang yang bersifat kemanusiaan untuk

menyampaikan cerita yang biasa berlaku dalam kehidupan kanak-kanak seharian (Lin, 2010, ms.15).

Teks buku bergambar ditulis dengan gaya yang langsung dan mudah difahami. Kadang-kadang ayat yang digunakan adalah dalam bentuk berulang atau bentuk lagu berirama agar senang dibaca oleh kanak-kanak. Walau bagaimanapun, teks yang ringkas dan singkat tersebut memainkan peranan yang sangat penting untuk berkoordinasi dengan imej agar menghasilkan cerita naratif yang lengkap. Kebanyakan buku bergambar mengandungi proses naratif yang berpusatkan suatu tema cerita seperti cerita dongeng, cerita binatang atau cerita kanak-kanak (Fang, 2012, ms.10). Buku bergambar mesti bijak menggunakan elemen-elemen tekstual dan imej yang konsisten agar pembaca yang tidak fasih membaca dapat memahami cerita apabila mendengar cerita atau dapat memahami kandungan cerita melalui “membaca” gambar-gambar yang terkandung dalam buku bergambar (Peng, 2011, ms.7; Zhu, 2011, ms.16; Fang, 2012, ms.9).

Alur cerita buku bergambar adalah ringkas (lebih kurang 200 patah perkataan) dan senang difahami dengan konsep yang terhad (Jalongo, 2004, ms.11). Buku bergambar umumnya mempunyai susun atur cerita yang direka dengan baik dari muka depan, halaman yang mengandungi judul, halaman dalaman hingga kulit belakang membentuk naratif yang lengkap (Lin, 2010, ms.80; Peng, 2011, ms.7). Cara persembahan buku bergambar adalah dengan halaman rekto dan verso yang terkandung teks dan gambar yang saling melengkapi. Perkembangan cerita berlaku apabila halaman buku dibuka (Peng, 2011, ms.7 ; Northrup, 2012, ms.2). Sesebuah buku bergambar perlu mempunyai idea yang baik dari segi plot, tema, latar belakang dan watak.



Penerbitan sesebuah buku bergambar juga perlu mengambil kira gaya susun atur, saiz teks, dan saiz halaman yang sesuai. Biasanya sesebuah buku bergambar setebal 32 hingga 40 muka surat sahaja (Jalongo, 2004, ms.11; Northrup, 2012, ms.2). Gambar-gambar membentuk imej visual yang berterusan melalui setiap muka surat. Bagi buku bergambar yang mengandungi 32 muka surat, biasanya hanya 28 atau 29 muka surat sahaja yang membentuk cerita. Muka surat yang lain termasuk halaman tajuk, halaman hak cipta, dan kadang-kadang halaman dedikasi atau dua halaman penuh bagi tajuk (Northrup, 2012, ms.2).

### **2.2.2 Buku bergambar sebagai teks multimodal**

Pada masa ini, kita hidup dalam era pembangunan pesat teknologi. Kesan daripada perkembangan rangkaian teknologi dan multimedia, budaya visual berkembang dengan pesatnya. Ramai sarjana telah memperkembangkan ciri-ciri semiotik sosial Halliday ke bidang multimodal untuk memahami makna imej, bunyi, pergerakan dan sebagainya semasa berkomunikasi. Teks multimodal menjana makna melalui mod representasi yang berlainan dengan setiap mod menyumbang sebahagian daripada makna yang lengkap (Kress, 2003, ms.5). Oleh itu, teks Multimodal merupakan teks yang menyampaikan mesej dengan menggunakan lebih daripada satu mod semiotik, atau lebih dari satu saluran komunikasi.

Buku bergambar merupakan teks cetakan bentuk multimodal dengan menggabungkan imej visual, elemen reka bentuk dan bahasa bertulis untuk menyampaikan maklumat atau memberi naratif dalam cara-cara tertentu. Selain ilustrasi, gambar, lukisan dan imej visual lain terkandung dalam buku bergambar kontemporari, bahasa bertulis

dikemukakan melalui muka tertentu, dan elemen-elemen reka bentuk menjadikan buku bergambar kohesif dan koheren (Bader, 1976 ; Lewis, 2001a; Sipe, 2001).

Buku bergambar merupakan teks multimodal kerana menyampaikan cerita melalui elemen-elemen tekstual dan visual iaitu teks dan imej mengukuhkan makna antara satu sama lain tanpa menawarkan maklumat yang sama. (Nodelman, 1988; Moya & Pinar, 2008). Setiap visual, teks dan elemen reka bentuk dalam buku bergambar dianggap sebagai sumber semiotik oleh pengarang, pereka, penerbit dan pembaca yang membawa makna dan ini menjadikan kandungan buku-buku bergambar kontemporari lebih padat (Serafini & Clausen, 2012, ms.14).

## **2.3 Linguistik Sistemik Fungsian**

Kajian ini menggunakan rangka kerja Linguistik Sistemik Fungsian (SFL) yang disarankan oleh Halliday dan Matthiessen (2004) untuk mengkaji makna interpersonal elemen-elemen tekstual yang terkandung dalam buku bergambar. Bahagian 2.3.1 memperkenalkan latar belakang Sistemik Fungsian Linguistik (SFL) manakala bahagian 2.3.2 menjelaskan perspektif teori SFL yang berkaitan dengan kajian ini.

### **2.3.1 Latar belakang Linguistik Sistemik Fungsian**

Linguistik Sistemik Fungsian (SFL) merupakan tradisi pendekatan fungsian bahasa yang dipelopori oleh M.A.K. Halliday yang bermula dengan kajian beliau ke atas bahasa Cina pada 1950-an (Caffarel & Mathiessen, 2004, ms.2). Halliday membangunkan teori SFL berdasarkan kerja-kerja ahli linguistik sebelumnya khususnya J.R. Firth dan Malinowski (Bloor & Bloor, 2004, ms.244; Malmkjaer, 2010, ms.524). Ahli-ahli linguistik lain seperti Ferdinand de Saussure, Bluhler dan ahli linguistik dari

aliran *Prague* juga banyak mempengaruhi pembentukan konsep asas SFL (Halliday, 1995, ms.272; Bloor & Bloor, 2004, ms.244).

Sejak tahun 1980, teori sistemik diperluas kepada pelbagai bidang seperti kepintaran buatan (*artificial intelligence*), perkembangan bahasa kanak-kanak, analisis wacana, ilmu gaya bahasa, dan pendidikan bahasa (Halliday, 1995, ms.274). Pendekatan SFL telah digunakan dalam kajian pelbagai teks dan pelbagai bahasa. SFL merupakan satu pendekatan yang berwibawa buktinya Halliday (1994) menyifatkan SFL sebagai “*sensible and useful things about any text, spoken or written, in modern English*”(ms. xv). Selain bahasa Inggeris, teori ini juga digunakan dalam kajian bahasa-bahasa lain terutamanya bahasa Cina, bahasa Indonesia, bahasa Tagalog, bahasa Jepun, bahasa Jerman, bahasa Perancis dan bahasa Belanda (Halliday, 1995, ms.274).

Istilah “sistemik” dan “fungsian” merupakan cabang linguistik dari *Systemic Functional Grammar* dan telah membentuk rangka SFL. Istilah “sistemik” dalam sistemik fungsian merujuk kepada perhubungan dalaman bahasa sebagai satu sistem rangkaian, manakala “fungsian” adalah berkenaan dengan penggunaan bahasa (Bloor & Bloor, 2004, ms.2). Menurut Halliday, bahasa merupakan sumber yang wujud dalam minda seseorang dalam bentuk sistem rangkaian. Sistem rangkaian ini boleh menyediakan pilihan rangkaian bahasa. Seseorang akan mengekstrak maklumat dalam fikiran dengan memilih bahasa yang sesuai untuk meluahkan emosinya mengikut situasi yang berlainan (Shum, 2010, ms.4). Berdasarkan perspektif SFL, bahasa berfungsi untuk membentuk makna dan bahasa mempunyai tiga fungsi utama iaitu fungsi menyampaikan pengalaman (fungsi ideasional), fungsi bertukar pengalaman (fungsi interpersonal) dan fungsi merangkai pengalaman (fungsi tekstual).

Pembangunan SFL merupakan satu proses yang berterusan dan ini menjadikan teori SFL sebagai teori bahasa yang universal. Kerangka teori SFL telah digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang penyelidikan, pelbagai jenis teks dan bahasa. Oleh itu, kerangka teori SFL Halliday digunakan dalam kajian ini untuk menganalisis elemen tekstual bagi menjelaskan cara bahasa distrukturkan untuk mentafsirkan makna interpersonal.

### **2.3.2 Perspektif teori Linguistik Sistemik Fungsian**

Pakar linguistik aliran SFL mendakwa bahawa bahasa digunakan berdasarkan fungsinya, iaitu manusia menggunakan bahasa untuk mewujudkan makna tertentu semasa berkomunikasi dengan orang lain. Dalam proses membuat makna, pengguna bahasa perlu membuat pilihan pada sistem bahasa seperti sistem semantik, tatabahasa dan perbendaharaan kata dalam cara-cara tertentu dengan bergantung kepada konteks penggunaan (Eggins, 2004). Eggins (2004, ms.3) meringkaskan konsep teori SFL seperti berikut:

1. *“that language use is functional”*
2. *“that its function is to make meanings”*
3. *“that these meanings are influenced by the social and cultural context in which they are exchanged”*
4. *“that the process of using language is a semiotic process, a process of making meanings by choosing”*

### 2.3.2.1 Bahasa merupakan sistem semiotik

Bagi SFL, bahasa adalah sistem semiotik iaitu pengguna bahasa mempunyai pilihan yang tidak terhad untuk mewujudkan makna seperti yang dinyatakan di bahagian 2.3.2 “*that the process of using language is a semiotic process, a process of making meanings by choosing*”. Sebagai contoh, seseorang yang ingin mengetahui masa boleh mengutarakan maksud dengan cara yang berlainan seperti berikut:

- i. Sekarang pukul berapa?
- ii. Sila beritahu saya sekarang pukul berapa.
- iii. Saya ingin tahu sekarang pukul berapa.

(diadaptasi dari Bloor & Bloor, 2004, ms.3)

Walaupun semua ekspresi di atas menunjukkan keinginan untuk mengetahui masa, tetapi sebenarnya setiap ekspresi telah mencipta makna interpersonal yang berbeza. Ekspresi pertama adalah dalam bentuk soalan (MOOD interogatif) dengan penutur memainkan peranan sebagai penyoal yang menuntut maklumat daripada pendengar. Ekspresi kedua adalah dalam bentuk perintah (MOOD imperatif) iaitu penutur memberi suatu perintah dan menjangka pendengar mematuhi perintahnya. Ekspresi ketiga pula dalam bentuk kenyataan (MOOD deklaratif) dengan hasrat untuk mendapatkan maklumat.

Dalam kajian ini, pilihan bahasa terutama MOOD, modaliti dan polariti dikaji untuk menentukan makna interpersonal yang wujud antara interaksi pengarang, pembaca, dan watak-watak/partisipan (*Represented Participants*) yang terdapat dalam buku bergambar.

### **2.3.2.2 Bahasa adalah kontekstual**

Bagi SFL, penggunaan bahasa sebagai alat interaksi sosial dalam proses mencipta makna adalah bersifat kontekstual. Penggunaan bahasa adalah bergantung kepada konteks yang melatarbelakangkan interaksi tersebut bagi memahami sepenuhnya makna yang dibuat dalam sistem semiotik bahasa seperti yang dinyatakan di bahagian 2.3.2 *“that these meanings are influenced by the social and cultural context in which they are exchanged”*. Konteks yang dimaksudkan ialah konteks budaya dan konteks situasi dan kedua-dua konteks tersebut perlu diambil kira untuk memahami makna yang dicipta oleh sesuatu teks (Butt et al., 2000, ms.3; Eggins, 2004, ms.24).

Konteks budaya berkaitan dengan persekitaran sosiobudaya yang luas termasuk ideologi, konvensyen sosial dan institusi. Konteks budaya adalah berkaitan dengan tanggapan tujuan sosial (Droga & Humphrey, 2002, ms.2). Konteks budaya menggambarkan tujuan dan makna ke atas semua jenis aktiviti sosial dan aktiviti sosial membantu kita menentukan genre teks yang digunakan (Eggins, 2004, ms.30). Penentuan genre teks memainkan peranan yang penting dalam memulakan sesuatu analisis teks, terutamanya teks-teks yang biasa digunakan dalam konteks pendidikan (Droga & Humphrey, 2002, ms.3). Genre teks yang digunakan dalam kajian ini ialah buku bergambar kerana tujuan sosialnya adalah untuk menyampaikan cerita dengan menggunakan kedua-dua elemen bahasa dan imej.

Selain konteks budaya, penggunaan bahasa juga mengambil kira konteks situasi. Konteks situasi merujuk kepada keadaan tertentu dalam persekitaran sosiobudaya semasa menggunakan bahasa (Droga & Humphrey, 2002, ms.6). Dalam perspek SFL,

Halliday (1994, 2004) memperkenalkan tiga aspek konteks situasi dalam model fungsian yang mempengaruhi bentuk dan makna teks, yaitu medan, tenor dan mod:

- Medan: apa yang berlaku, yaitu jenis aktiviti sosial dan topik yang terlibat.
- Tenor: siapa yang mengambil bahagian dalam interaksi, yaitu peranan dan hubungan yang wujud antara penutur/ pendengar dan pembaca/ penulis.
- Mod: saluran atau medium komunikasi, yaitu sama ada secara lisan atau bertulis, sama ada ia digunakan untuk tindakan atau refleksi.

Secara ringkas, ketiga-tiga aspek konteks situasi dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- Medan: satu siri cerita yang mempunyai tema yang berlainan mempersembahkan cerita yang berlaku di antara seekor tikus dan binatang-binatang lain.
- Tenor: peserta yang terlibat dalam interaksi ialah pengarang, ilustrator, pembaca dan partisipan yang terdapat dalam cerita.
- Mod: cerita disampaikan melalui bahasa bertulis dan imej-imej yang saling melengkapi.

Dalam model Halliday, medan, tenor dan mod masing-masing merujuk kepada metafungsi ideational, interpersonal dan tekstual. Tenor adalah berkait rapat dengan perspektif interpersonal teks yang direalisasikan melalui sistem mood dan modaliti. Oleh itu, kajian perspektif interpersonal teks perlu merujuk kepada kedua-dua tenor dan mood seperti yang ditegaskan oleh Eggins (2004) seperti berikut:

*...it is by looking at how people use these systems of Mood and Modality in the clauses they exchange with each other that we can see speakers making meanings about such interpersonal dimensions as: the power or solidarity of their relationship; the extent of their intimacy; their level of familiarity with each other; and their attitudes and judgment. (ms.184)*

Oleh itu, melalui analisis mood dan modaliti sesuatu klausa, kita dapat mengesan makna interpersonal yang berlaku dalam sesuatu interaksi, iaitu kuasa atau hubungan, keintiman, tahap keakraban, sikap dan pertimbangan antara penutur. Memandangkan kajian ini tertumpu pada makna interpersonal, maka jenis mood dan modaliti akan dianalisis untuk mengenal pasti interaksi yang wujud antara ilustrator/pengarang, penonton/pembaca, dan partisipan (*Represented Participants*) (Silvana, 2008) yang terdapat dalam buku bergambar.

### **2.3.2.3 Metafungsi bahasa**

Halliday membangunkan pendekatan SFL terhadap bahasa verbal dan memperkenalkan satu set sistem tatabahasa untuk merealisasikan fungsi bahasa. Fungsi bahasa untuk penggunaan bahasa dikenali sebagai metafungsi dan tiga jenis metafungsi bahasa dalam pendekatan SFL ialah metafungsi ideasional, metafungsi interpersonal dan metafungsi tekstual. Tiga metafungsi tersebut merupakan komponen sistem semantik yang direalisasi melalui sistem yang berbeza pada peringkat klausa dari segi tatabahasa leksis (*lexicogrammar*).

Dalam sistem ini, klausa boleh dianalisis secara serentak berdasarkan cara ia menyampaikan pengalaman (ideational), cara ia memainkan peranan dalam hubungan



sosial (interpersonal), dan akhirnya, mengikut cara ia mengorganisasikan klausa menjadi mesej (tekstual) seperti yang dinyatakan oleh Halliday (1976) “*Whatever we are using language for, we need to make some reference to the categories of our experience; we need to take on some role in the interpersonal situation; and we need to embody these in the form of text*” (ms.29).

#### **(a) Metafungsi ideasional**

Metafungsi ideasional berkaitan dengan penggunaan bahasa untuk menyatakan pengalaman atau untuk mengorganisasikan, memahami dan mengekspresikan persepsi tentang dunia (Halliday, 1975; Bloor & Bloor, 2004). Fungsi ideasional merupakan bahagian bahasa yang bukan sahaja mengekspresi pengalaman yang berada di dunia luar sekitar diri kita malah juga di dalam dunia kesedaran kita sendiri (Halliday, 1994, ms.106). Bahagian tatabahasa yang merealisasikan metafungsi ideational ialah sistem transitiviti (*transitivity*).

Sistem transitiviti menerangkan barang, konsep, tindakan, perhubungan, partisipan (*participant*) dan sirkumstan (*circumstance*) (Silvana, 2008) yang membentuk perkara sesuatu teks. Dalam sistem transitiviti, klausa merupakan konfigurasi proses, partisipan dan sirkumstan yang wujud. Proses merujuk kepada kegiatan atau aktiviti yang terjadi dalam klausa. Jenis-jenis proses termasuk material, mental, relasional, verbal, kelakuan dan eksistensi. Partisipan merujuk kepada orang atau benda yang terlibat dalam sesuatu proses. Sirkumstan pula merujuk kepada faktor keadaan proses berlaku seperti masa, cara dan punca (Halliday & Matthiessen, 2004, ms.169). Secara umumnya, jenis proses dikesan melalui kata kerja, partisipan dikesan melalui kata nama dan sirkumstan dikesan melalui golongan adverba atau frasa preposisi (Droga & Humphrey, 2002).

## **(b) Metafungsi interpersonal**

Metafungsi interpersonal ialah penggunaan bahasa untuk berinteraksi antara pengguna bahasa. Metafungsi interpersonal dipengaruhi oleh tenor dan berkaitan dengan rundingan hubungan dan ungkapan pendapat dan sikap (Droga & Humphrey, 2002, ms.57). Metafungsi interpersonal bahasa merupakan aspek bahasa yang menerangkan fungsi bahasa untuk berinteraksi, iaitu penggunaan bahasa sebagai pertukaran di antara penutur dengan pendengar dan penulis dengan pembaca. Dalam hal bahasa sebagai alat berinteraksi, Halliday dan Matthiessen (2004) menyatakan bahawa:

*The most fundamental types of speech role, which lie behind all the more specific types that we may eventually be able to recognize, are just two: (i) giving, and (ii) demanding. Either the speaker is giving something to the listener (a piece of information, for example, as in Boof keeps scaring me) or he is demanding something from him (as in When [has Boof bit you]?). (ms.107)*

Pada peringkat dasar, terdapat dua tujuan bahasa digunakan semasa berinteraksi, iaitu (i) memberi dan (ii) meminta. Memberi bermaksud “mengundang untuk menerima”, meminta pula bermaksud “mengundang untuk memberi”. Semasa berinteraksi, penutur tidak hanya melakukan sesuatu sendiri, tetapi juga menuntut sesuatu daripada pendengar. Suatu “perbuatan” akan berlaku akibat daripada berbahasa dan keadaan ini lebih sesuai dinamakan sebagai “berinteraksi”. Interaksi sebegini melibatkan suatu pertukaran, iaitu “memberi” menandakan menerima dan “meminta” menandakan memberi dalam sesuatu respons (Halliday & Matthiessen, 2004, ms.107). Komoditi yang dimaksudkan dalam pertukaran semasa berinteraksi ialah (a) barang dan perkhidmatan atau (b) maklumat seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.1.

**Jadual 2.1: Memberi atau menuntut barang & perkhidmatan atau maklumat**

Peranan	Komoditi yang ditukar	
	(a) Barang & perkhidmatan	(b) Maklumat
(i)Memberi	Tawaran <i>Kamu suka teko ini?</i>	Kenyataan <i>Dia memberi saya teko.</i>
(ii)Meminta	Arahan <i>Bagi saya teko!</i>	Soalan <i>Apakah yang dia bagi kamu?</i>

(diadaptasi dari Halliday & Matthiessen, 2004, ms.107)

Oleh itu, dalam sesuatu interaksi, pengguna bahasa pada dasarnya memberi atau meminta barang dan perkhidmatan atau maklumat. Pertukaran komoditi melalui interaksi melibatkan empat fungsi pertuturan iaitu penawaran, arahan, pernyataan dan pertanyaan. Hal ini seterusnya dipadankan oleh satu set tindak balas, iaitu menerima tawaran, menjalankan perintah, mengakui kenyataan dan menjawab soalan (Halliday & Matthiessen, 2004, ms.108) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.2.

**Jadual 2.2: Fungsi pertuturan dan tindak balas**

Komoditi	Peranan pertuturan	Tindakan	Tindak balas	
			Dijangkakan	Dipertimbangkan
Barang & perkhidmatan	Memberi	Penawaran <i>(Boleh saya bagi kamu teko ini?)</i>	Terima <i>(baik, silakan.)</i>	Menolak <i>(Tidak, terima kasih.)</i>
	Meminta	Arahan <i>(Bagi saya teko itu!)</i>	Melakukan <i>(Ini teko.)</i>	Keenganan <i>(Tak nak.)</i>
Maklumat	Memberi	Penyataan <i>(Dia memberi saya teko.)</i>	Pengakuteraan <i>(Dia?)</i>	Kontradiksi <i>(Tidak, bukan dia.)</i>
	Meminta	Pertanyaan <i>(Dia memberi kamu apa?)</i>	Jawapan <i>(Satu teko.)</i>	Penafian <i>(Saya tidak tahu.)</i>

(diadaptasi dari Halliday & Matthiessen, 2004, ms.108)

Para peserta boleh berunding makna interpersonal dan mewujudkan hubungan antara satu sama lain melalui interaksi. Makna interpersonal terutama dinyatakan melalui sistem MOOD dalam sistem bahasa (Halliday, 1994; Halliday & Matthiessen, 2004). Sistem MOOD menyediakan sumber tatabahasa untuk merealisasikan pelbagai pilihan fungsi pertuturan.

Sikap (*attitude*) dan pertimbangan (*judgment*) yang terkandung dalam teks juga merupakan sebahagian daripada makna interpersonal klausa dan direalisasikan melalui sistem polariti (*polarity*) dan modaliti (*modality*). Modaliti merujuk kepada status pertimbangan penutur ke atas apa yang diperkatakan (Halliday & Matthiessen, 2004, ms.143), iaitu menafsirkan ketidakpastian antara lingkungan “ya” dan “tidak” (Halliday & Matthiessen, 2004, ms.147). Polariti pula merujuk kepada penilaian antara positif dan negatif. Pada tahap yang paling umum, rangkaian sistem MOOD terdiri daripada tiga sistem secara serentak iaitu jenis MOOD, polariti dan modaliti (Li, 2007, ms.111).


### **Sistem MOOD**

Dari perspektif interpersonal, klausa memainkan peranan yang penting dalam sistem MOOD kerana klausa membawa makna pertuturan. Selain organisasi mesej, klausa juga mengorganisasikan interaksi yang melibatkan penutur atau penulis dan penonton (Halliday & Matthiessen, 2004, ms.106). Jenis klausa merupakan sumber yang mewujudkan proposisi dan proposal. Dalam makna interpersonal, bahasa memainkan peranan dalam berinteraksi, iaitu penggunaan bahasa sebagai pertukaran. Apabila bahasa digunakan dalam pertukaran maklumat, klausa yang mendukung pertukaran tersebut mengambil bentuk proposisi. Apabila bahasa digunakan untuk pertukaran barang dan perkhidmatan pula, klausa mengambil bentuk proposal (Halliday &

Matthiessen, 2004, ms.110-111). Menurut Halliday (1994), dua variasi bentuk proposisi dan proposal tersebut membentuk fungsi utama pertuturan dalam bentuk klausa pelawaan, perintah, pernyataan dan pertanyaan (ms.69).

Dalam sistem MOOD, sesuatu klausa boleh digolongkan sama ada mempunyai status major atau minor. Klausa minor merupakan klausa yang tidak mempunyai struktur tematik seperti “John!” dan “Selamat malam!” (Halliday & Matthiessen, 2004, ms.72). Atau dengan kata lain, klausa major merupakan struktur klausa yang mempunyai unsur predikator (Halliday & Matthiessen, 2004, ms.23). Klausa minor tidak diambil kira dalam analisis dalam sistem MOOD kerana klausa minor tidak membawa maklumat yang lengkap, iaitu tiada struktur tematik (Halliday & Matthiessen, 2004, ms.72). Sesuatu klausa major boleh terbahagi kepada MOOD indikatif atau MOOD imperatif.

Klausa yang mempunyai Finit dan Subjek merupakan klausa MOOD indikatif. Bagi klausa indikatif, jika Subjek mendahului Finit, klausa tersebut mempunyai MOOD deklaratif. Terdapat dua jenis klausa interogatif iaitu jenis *ya/tidak* (tertutup) atau jenis *WH-* (terbuka). Bagi klausa interogatif jenis *ya/tidak*, Finit mendahului Subjek. Klausa yang mempunyai *Wh* merupakan klausa jenis interogatif *WH-*. Rajah 2.1 merupakan ringkasan sistem MOOD elemen. Rajah 2.1 juga menunjukkan jenis MOOD (deklaratif, interogatif atau imperatif) yang berlainan diekspresi melalui struktur tatabahasa yang berbeza. Di dalam rajah ini, tanda  $\searrow$  bererti “direalisasikan oleh”, tanda + bererti “kehadiran” dan tanda  $\wedge$  bererti “diikuti oleh”.




**Rajah 2.1: Sistem MOOD (Halliday & Matthiessen, 2004, ms.23)**

Menurut (Halliday & Matthiessen, 2004), dalam perspektif interpersonal, klausa memainkan peranan yang penting dalam sistem MOOD dan boleh dianalisis kepada dua komponen asas, iaitu Mood dan Residu seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.2.

Chong Beng	akan	datang ke pejabat esok.
Subjek	Finit	<b>Residu</b>
<b>Mood</b>		

**Rajah 2.2: Dua komponen asas klausa**

Bahagian klausa yang memainkan peranan dalam interaksi dipanggil Mood. Elemen yang membentuk Mood ialah Subjek dan Finit. Susunan Subjek dan Finit dalam klausa menentukan sama ada klausa tersebut mempunyai MOOD deklaratif, interogatif atau imperatif seperti ditunjukkan dalam Rajah 2.1. Residu merupakan elemen selain daripada Mood dan terdiri daripada predikator, komplemen dan adjung. Struktur unsur MOOD dalam klausa boleh ditunjukkan dalam Rajah 2.3.



**Rajah 2.3: Unsur MOOD dalam klausa**

Dalam bahasa Inggeris, gabungan subjek dan finit membentuk unsur mood dalam sesuatu proposisi atau proposal. Kesahan (*validity*) sesuatu klausa diukur daripada entiti yang menjadi subjek tatabahasa klausa tersebut seperti yang dinyatakan oleh Halliday dan Matthiessen bahawa subjek merupakan “*something by reference to which the proposition can be affirmed or denied*” (Halliday & Matthiessen, 2004, ms.117). Sebagai contoh, dalam proposisi “Chong Beng akan datang ke pejabat esok.”, proposisi tersebut adalah mengenai “Chong Beng”, iaitu subjek tatabahasa klausa atau dikenali sebagai pelaku dalam klausa di atas. Pendengar boleh sama ada mempersetujui proposisi dengan menyatakan “Ya, dia akan datang” atau menafikannya dengan menyatakan “Tidak, dia tidak akan datang”. Oleh itu, Subjek “Chong Beng” merupakan item tatabahasa yang memainkan peranan dalam klausa sebagai acara interaktif (Halliday & Matthiessen, 2004, ms.117).

Finit adalah fungsi gramatikal dalam klausa yang dapat digunakan untuk menentukan tiga jenis kesahan pada proposisinya iaitu (1) kala (*tense*); (2) modaliti; dan (3) polariti, terutamanya dalam bahasa Inggeris (Halliday & Matthiessen, 2004, ms.115-116). Kesahan tentang kala membolehkan masa dalam proposisi diutarakan. Kesahan tentang modaliti meletakkan proposisi di antara benar dan tidak, iaitu menyentuh persoalan darjah kesahan sesuatu proposisi di antara positif dan negatif. Kesahan tentang polariti

pula menyentuh kesahan persoalan sama ada sesuatu proposisi itu sah daripada segi positif atau negatif. Seperti subjek, finit juga merupakan item tatabahasa yang memainkan peranan dalam klausa sebagai acara interaktif.

Residu merupakan bahagian selain elemen Mood dalam klausa dan terdiri daripada predikator, komplemen dan adjung. Predikator direalisasi melalui frasa kerja dalam klausa tetapi tidak termasuk unsur finit seperti dalam “*was shining*”, dan “*have been working*”, “*shining*” dan “*been working*” merupakan unsur predikator (Halliday & Matthiessen, 2004, ms.121). Komplemen merupakan elemen residu yang berpotensi menjadi subjek tetapi bukan subjek dalam klausa tersebut (Halliday & Matthiessen, 2004, ms.122). Hal ini bermakna komplemen sebenarnya mempunyai potensi menjadi perdebatan dalam proposisi, dan komplemen boleh menjadi subjek jika klausa itu berubah menjadi bentuk pasif (Halliday & Matthiessen, 2004, ms.123). Sebagai contoh, dalam klausa “Mary membaca buku”, “buku” merupakan komplemen dan akan menjadi subjek jika klausa ditukar ke bentuk pasif, iaitu “Buku dibaca oleh Mary”. Adjung pula merupakan bahagian keterangan klausa, iaitu merupakan unsur yang tidak berpotensi menjadi subjek (Halliday & Matthiessen, 2004, ms.123) atau merupakan maklumat tambahan klausa. Kehilangan unsur adjung tidak akan menyebabkan kesalahan tatabahasa sesuatu klausa (Egins, 2004, ms.158). Secara umumnya, susunan unsur residu dalam klausa ialah: predikator ^ komplemen ^ adjung (Halliday & Matthiessen, 2004, ms.124).

Dalam bahasa Inggeris, gabungan subjek dan finit membentuk Mood dalam klausa dan susunan subjek dan finit berperanan menentukan sama ada klausa tersebut mempunyai MOOD deklaratif, interogatif atau imperatif. Akan tetapi, sistem bahasa Cina tiada unsur finit, maka analisis untuk penentuan MOOD klausa dalam bahasa Cina tidak



melibatkan finit. Elemen struktur MOOD bahasa Cina terdiri daripada subjek, predikator, komplemen dan adjung (Halliday & McDonald, 2004, ms.330; Li, 2007, ms.114). Subjek dan predikator merupakan unsur penting yang terlibat dalam makna interpersonal (Halliday & McDonald, 2004, ms.330).

### **Polariti**

Fungsi interpersonal bukan sahaja termasuk interaksi, tetapi juga menunjukkan makna penilaian (*evaluative*). Dalam bahasa, makna penilaian direalisasikan melalui sistem polariti. Menurut Halliday (1994), polariti merupakan pilihan antara positif dan negatif seperti berikut:

*POLARITY is the choice between positive and negative, as in is/isn't, do/don't. Typically, in English, polarity is expressed in the Finite element; each Finite verbal operator has two forms, one positive, is, was, can, etc., the other negative, isn't, wasn't, hasn't, can't (or is not, cannot...), etc. (ms.88)*

Kenyataan di atas menyatakan bahawa dalam bahasa Inggeris, polariti dinyatakan melalui unsur finit dalam dua bentuk, iaitu secara positif seperti *is, was, can* atau secara negatif seperti *isn't, wasn't, hasn't, can't*. Positif dan negatif merupakan ciri kontras klausa yang boleh dimanifestasikan dalam pelbagai cara. Positif dan negatif mewakili aspek potensi makna bahasa dan saling mendefinisikan, iaitu “tidak positif” membawa maksud yang sama dengan “negatif” dan “bukan negatif” membawa maksud yang sama dengan ‘positif’ (Halliday & Matthiessen, 2004, ms.22).

Dalam bahasa Cina, polariti positif adalah tidak bertanda (*unmarked*) manakala polariti negatif adalah bertanda (*marked*). Klausa negatif secara struktural ditandai dengan

penanda negatif. Empat penanda negatif yang umum dalam bahasa Cina ialah 不 (bu), 没 (mei), 没有 (meiyou) dan 别 (bie). Penanda negatif 不 (bu) digunakan untuk menunjukkan makna negatif; 没 (mei) digunakan bagi menunjukkan tidak mempunyai pengalaman; 没有 (meiyou) digunakan untuk menafikan penyelesaian suatu proses; 别 (bie) pula membawa maksud “jangan” (Halliday & McDonald, 2004).

Antara empat penanda negatif tersebut, 不 (bu), 没 (mei) dan 没有 (meiyou) biasanya digunakan dalam klausa indikatif. Penanda negatif 别 (bie) pula digunakan dalam klausa imperatif (Li, 2007, ms.132). Kadang kala, penanda negatif 不要 (buyao) yang bermaksud “jangan” juga digunakan dalam klausa imperatif (Halliday & McDonald, 2004, ms.341). Penanda negatif boleh ditambah ke dalam klausa positif untuk menjadikannya sebagai klausa negatif (Li, 2007, ms.132).

## **Modaliti**

Modaliti membolehkan penutur/pengarang untuk mengambil sesuatu posisi bagi mengekspresi pandangan atau pendapat, untuk menilai atau membuat keputusan dan menunjukkan sikap terhadap perkara dikatakan atau ditulis. Sesungguhnya, modaliti mengekspresi sesuatu di antara polariti positif “ya” dan polariti negatif “tidak” seperti ditegaskan oleh Halliday dan Matthiessen (2004):


*Polarity is thus a choice between yes and no. But these are not the only possibilities; there are intermediate degrees, various kinds of indeterminacy that fall in between, such as “sometime” or “maybe”. These intermediate degrees, between the positive and negative poles, are known collectively as MODALITY.*

*What the modality system does is to construe the region of uncertainty that lies between “yes” and “no”. (ms.147)*

Oleh itu, polariti hanya setakat pilihan antara “ya” dan “tidak”. Akan tetapi, terdapat beberapa tahap pertengahan dan ketakbolehtentuan antara “ya” dan “tidak” seperti “kadang-kadang” atau “mungkin”. Tahap pertengahan dan ketakbolehtentuan antara “ya” dan “tidak” ini dikenali sebagai modaliti.

Terdapat dua jenis modaliti, iaitu modalisasi (*modalization*) dan modulasi (*modulation*). Modalisasi berkait dengan penilaian terhadap proposisi (maklumat yang dinyatakan atau ditanyakan) yang merujuk kepada rundingan antara “ya” dan “tidak”. Modalisasi melibatkan ekspresi kemungkinan (*probability*) dan keseringan (*usuality*). Kemungkinan setara dengan “sama ada ya atau tidak”, iaitu mungkin ya, mungkin tidak, dengan darjah berkemungkinan yang berbeza. Keseringan pula setara dengan “kedua-dua ya dan tidak”, iaitu kadang-kadang ya, kadang-kadang tidak dengan darjah keseringan yang berbeza (Halliday & Matthiessen, 2004, ms.147).

Modulasi pula merupakan penilaian terhadap proposal (barangan dan perkhidmatan yang diminta atau ditawarkan). Modulasi melibatkan ekspresi kecenderungan dan obligasi. Kecenderungan melibatkan ekspresi darjah kecenderungan manakala obligasi merupakan ekspresi keinginan atau harapan penutur agar pendengar melakukan sesuatu tindak balas. Oleh itu, modulasi merujuk kepada rundingan antara “melakukan” dan “tidak melakukan” (Halliday & Matthiessen, 2004, ms.147). Jenis modaliti dan subkategorinya boleh ditunjuk melalui Rajah 2.4.



**Rajah 2.4: Jenis modaliti**

Modaliti dikesan melalui item leksikal (Halliday & McDonald, 2004, ms.229; Li, 2007, ms.135) dan dalam bahasa Cina, modalisasi dikesan melalui modal adverba (*modal adverbs*) manakala modulasi dikesan melalui kata bantu modal (*modal auxiliaries*) (Halliday & McDonald, 2004, ms.340; Li, 2007, ms.139). Kedua-dua modalisasi dan modulasi juga mempunyai tahap yang berlainan seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.3.

Dalam Jadual 2.3, terdapat dua pengecualian di mana modalisasi bukan direalisasi melalui modal adverb dan modulasi bukan direalisasi oleh kata bantu modal. Pengecualian pertama ialah kata bantu modal 应该\* (yinggai) yang bermaksud “sepatutnya” kadang-kadang juga bermaksud “pasti” bergantung kepada konteks. Pengecualian kedua ialah modal adverb 务必\* (wubi) yang merealisasikan obligasi tahap tinggi (Li, 2007, ms.139-141).

**Jadual 2.3: Kata bantu modal dan modal adverba dalam bahasa Cina**

Modaliti	Jenis Modaliti	Kategori	kata bantu modal	modal adverba
Modalisasi	Kemungkinan (probability)	pasti ( <i>certain</i> )	应该* ( <i>yinggai</i> )	必定 ( <i>biding</i> ) 一定 ( <i>yiding</i> ) 定 ( <i>ding</i> )
		mungkin ( <i>probable</i> )		大概 ( <i>dagai</i> ) 多半 ( <i>duoban</i> )
		boleh jadi ( <i>possible</i> )		可能 ( <i>keneng</i> ) 也许 ( <i>yexu</i> ) 或许 ( <i>huoxu</i> )
	Keseringan ( <i>usuality</i> )	selalu ( <i>always</i> )		一直 ( <i>yizhi</i> ) 向来 ( <i>xianglai</i> ) 总要 ( <i>zongyao</i> ) 总是 ( <i>zongshi</i> )
		kerap ( <i>usually</i> )		每每 ( <i>meimei</i> ) 往往 ( <i>wangwang</i> ) 经常 ( <i>jingchang</i> ) 时常 ( <i>shichang</i> ) 通常 ( <i>tongchang</i> ) 时时 ( <i>shishi</i> ) 常常 ( <i>changchang</i> ) 一再 ( <i>yizai</i> )
		kadang-kadang ( <i>sometimes</i> )		有时候 ( <i>youshihou</i> ) 偶尔 ( <i>ouer</i> ) 间或 ( <i>jianhuo</i> )
Modulasi	Kecenderungan ( <i>inclination</i> )	mampu ( <i>ability</i> )	能够 ( <i>nenggou</i> ) 会 ( <i>hui</i> )	
		azam ( <i>determined</i> )	定要 ( <i>dingyao</i> )	
		ingin ( <i>keen</i> )	想 ( <i>xiang</i> )	
	rela ( <i>willing</i> )	愿意 ( <i>yuanyi</i> )		
	Obligasi ( <i>obligation</i> )	wajib ( <i>require</i> )	必须 ( <i>bixu</i> )	务必* ( <i>wubi</i> )
		harus ( <i>supposed</i> )	应该 ( <i>yinggai</i> )	
boleh ( <i>allowed</i> )		可以 ( <i>keyi</i> )		

(diadaptasi dari Li, 2007, ms.140)

Memandangkan kajian ini tertumpu pada makna interpersonal, maka MOOD, modaliti dan polariti yang terdapat dalam elemen-elemen tekstual buku bergambar akan dianalisis.

### **(c) Metafungsi tekstual**

Metafungsi tekstual pula merupakan penggunaan bahasa untuk mencipta wacana yang utuh, berkesinambungan, kohesif dan koheren. Hal ini membolehkan penutur/penulis menganjurkan apa yang ingin mereka kata atau tulis ke dalam teks yang dapat difahami oleh pendengar/pembaca (Bloor & Bloor, 2004, ms.134). Metafungsi tekstual merupakan gabungan metafungsi ideasional dan metafungsi interpersonal untuk menghasilkan teks yang koheren agar relevan terhadap konteks dan dapat difahami.

Dalam metafungsi tekstual, klausa mempunyai sifat “mesej”. Ciri-ciri klausa sebagai penyampaian mesej dalam komunikasi direalisasi melalui struktur tematik (*thematic*) yang terdiri daripada elemen tema (*theme*) dan rema (*rheme*). Tema ialah titik permulaan mesej yang menempatkan dan mengorientasikan klausa dalam konteksnya. Rema pula ialah baki mesej tema, iaitu bahagian yang mengembangkan tema (Halliday & Matthiessen, 2004, ms.64). Gabungan kedua-dua tema dan rema akan menghasilkan mesej atau makna seperti yang dinyatakan oleh Halliday (1994) “...*one element in the clause is enunciated as the theme; this then combines with the remainder so that the two parts together constitute a message*” (ms.37).

## **2.4 Sosial Semiotik Visual**

Metafungsi bahasa yang disarankan oleh Halliday adalah merujuk kepada pembinaan makna dalam bahasa pertuturan dan penulisan. Tetapi realiti dunia ini bukan sahaja

diilhamkan melalui bahasa semata-mata. Menurut Kress dan van Leeuwen, seperti semua mod semiotik, bahagian visual juga memainkan peranan dalam sistem komunikasi yang lengkap. Oleh itu, berdasarkan kerangka teori SFL Halliday, Kress dan van Leeuwen (2006) telah memperkenalkan kerangka analisis untuk memberi makna kepada visual seperti dalam kenyataan berikut:

*...the visual, like all semiotic modes, has to serve several communicational (and representational) requirements, in order to function as a full system of communication. We have adopted the theoretical notion of 'metafunction' from the work of Michael Halliday for the purpose of dealing with this factor. (ms.41)*

Oleh itu, Kress dan van Leeuwen memperkenalkan kerangka kerja deskriptif multimodaliti dengan memberikan makna imej berdasarkan makna representasi (*representational*), interaktif (*interactive*) dan komposisi (*compositional*). Representasi setara dengan metafungsi ideational, interaktif sama erti dengan metafungsi interpersonal dan komposisi sepadan dengan metafungsi tekstual seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.4.

**Jadual 2.4: Metafungsi dan istilah Sosial Semiotik Visual yang sepadan (Kress & van Leeuwen, 1996, 2006)**

<b>Metafungsi SFL</b>	<b>Istilah Sosial Semiotik Visual</b>	<b>Elemen analisis visual</b>
Ideational	Representasi	Naratif/ konsepsi Representasi
Interpersonal	Interaktif	Kontak Jarak sosial Penglibatan dan kuasa
Tekstual	Komposisi	Nilai maklumat Kepentingan Bingkai

### **2.4.1 Representasi**

Representasi sepadan dengan metafungsi ideasional dalam sistem SFL dengan menjawab soalan “*what is the picture about?*” (Harrison, 2003, ms.50). Fungsi representasi menunjukkan partisipan yang terlibat (Silvana, 2008) (*Represented Participants*, selanjutnya disingkat RP) dan jenis proses yang terlibat. RP dalam makna representasi boleh terdiri daripada orang, tempat atau barang. Terdapat dua jenis proses dalam fungsi representasi, iaitu proses naratif dan proses konseptual. Jenis proses ditentukan melalui kewujudan vektor. Proses naratif dikatakan mempunyai vektor tetapi proses konseptual tidak melibatkan vektor. Vektor biasanya terdiri daripada garis pepenjuru yang mungkin terdiri dalam bentuk badan atau anggota badan, kontak mata atau alat-alat lain, yang bermaksud “disambungkan ke”, “adalah bergabung untuk” atau “berkaitan dengan” (Kress & van Leeuwen, 2006, ms.59).

Bagi proses naratif, imej membolehkan penonton wujud dalam cerita RP kerana imej mempunyai vektor gerakan. Bagi proses konseptual pula, imej tidak mempunyai vektor. Oleh itu, RP cenderung untuk berkumpul bersama untuk memberitahu penonton “konsep” siapa atau apa yang mereka wakili (Harrison, 2003, ms.51). Proses naratif merupakan proses yang memperihalkan proses berkaitan “berlaku” atau “melakukan”. Proses konseptual pula menggambarkan proses berkaitan dengan “menjadi” atau “mempunyai” (Kress & van Leeuwen, 2006, ms.73).

### **2.4.2 Interaksi**

Interaksi adalah mengenai tindakan dalam kalangan semua partisipan yang terlibat dan paparan imej dengan menjawab soalan “*How does the picture engage the viewer?*” (Harrison, 2003, ms.53). Fungsi interaktif merupakan cara imej menarik perhatian



penonton dan jenis hubungan yang wujud di antara tiga peserta: (i) penghasil imej, artis dan pereka, (ii) pembaca imej, dan (iii) partisipan (*Represented Participant*) (Kress & van Leeuwen, 2006, ms.114).

Kress dan van Leeuwen (2006) memperkenalkan tiga sistem untuk menganalisis makna interpersonal imej iaitu (i) tindakan imej dan pandangan, (ii) jarak sosial dan keintiman, dan (iii) penglibatan dan kuasa. Tiga sistem tersebut berfungsi interaktif kerana menunjukkan cara peserta dalam komposisi visual berinteraksi dengan penonton (Matthiessen, 2007, ms.20). Secara ringkasnya, sistem interaksi dan cara realisasi yang disarankan oleh Kress dan van Leeuwen (2006, ms.148) ditunjukkan dalam jadual berikut.

**Jadual 2.5: Sistem interaksi dan realisasi imej**

<b>Sistem</b>	<b>Realisasi</b>
Tindakan imej dan pandangan	Pemintaan: kewujudan kontak mata antara RP dan penonton. Penawaran: tiada kontak mata antara RP dan penonton.
Jarak sosial dan keintiman	Intim/personal: imej dilihat dari jarak dekat ( <i>close shot</i> ) Sosial: imej dilihat dari jarak sederhana ( <i>medium shot</i> ) Impersonal: imej dilihat dari jarak jauh ( <i>long shot</i> )
Penglibatan dan kuasa	Penglibatan: penonton melihat RP melalui sudut hadapan Tiada penglibatan: penonton melihat RP melalui sudut serong
	Kuasa penonton: penonton melihat RP dari paras tinggi Sama kuasa: penonton melihat RP pada paras mata Kuasa RP: penonton melihat RP dari paras rendah


Interaksi merupakan sumber yang merealisasikan metafungsi interpersonal dalam SFL. Dalam kajian ini, interaksi digunakan untuk mengkaji hubungan antara imej dan pembaca buku bergambar. Tiga sistem interaksi yang diperkenalkan oleh Kress dan van Leeuwen (1996, 2006) akan digunakan untuk menganalisis elemen-elemen imej buku bergambar. Setiap sistem interaksi akan dijelaskan dengan lebih terperinci di bahagian berikut.

#### **2.4.2.1 Tindakan imej dan pandangan**

Antara teknik visual yang digunakan untuk menganalisis makna interpersonal ialah ekspresi muka dan gerak isyarat yang mempunyai makna “memberi” dan “meminta”. Antara ekspresi muka yang memainkan peranan dalam makna interpersonal ialah (i) senyuman RP terhadap pembaca untuk mewujudkan hubungan sosial antara mereka, dan (ii) RP memandang pembaca untuk meminta pembaca berhubung dengan mereka. Selain ekspresi muka, sesetengah gerak isyarat imej juga menunjukkan wujudnya perhubungan RP dengan pembaca seperti menunjuk kepada pembaca atau gerak isyarat lain yang bertujuan menuntut sesuatu daripada pembaca (Kress & van Leeuwen, 2006, ms.118).

Ekspresi muka dan gerak isyarat yang dinyatakan di atas merupakan imej yang mempunyai kontak mata dengan pembaca. Kontak mata merupakan vektor yang wujud antara RP dan pembaca untuk menyatakan bahawa interaksi berlaku antara RP dan pembaca. Imej yang mempunyai vektor kontak mata dengan pembaca merupakan imej “meminta”. Imej permintaan merupakan imej RP memandang secara langsung terhadap pembaca, seolah-olah meminta pembaca untuk bertindak balas atau melaksanakan

tindakan tertentu. Oleh itu, pembaca dipelawa untuk berhubung dengan RP seperti Rajah 2.5.



**Rajah 2.5: Contoh imej yang mempunyai kontak mata dengan pembaca**

Imej yang tiada kontak mata antara RP dengan pembaca merupakan imej “menawar”. Imej tawaran merupakan imej yang tidak mewujudkan perhubungan dengan pembaca tetapi semata-mata menawarkan maklumat sahaja. Imej yang berperanan menawar maklumat tidak mengehendaki pembaca untuk berinteraksi atau mengambil sebarang tindak balas. Imej tawaran hanya berperanan menyampaikan maklumat yang sama ada diperakui atau dinafikan oleh pembaca. Rajah 2.6 merupakan contoh imej yang tiada kontak mata antara RP dan pembaca.



**Rajah 2.6: Contoh imej yang tiada kontak mata dengan pembaca**

Bagi imej tawaran, tiada kontak mata diwujudkan. RP merupakan objek buat renungan pembaca dan wujud untuk diperhatikan tanpa memerlukan pembaca melibatkan diri dalam hubungan personal. Peranan pembaca adalah sebagai pemerhati. Sebaliknya, bagi imej permintaan, pembaca merupakan objek yang direnung oleh imej supaya melakukan tindak balas dan hal ini merealisasikan hubungan sosial tertentu dengan RP (Kress & van Leeuwen, 2006, ms.119-123).


#### **2.4.2.2 Jarak sosial dan keintiman**

Dimensi kedua makna interpersonal imej ialah sistem jarak sosial. Sistem jarak sosial berkaitan dengan tahap keintiman yang wujud antara pembaca dan RP yang digambarkan dalam komposisi. Jarak ditentukan melalui betapa rapat RP dalam visual yang muncul di hadapan pembaca. Jarak yang berbeza memaparkan skala saiz imej



yang berbeza. Skala saiz imej akan mempengaruhi perasaan pembaca sama ada merasa dekat atau jauh dari imej yang dipandang. Oleh itu, jarak menentukan hubungan yang berbeza antara RP dan pembaca.

Menurut Kress dan van Leeuwen (1996, 2006), imej dekat (*close-up shots*) mewujudkan rasa keintiman pembaca kerana imej kelihatan sangat dekat dengan pembaca, seolah-olah boleh dipegang atau digenggam. Imej jauh (*long-shots*) mewujudkan rasa jauh pembaca dengan imej kerana imej kelihatan jauh daripada pembaca. Imej sederhana (*medium-shots*) pula mewakili tahap sederhana keintiman kerana imej kelihatan tidak terlalu dekat dan tidak terlalu jauh, tetapi masih dalam jangkauan pembaca. Jenis jarak imej dan ciri-cirinya ditunjukkan dalam Jadual 2.6.

**Jadual 2.6: Jarak imej dan makna keintiman**

Jenis jarak imej	Ciri-ciri imej	Hubungan antara RP dan pembaca	Contoh imej
Dekat	Kepala dan bahu atau hanya muka RP dapat dilihat.	Intim	

Jadual 2.6, sambungan

<p>Jauh</p>	<p>Kelihatan seluruh badan RP dan terdapat banyak ruang di sekitarnya.</p>	<p>Tidak intim</p>	
<p>Sederhana</p>	<p>Kelihatan seluruh badan RP atau bahagian lutut ke atas tetapi tidak banyak ruang di sekitarnya.</p>	<p>Sederhana intim</p>	



Berdasarkan Jadual 2.6, RP yang kelihatan kepala dan bahu atau hanya muka yang dapat dilihat merupakan imej dekat dan menandakan intim atau hubungan peribadi yang rapat. Imej jauh ialah imej yang kelihatan seluruh badan RP dan terdapat halangan yang tidak dapat dilihat di antara pembaca dan objek. Imej jauh ini menandakan jarak awam, iaitu jarak yang wujud dengan orang yang tidak dikenali. Bagi imej sederhana, imej ditunjukkan dari bahagian lutut ke atas atau imej ditunjukkan dengan penuh tetapi tanpa banyak ruang di sekitarnya. Imej sederhana melambangkan hubungan sosial yang rapat, iaitu jarak di mana interaksi urusan peribadi boleh berlaku (Kress & van Leeuwen, 2006, ms.124-128).

### 2.4.2.3 Penglibatan dan kuasa

Satu lagi keadaan visual yang menunjukkan wujudnya hubungan antara RP dan pembaca ialah sudut pandangan. Sesuatu imej yang dihasilkan bukan sahaja mempunyai makna “tawaran” dan “permintaan” dan jarak sosial yang berbeza, tetapi pada masa yang sama, juga melibatkan sikap subjektif terhadap RP pada “sudut pandangan” yang berbeza (Kress & van Leeuwen, 2006, p.129). Sudut pandangan dibahagi kepada dua, iaitu dari paksi mendatar dan paksi menegak.

Pandangan pada paksi mendatar menentukan penglibatan emosi pembaca dengan RP. Pada paksi mendatar, imej boleh dipandang sama ada melalui sudut hadapan atau melalui sudut serong. Pandangan imej melalui sudut hadapan bermakna RP dipandang secara langsung oleh pembaca dan ini menunjukkan “penglibatan” pembaca dengan RP atau *“what you see here is part of our world, something we are involved with”* (Kress & van Leeuwen, 2006, ms.136). Pandangan imej melalui sudut serong bermakna RP tidak dipandang secara terus pada bahagian hadapan, tetapi dipandang dari tepi dan hal ini menunjukkan “pengasingan” pembaca dari RP atau *“ what you see here is not part of our world, it is their world, something we are not involved with”* (Kress & van Leeuwen, 2006, ms.136). Pandangan pada paksi mendatar boleh diringkaskan dalam Jadual 2.7.




**Jadual 2.7: Pandangan pada paksi mendatar**

Jenis pandangan	Ciri-ciri pandangan	Penglibatan	Contoh imej
Sudut hadapan	Pembaca memandang RP pada sudut hadapan.	Penglibatan pembaca	
Sudut serong	Pembaca memandang RP pada sudut serong.	Tiada penglibatan pembaca	

Pandangan pada paksi menegak pula menggambarkan dua jenis hubungan kuasa, iaitu kuasa di antara RP dan pembaca atau kuasa di antara RP dalam imej (Kress & van Leeuwen, 1996, 2006). Jika pembaca memandang RP dari paras yang tinggi, bermakna pembaca lebih berkuasa berbanding dengan RP. Sebaliknya, jika pembaca melihat RP dari paras yang rendah, bermakna RP lebih berkuasa berbanding pembaca. Jika imej dipandang pada paras mata, maka sudut pandangan antara RP dan pembaca adalah selaras dan hal ini bermakna tiada perbezaan kuasa antara RP dan pembaca (Kress & van Leeuwen, 2006, ms.140). Pandangan pada paksi menegak boleh diringkaskan dalam Jadual 2.8.




**Jadual 2.8: Pandangan pada paksi menegak**

Jenis pandangan	Ciri-ciri pandangan	Kuasa	Contoh imej
Dari paras tinggi	Pembaca memandangi RP dari paras yang tinggi.	Kuasa pembaca	 <p data-bbox="995 757 1414 853">Dipetik dari Kress dan van Leeuwen, 2006, <i>Reading image: the grammar of visual design</i>.</p>
Dari paras rendah	Pembaca memandangi RP dari paras rendah.	Kuasa RP	 <p data-bbox="995 1193 1414 1256">Dipetik dari <a href="http://www.supermansupersite.com/wallpaper.html">http://www.supermansupersite.com/wallpaper.html</a></p>
Pada paras mata	Pandangan pembaca selari dengan pandangan RP.	Pembaca berkongsi kuasa dengan RP	 <p data-bbox="995 1671 1414 1731">Dipetik dari Nakae &amp; Ueno, 2009, 可爱的鼠小弟:鼠小弟, 鼠小弟</p>

### 2.4.3 Komposisi

Fungsi komposisi menjawab soalan “ *How do the representational and interpersonal metafunctions relate to each other and integrate into a meaningful whole?*” (Harrison, 2003, ms.55). Hal ini bermakna komposisi berkaitan dengan susun atur keseluruhan halaman untuk menentukan sejauh mana elemen-elemen visual dan verbal mencapai kesepaduan seluruh unit. Menurut Kress dan van Leeuwen (2006), analisis komposisi visual termasuklah nilai maklumat (information value), kepentingan (*salience*) dan bingkai (*framing*) (ms.177).

Bagi nilai maklumat, kedudukan RP dalam teks menentukan peranan maklumat yang berbeza (Harrison, 2003, ms.57). Dalam budaya Barat, orang membaca dari kiri ke kanan dan dengan sebab ini elemen yang terletak di sebelah kiri merujuk kepada perkara yang diketahui atau biasa dan dinamakan sebagai “diberikan (*given*)”. Elemen yang terletak di sebelah kanan merujuk kepada maklumat visual baru dan dinamakan “baru (*new*)”. Bagi ciri struktur bahagian atas dan bawah pula, elemen bahagian atas lebih merujuk kepada maklumat konsep abstrak dan dikenali sebagai “ideal”. Elemen bahagian bawah pula merujuk kepada maklumat yang lebih konkrit dan dikenali sebagai “sebenar (*real*)” (Kress & van Leeuwen, 1996, 2006). Elemen yang terletak di tengah-tengah struktur/margin merupakan nukleus maklumat yang “*presented as the nucleus of the information to which all the other elements are in some sense subservient*” (Kress & van Leeuwen, 2006, ms.196). Nilai maklumat yang dinyatakan boleh ditunjukkan secara visual dalam Rajah 2.7.



**Rajah 2.7: Ruang visual dan nilai maklumatnya (Kress & van Leeuwen, 2006, ms.197)**

Kepentingan (*salience*) merujuk kepada ciri-ciri kemampuan RP untuk menarik perhatian penonton (Harrison, 2003, ms.57) seperti dari segi saiz, ketajaman fokus, kontras ton, kontras warna, latar depan dan latar belakang (Harrison, 2003, ms.57; Kress & van Leeuwen, 2006, ms.202). Bingkai adalah mengenai tahap perkaitan dan pengasingan antara elemen. Bingkai boleh direalisasikan secara visual melalui bingkai bergaris, persamaan atau perbezaan warna, bentuk dan secara verbal melalui tajuk.

## **2.5 Perhubungan intersemiotik imej dan tekstual buku bergambar**

Seperti yang dinyatakan pada bahagian 2.1, definisi ke atas buku bergambar oleh para sarjana adalah berbeza. Walaupun definisi ke atas buku bergambar berbeza, tetapi kesemua definisi tersebut telah membuat pengiktirafan bahawa buku bergambar bercerita melalui dua sistem tanda, iaitu tekstual dan imej. Kiefer (2008) menyatakan bahawa “*our understanding of children’s reading of and their responses to picturebooks is complicated by the dual nature of the two systems and their interaction over the sequence of turning pages*” (ms.376). Oleh itu, pemahaman hubungan antara tekstual dan imej adalah penting agar pembaca benar-benar memahami kandungan cerita dan

bagi ibu bapa dan para pendidik, dapat menggunakan buku bergambar sebagai bahan pengajaran dengan berkesan.

Ramai sarjana telah menerangkan pelbagai jenis perhubungan yang terjalin antara imej dan teks dalam buku bergambar. Sebagai contohnya, Bader (1976) menyatakan bahawa ilustrasi dan teks dalam buku bergambar menggambarkan dan mengembangkan pengertian antara satu sama lain dan bersama-sama mewujudkan makna. Wolfenbarger dan Sipe (2007) pula menyatakan bahawa terdapat ketegangan yang berlaku antara imej dan teks. Ketegangan ini memerlukan perhatian yang lebih oleh pembaca ke atas hubungan imej dan teks dan makna yang ingin disampaikan oleh pencipta buku bergambar (ms.273). Nodelman (1988) telah mencadangkan bahawa hubungan antara imej dan teks sentiasa bersifat ironi, iaitu teks memberitahu kita tentang perkara yang tidak ditunjukkan oleh imej manakala imej pula menunjukkan kepada kita perkara yang tidak diberitahu oleh teks (ms.222).

Schwarcz (1982, dipetik dari Martinez & Harmon, 2012, ms.324) telah mengkaji hubungan antara imej dan teks dalam buku bergambar. Beliau telah mengenal pasti dua jenis hubungan asas di antara imej dan teks dalam buku bergambar, iaitu keselarasan (*congruency*) dan penyelewengan (*deviation*). Dalam hubungan keselarasan, gambar dan teks wujud secara harmoni dengan imej menguatkan atau melanjutkan teks dalam beberapa cara, atau teks dan imej bergilir-gilir dalam memberitahu cerita. Dalam hubungan penyelewengan, imej menentang teks dalam beberapa cara atau bercanggah dengan teks. Kedua-dua jenis hubungan tersebut mungkin memerlukan pembaca memproses teks dan imej dengan berbeza.

Nikolajeva dan Scott (2000) telah menjalankan analisis perhubungan teks dan imej ke atas variasi buku bergambar yang luas, iaitu buku bergambar dari tahap yang mudah hingga tahap yang rumit dari beberapa negara yang berlainan. Nikolajeva dan Scott (2000, 2006) telah memperkenalkan lima jenis perhubungan teks dan imej buku bergambar, iaitu simetri (*symmetry*), saling melengkapi (*complementary*), penambahan (*enhancement*), alternatif (*counterpoint*) dan percanggahan (*contradiction*).

Hubungan tekstual dan imej boleh ditakrifkan sebagai simetri apabila kedua-dua tekstual dan imej menyampaikan maklumat yang sama atau menceritakan sesuatu yang sama. Bagi hubungan simetri, teks dan imej masing-masing tidak menawarkan maklumat tambahan apabila dilihat bersama-sama dan mereka hanya mengulangi maklumat yang ingin disampaikan tetapi melalui mod komunikasi yang berbeza (Nikolajeva & Scott, 2000, ms.225).

Bagi hubungan tekstual dan imej yang saling melengkapi, maklumat tekstual dan imej tidak bertindih, tetapi bekerjasama untuk mengukuhkan maklumat yang ingin disampaikan (Nikolajeva & Scott, 2006, ms.16). Dalam hubungan ini, kedua-dua elemen tekstual dan visual mesti dibaca bersama-sama untuk memperolehi maklumat yang lengkap.

Hubungan tekstual dan imej ditakrifkan sebagai penambahan apabila imej memperluas makna bahasa atau bahasa melanjutkan makna imej. Dalam hubungan ini, imej dan bahasa memberi maklumat yang berbeza untuk menghasilkan hubungan dinamik yang lebih kompleks (Nikolajeva & Scott, 2000, ms.225).

Tekstual dan imej dikategorikan sebagai mempunyai hubungan alternatif apabila bahasa dan imej menyampaikan maklumat yang berbeza tetapi kedua-dua bergantung antara satu sama lain untuk membawa kesan yang diharapkan. Dalam hubungan ini, kedua-dua bahasa dan imej bekerjasama untuk menyampaikan makna melampaui makna yang disampaikan secara individu oleh setiap mod (Nikolajeva & Scott, 2000, ms.226). Tekstual dan imej yang mempunyai hubungan alternatif memerlukan pembaca berusaha untuk menyelaraskan dan mengintegrasikan kedua-dua mesej atau cerita yang disampaikan oleh tekstual dan imej.

Percanggahan merupakan hubungan yang melampaui hubungan alternatif. Hubungan teksual dan imej ditakrifkan sebagai percanggahan apabila elemen tekstual dan imej seakan memberi maklumat yang sama sekali bertentangan tetapi dapat difahami apabila diletakkan dalam sesuatu konteks mesej yang hendak disampaikan (Nikolajeva & Scott (2000, ms.226). Dalam hubungan ini, tekstual dan imej menyampaikan maklumat bercanggah antara satu sama lain dalam beberapa cara menyebabkan timbulnya pelbagai tafsiran yang boleh dibuat oleh pembaca (Nikolajeva & Scott, 2006, ms.17).

Walaupun beberapa kajian kritikal telah memberi tumpuan kepada pelbagai aspek interaksi teks/imej dalam buku bergambar, tetapi mereka tidak memperkenalkan cara yang sistematik untuk menentukan jenis perhubungan teks/imej yang merangkumi kepelbagaian buku bergambar yang dinamik. Lewis (2001a) menyatakan bahawa Nikolajeva dan Scott telah mewujudkan satu taksonomi canggih terhadap interaksi buku bergambar seperti berikut:

*One of the most recent attempts to create a sophisticated taxonomy of picture book interactions is that of Maria Nikolajeva and Carole Scott. Nikolajeva and*

*Scott (2000, and forthcoming) identify a 'broad spectrum of word-image interaction' (2000:225) reaching from symmetry at one end to contradiction at the other, symmetry being, roughly speaking, an equivalence of word and image, contradiction, a maximal dissonance. (ms.38)*

Oleh itu, Jenis-jenis perhubungan teks dan imej yang disarankan oleh Nikolajeva dan Scott (2000, 2006) telah dipilih sebagai rujukan dalam kajian ini kerana kajian mereka telah memperkenalkan cara yang sistematik untuk menafsirkan hubungan yang wujud antara teks dan imej ke atas variasi buku bergambar yang luas. Selain itu, klasifikasi buku bergambar dalam kajian ramai sarjana termasuklah buku ilustrasi, iaitu teks berperanan dalam naratif utama dan gambar hanya sebagai penyokong atau hiasan. Konsep buku bergambar dalam kajian Nikolajeva dan Scott (2000, 2006) pula ialah kedua-dua visual dan teks memainkan peranan yang penting untuk berkomunikasi. Konsep “buku bergambar” kajian Nikolajeva dan Scott menyerupai konsep buku bergambar kajian ini, iaitu kedua-dua komponen teks dan gambar memainkan peranan dalam penceritaan naratif. Oleh itu, jenis perhubungan teks/imej yang disarankan oleh Nikolajeva dan Scott paling sesuai dijadikan sebagai rangka teori kajian ini.

## **2. 6 Kajian lepas ke atas buku bergambar**

Penyelidikan ilmiah buku bergambar sejak empat dekad yang lalu bukan sahaja telah menentukan peranan buku bergambar sebagai objek budaya tetapi juga menjelaskan cara buku bergambar berfungsi untuk melahirkan pengalaman estetik dalam pembaca. Satu definisi buku bergambar yang dipetik secara meluas ialah daripada kajian Barbara Bader yang telah dinyatakan di bahagian 2.1. Definisi beliau telah menarik perhatian masyarakat menitik beratkan buku bergambar untuk kanak-kanak dan faktor-faktor

sosial, budaya, dan teknologi yang mempengaruhi bentuk dan pembaca buku bergambar pada abad ke-20. Barbara Bader juga menekankan kualiti unik buku bergambar sebagai objek seni dan teks dan imej yang bekerjasama untuk melahirkan tindak balas semasa membuka muka surat baru (Kiefer, 2011, ms.87).

Banyak kajian awal telah menganalisis buku bergambar dari perspektif sastera dan perkembangan kognitif tanpa menitikberatkan intersemiotik teks dan visual yang membentuk buku bergambar. Pada ketika semua ulasan buku bergambar memberi perhatian kepada teks sahaja, seorang artis Kenneth Marantz pula menegaskan bahawa buku bergambar bukan sejenis kesusasteraan, tetapi merupakan suatu bentuk visual seni. Menurut beliau, buku bergambar mesti mengalami entiti visual/verbal untuk merealisasikan nilainya (Kiefer, 2011, ms.87). Hal ini menyebabkan penyelidik melanjutkan definisi buku bergambar dengan membangunkan teori tentang gambar-gambar dan teks bekerjasama untuk mewujudkan makna.

Nodelman (1988) mengkaji fungsi ilustrasi dalam buku bergambar dan mengkaji cara ilustrasi menyumbang kepada makna dalam buku bergambar. Berdasarkan penyelidikan Nodelman, Nicolajeva dan Scott (2000) pula memberikan satu eksplorasi yang mendalam tentang cara teks dicipta melalui interaksi antara verbal dan visual dalam penyahkodan buku bergambar tertentu. Selain itu, Lewis (2001a), Gill (2002), Painter (2007) dan Martin (2008) juga mula mengkaji pemetaan bahasa terhadap ilustrasi dalam genre buku bergambar ( Moya dan Pinar, 2008; Moya, 2010; Moya, 2011a, 2011b).

Kebanyakan kajian yang dilakukan ke atas buku bergambar di negara China dan Taiwan adalah berkaitan dengan penggunaan buku bergambar sebagai bahan pengajaran dan



pembelajaran. Chao (2006) pernah membuat kajian tentang interaksi pembaca dengan teks buku bergambar berkonsep sains. Wang, Yang dan Tong (2007) telah membuat kajian ke atas keberkesanan penggunaan buku bergambar untuk meningkatkan kemahiran membaca dan menulis di kalangan kanak-kanak prasekolah. Tan (2013) pula membuat kajian keberkesanan penggunaan buku bergambar untuk meningkatkan pemahaman pelajar yang ringan terencat.

Arsenio Jesu's Moya Guijarro iaitu seorang profesor bahasa dan linguistik di Universiti Castilla-La Mancha, Sepanyol telah membuat beberapa kajian ke atas buku bergambar bahasa Inggeris dengan menggunakan pendekatan SFL Halliday (2004) dan Sosial Semiotik Visual Kress dan van Leeuwen (2006). Jadual berikut merupakan ringkasan hasil kajian Arsenio Jesu's Moya Guijarro.

**Jadual 2.9 : Kajian buku bergambar oleh Arsenio Jesu's Moya Guijarro**

<b>Tahun</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Tujuan kajian</b>	<b>Hasil kajian</b>
2008	<i>Compositional, Interpersonal and Representational Meanings in a Children's Narrative</i>	Menentukan sejauh mana komponen visual dan teks mewujudkan makna dalam " <i>Guess How Much I Love You</i> ".	Penulis dan ilustrator bekerjasama untuk menyampaikan cerita dari dua perspektif yang berbeza, iaitu visual dan teks. Visual dan teks memudahkan pemahaman kanak-kanak dan menarik perhatian mereka ke atas cerita yang disampaikan.
2010	<i>A Multimodal Analysis of The Tale of Peter Rabbit within the Interpersonal Metafunction</i>	Menganalisis makna interpersonal yang disampaikan oleh teks dan visual dalam buku <i>The Tale of Peter Rabbit</i> .	Komponen verbal tidak menggalakkan banyak interaksi. Komponen visual mewujudkan tahap keintiman tertentu dengan penonton.

Jadual 2.9, sambungan

2011	<i>Engaging readers through language and pictures. A case study</i>	Meninjau makna interpersonal yang digunakan oleh penulis/ilustrator dalam mewujudkan penglibatan antara pembaca/penonton dan RP buku bergambar <i>Gorilla</i> .	Kedua-dua komponen imej dan teks ternyata perlu saling bergantung untuk bergabung dalam buku bergambar.
2011	<i>A Bi-modal and systemic-functional study of Dear Zoo within the textual metafunction.</i>	Menganalisis metafungsi verbal dan visual buku bergambar <i>Dear Zoo</i> .	Bahasa dan imej memainkan peranan yang berbeza untuk mengorganisasikan keseluruhan kisah. Bahasa dan imej saling melengkapi untuk pemahaman ke atas plot naratif.

Moya dan Pinar (2008) juga pernah mengkaji perhubungan intersemiotik imej dan tekstual buku bergambar “*Guess How Much I Love You*” dengan menggunakan kerangka teori Nikolajeva dan Scott (2000, 2006).

Perbezaan yang ketara antara kajian Moya dengan kajian ini ialah sampel kajian ini mengandungi komponen tekstual dan visual yang sangat ringkas. Imej-imej dalam sampel kajian ini hanya terdiri daripada lukisan berwarna hitam putih, berlainan daripada imej-imej sampel kajian Moya yang berwarna-warni. Moya hanya menjalankan kajian ke atas sebuah buku bergambar sedangkan kajian ini menjalani analisis ke atas satu siri (enam buah) buku bergambar. Selain itu, kajian ini mengkaji perhubungan intersemiotik yang terjalin antara imej dan teks bersama-sama perspektif makna interpersonal dan interaktif imej dalam buku bergambar.

## **2.7 Kesimpulan**

Bab ini telah membicarakan literatur yang relevan dengan kajian ini. Definisi buku bergambar dan kategori buku bergambar dalam kajian telah diperkenalkan. Selain itu, rangka kerja teori yang digunakan dalam kajian ini iaitu Linguistik Sistemik Fungsian, Sosial Semiotik Visual dan perhubungan teks/imej juga telah diperkenalkan. Kajian-kajian lepas ke atas buku bergambar juga telah diperkenalkan. Rangka kerja yang digunakan dalam kajian ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci dalam bab yang berikutnya. Selain itu, bab berikutnya juga akan membincangkan metodologi kajian ini.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI**

#### **3.0 Pengenalan**

Bab ini membincangkan metodologi yang terlibat dalam mencapai matlamat dan untuk menjawab soalan kajian ini. Bahagian 3.1 memperkenalkan kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini. Bahagian 3.2 membincangkan reka bentuk kajian dan bahagian 3.3 memperkenalkan sampel kajian ini. Proses-proses menganalisis data pula diterangkan di bahagian 3.4.

#### **3.1 Kerangka teori**

Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini untuk menganalisis makna interpersonal elemen tekstual dan visual ialah SFL yang diketengahkan oleh Halliday & Matthiessen (2004) dan Sosial Semiotik Visual oleh Kress dan van Leeuwen (1996, 2006). SFL telah terbukti menjadi satu kaedah yang berkesan untuk mengkaji makna interpersonal teks. Sosial Semiotik Visual yang dicadangkan oleh Kress dan van Leeuwen menyediakan rangka kerja deskriptif untuk tafsiran ciri-ciri interaktif dalam mod visual. Kedua-dua kerangka teori tersebut telah dikenal pasti dapat melengkapi antara satu sama lain dalam analisis teks multimodal (Moya & Pinar, 2008; Moya, 2010; Moya, 2011a, 2011b).

Selain itu, kerangka teori perhubungan teks/imej Nikolajeva dan Scott (2000, 2006) digunakan untuk mengkaji perhubungan intersemiotik antara elemen verbal dan visual. Jenis perhubungan teks/imej yang diperkenalkan oleh Nikolajeva dan Scott merupakan

cara yang paling sistematis untuk menafsirkan hubungan yang wujud antara teks dan gambar dalam genre buku bergambar.

### **3.1.1 Makna interpersonal tekstual**

Makna interpersonal merujuk kepada jalinan hubungan sosial antara penutur dan pendengar dalam konteks komunikasi tertentu. Klausa mempunyai makna pertukaran dalam acara interaktif yang melibatkan penutur atau penulis dan penonton. (Halliday & Matthiessen, 2004, ms.106). Bahagian 2.3.2.3 telah menyatakan bahawa makna interpersonal direalisasi melalui sistem MOOD. Selain itu, sikap (*attitude*) dan pertimbangan (*judgment*) yang terkandung dalam teks juga merupakan sebahagian daripada makna interpersonal klausa dan direalisasikan melalui sistem polariti (*polarity*) dan modaliti (*modality*).

Fokus kajian ini adalah pada perspektif interpersonal, oleh itu analisis dijalankan untuk mengenal pasti jenis MOOD, polariti dan modaliti bagi menentukan cara bahasa distrukturkan untuk menyampaikan makna interpersonal antara ilustrator/penulis, penonton/pembaca, dan partisipan (*represented participants*) yang terdapat dalam buku bergambar. Kerangka kerja yang disarankan oleh Halliday dan Matthiessen (2004) digunakan untuk menganalisis makna interpersonal elemen tekstual sampel kajian. Oleh sebab teks yang dikaji dalam kajian ini ialah teks bahasa Cina, maka kerangka teori *Systemic Functional Grammar of Chinese* yang diperkenalkan oleh Halliday & McDonald (2004) dan Li (2007) juga dirujuk terutamanya dalam bahagian analisis elemen tekstual sampel.

### **3.1.2 Makna interpersonal visual**

Interaksi bukan sahaja wujud melalui bahasa, imej juga memainkan peranan penting dalam proses mewujudkan makna interpersonal. Artis dan ilustrator biasanya menggunakan sumber-sumber tertentu yang terdapat dalam mod visual untuk mewujudkan komunikasi dengan pembaca atau penonton mereka (seterusnya, “pembaca” digunakan untuk merujuk kepada kedua-dua pembaca dan penonton). Mod visual mewujudkan makna interpersonal melalui isyarat yang membawa maksud memberi arahan, tawaran maklumat atau tawaran barangan dan perkhidmatan, dan ekspresi muka terhadap pembaca.

Dalam mod visual, makna interpersonal dapat dilihat melalui cara imej menarik perhatian pembaca dan jenis hubungan yang wujud di antara tiga peserta: (i) penghasil imej, artis dan pereka, (ii) pembaca imej, dan (iii) partisipan (RP) (Kress dan van Leeuwen, 2006, ms.114). Dalam kajian ini, makna interpersonal visual dikaji melalui (i) tindakan imej dan pandangan, (ii) jarak sosial dan keintiman, dan (iii) penglibatan dan kuasa seperti yang disarankan oleh Kress dan van Leeuwen (1996, 2006).

Kerangka kerja Sosial Semiotik Visual yang disarankan oleh Kress dan van Leeuwen (1996, 2006) seperti dinyatakan dalam bahagian 2.4 digunakan untuk menganalisis makna interpersonal elemen visual sampel kajian. Dalam kajian ini, tindakan imej dan pandangan dianalisis dengan menentukan sama ada kontak mata wujud antara RP dan pembaca. Jarak sosial dan keintiman ditentukan dengan menganalisis imej yang dipaparkan dari segi jarak dekat, jarak jauh atau jarak sederhana. Elemen-elemen visual juga dianalisis pada kedua-dua pandangan paksi mendatar dan paksi menegak bagi menentukan penglibatan dan kuasa imej dalam makna interpersonal visual.

### 3.1.3 Intersemiotik tekstual dan visual

Seperti dinyatakan di bahagian 2.5, walaupun ramai sarjana telah menerangkan pelbagai jenis perhubungan yang terjalin antara imej dan teks dalam buku bergambar, kajian perhubungan teks/imej Nikolajeva dan Scott merupakan cara yang paling sistematik dalam penafsiran hubungan yang wujud antara teks dan imej dalam genre buku bergambar (Lewis, 2001a). Selain itu, konsep “buku bergambar” kajian Nikolajeva dan Scott menyerupai konsep buku bergambar kajian ini, iaitu kedua-dua komponen teks dan gambar memainkan peranan dalam penceritaan naratif. Oleh itu, jenis perhubungan teks/imej yang disarankan oleh Nikolajeva dan Scott (2000, 2006) dipilih sebagai rangka teori kajian ini.


Dalam kajian ini, jenis perhubungan intersemiotik yang terjalin antara elemen tekstual dan elemen visual sampel kajian ditentukan berdasarkan jenis perhubungan teks/imej yang disarankan oleh Nikolajeva dan Scott (2000, 2006) seperti dijelaskan di bahagian 2.5 dan dapat diringkaskan dalam jadual berikut.

**Jadual 3.1: Perhubungan teks/imej (Nikolajeva & Scott, 2000, 2006)**

<b>Jenis perhubungan teks/imej</b>	<b>Keadaan</b>
Simetri ( <i>symmetry</i> )	Teks dan imej menyampaikan maksud yang sama.
Saling melengkapi ( <i>complementary</i> )	Teks dan imej memberi maklumat yang berbeza tetapi saling melengkapi.
Penambahan ( <i>enhancement</i> )	Teks dan imej melanjutkan makna masing-masing.
Alternatif ( <i>counterpoint</i> )	Teks dan imej memberitahu cerita yang berbeza.
Percanggahan ( <i>contradiction</i> )	Teks dan imej kelihatan bercanggah antara satu sama lain.

### 3.2 Reka bentuk kajian

Penyelidikan ini bersifat kualitatif deskriptif ke atas enam buah buku bergambar bahasa Cina bertajuk 可爱的鼠小弟 (Saudara Tikus Yang Comel). Kajian dijalankan melalui tiga fasa, iaitu pertamanya menganalisis makna interpersonal elemen-elemen tekstual berdasarkan kerangka teori SFL Halliday dan Matthiessen (2004), kemudian menganalisis makna interpersonal elemen-elemen visual berdasarkan Sosial Semiotik Visual Kress dan van Leeuwen (1996, 2006) dan akhir sekali menganalisis perhubungan intersemiotik tekstual dan visual berdasarkan perhubungan teks/imej Nikolajeva dan Scott (2000, 2006). Analisis dijalankan berpandukan objektif kajian (seperti dinyatakan di bahagian 1.2) bagi menjawab soalan kajian yang dinyatakan di bahagian 1.3. Berdasarkan analisis dan pemerian data, dapatan kajian dibincangkan. Akhirnya, rumusan dan cadangan dibuat berdasarkan dapatan kajian. Secara ringkasnya, rangka kerja kajian yang dijalankan dirumuskan dalam Rajah 3.1.



Rajah 3.1: Rangka kerja penyelidikan



### 3.3 Sample kajian

Sample kajian ialah siri pertama buku bergambar bahasa Cina bertajuk 可爱的鼠小弟 (*Keai de shuxiaodi*) yang bermakna “Saudara Tikus Yang Comel”. Siri buku bergambar ini mengandungi enam buah buku seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.2.



**Rajah 3.2: Enam buah buku sebagai sampel kajian**

Setiap buku mempunyai satu tema cerita yang berlainan dengan protagonis yang sama, iaitu seekor tikus yang digelar Saudara Tikus dalam cerita. Cara penyampaian cerita dalam siri buku ini ialah melalui halaman berkembar dengan majoriti halaman verso mengandungi komponen tekstual dan halaman rektro mengandungi komponen visual. Halaman-halaman berbingkai dengan berlatar belakang kosong seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.3.



**Rajah 3.3: Contoh halaman berkembar dalam sampel kajian**

Siri buku bergambar ini merupakan hasil kerjasama *Yoshio Nakae* dan *Yukiko Ueno*. Bahagian tekstual dihasilkan oleh *Yoshio Nakae* manakala bahagian visual dihasilkan oleh *Yukiko Ueno*. Siri buku bergambar ini telah dicetak semula melebihi 1,200 kali sejak penerbitan pertama pada tahun 1974 dan dikenal sebagai buku bergambar terbaik di Jepun (Nakae & Ueno, 2009). Siri buku bergambar ini telah diterjemahkan ke bahasa-bahasa asing seperti bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Korea dan bahasa Vietnam (komunikasi melalui emel dengan POPLAR Publishing pada 5 November 2013). Siri buku bergambar bahasa Cina ini diterbitkan pada tahun 2009 oleh *Nanghai Publishing House* dengan usaha penterjemahan oleh Zhao dan Wen Noriko.

Kandungan cerita siri buku bergambar ini menceritakan perkara-perkara menarik yang berlaku di antara Saudara Tikus dan kawan-kawan binatang yang lain. Bahagian tekstual siri buku bergambar ini terdiri daripada dialog berulang-ulang yang bergaya balada dan ayat yang ringkas yang mudah difahami. Bahagian visual pula terdiri daripada lukisan lakaran pensil watak-watak dalam cerita, plot yang menarik dan penuh

dengan imaginasi. Ciri-ciri tersebut menjadikan siri buku bergambar ini mempunyai daya tarikan terhadap pembaca pelbagai peringkat umur. Siri buku bergambar ini telah memenangi pelbagai anugerah utama buku kanak-kanak di Jepun (Nakae & Ueno, 2009) dan telah mendapat ulasan sangat positif dari ramai profesional seperti dinyatakan dalam bahagian 1.0. Berdasarkan sebab-sebab yang diterangkan, maka siri buku ini dijadikan bahan kajian untuk penyelidikan ini.





### 3.4 Proses menganalisis data

Analisis data melibatkan tiga fasa, iaitu menganalisis makna interpersonal elemen-elemen tekstual, menganalisis makna interpersonal elemen-elemen visual dan menganalisis hubungan intersemiotik tekstual dan visual. Sebelum data dianalisis, setiap sampel dikodkan dari B1 hingga B6, iaitu B1 merujuk kepada Buku 1, B2 merujuk kepada Buku 2 dan seterusnya seperti Jadual 3.2.

**Jadual 3.2: Kod sampel kajian**

Kod sampel	Muka depan sampel	Tajuk sampel	Bilangan muka surat
B1		鼠小弟的小背心 <i>Shuxiaodi de xiaobeixin</i>  (Singlet Saudara Tikus)	32

Jadual 3.2, sambungan

Kod sampel	Muka depan sampel	Tajuk sampel	Bilangan muka surat
B2		<p>想吃苹果的鼠小弟 <i>Xiang chi pingguo de shuxiaodi</i></p> <p>(Saudara tikus yang ingin makan epal)</p>	32
B3		<p>鼠小弟的又一件小背心 <i>Shuxiaodi de you yijian xiaobeixin</i></p> <p>(Sehelai lagi singlet saudara tikus)</p>	32
B4		<p>鼠小弟和鼠小妹 <i>Shuxiaodi he shuxiaomei</i></p> <p>(Saudara Tikus dan Saudari Tikus)</p>	32
B5		<p>鼠小弟，鼠小弟 <i>Shuxiaodi, shuxiaodi</i></p> <p>(Saudara Tikus, Saudara Tikus)</p>	32

Jadual 3.2, sambungan

Kod sampel	Muka depan sampel	Tajuk sampel	Bilangan muka surat
B6		<p>又来了! 鼠小弟的小背心  <i>Youlaile! Shuxiaodi de xiaobeixin</i></p> <p>(Lagi! Singlet Saudara Tikus)</p>	32

### 3.4.1 Menganalisis makna interpersonal elemen tekstual

Klausa dalam setiap sampel (B1 hingga B6) dikodkan dengan cara klausa buku pertama dimulakan dengan kod B1 dan diikuti K1 bagi klausa pertama (B1K1), K2 bagi klausa kedua (B1K2) dalam B1 dan seterusnya. Cara pengekodan yang sama dilakukan bagi sampel B2, B3, B4, B5 dan B6 seperti dalam Lampiran B. Setiap klausa ditentukan sama ada merupakan klausa major atau klausa minor. Klausa minor merupakan klausa yang tidak mempunyai struktur tematik seperti “John!” dan “Selamat malam!” (Halliday & Matthiessen, 2004, ms.72). Klausa major merupakan klausa yang mempunyai unsur predikator (Malmkjaer, 2002, ms.527). Klausa minor ditandakan dengan “\*” bagi membezakan klausa major dan klausa minor. Walaubagaimanapun hanya klausa major dianalisis kerana klausa major mempunyai predikator yang membawa makna. Setiap klausa diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Penterjemahan bahasa Melayu diperiksa oleh dua orang guru yang mahir dalam bahasa Cina dan bahasa Melayu yang mempunyai pengalaman melebihi lima tahun mengajar mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Melayu di sekolah rendah pada semua tahap.

### 3.4.1.1 Analisis elemen klausa

Setiap klausa major di Lampiran B dianalisis bagi menentukan sama ada terdiri daripada MOOD deklaratif, interogatif atau imperatif. Untuk mengenalpasti jenis-jenis MOOD, analisis struktur tatabahasa setiap klausa dilakukan terlebih dahulu. Elemen struktur klausa bahasa Cina dalam sistem Mood ialah subjek (S), predikator (P), komplemen (C) dan adjung (A). Elemen setiap klausa dianalisis untuk menentukan jenis MOOD dan hasil analisis ditunjukkan dalam Lampiran C. Dapatan analisis MOOD klausa pula ditunjukkan dalam Lampiran D.

Subjek biasanya direalisasi melalui frasa nama yang umumnya terdiri daripada kata nama barang, kata ganti nama atau kata nama khas (Li, 2007, ms.114) seperti “鼠小弟 (Saudara tikus)” dalam Contoh 1.

#### Contoh 1

鼠小弟	问	他:	(B2K15)
Shuxiaodi	wen	ta	
saudara tikus	tanya	dia	
S	P	C	

(Saudara tikus tanya dia.)

Dalam klausa bahasa Inggeris, subjek berinteraksi dengan finit untuk memberi isyarat pilihan mood. Akan tetapi, sistem finit tidak wujud dalam bahasa Cina menjadikan subjek mungkin merupakan elipsis dalam klausa. Dalam keadaan ini, subjek dianggap wujud dalam klausa (Halliday & McDonald, 2004, ms.330; Li, 2007, ms.114) dan ditandakan dalam kurungan, iaitu (S) seperti Contoh 2.

## Contoh 2

借 给 鼠小妹 了。(B3K33)  
Jie gei shuxiaomei le  
pinjam kepada saudari tikus  
(S) P C

(Dah pinjam kepada saudari tikus.)

Predikator merupakan unsur yang hadir di semua klausa major. Predikator dalam bahasa Cina direalisasi melalui frasa kata kerja (Halliday & McDonald, 2004, ms.330; Li, 2007, ms.115) seperti “问 (tanya)” dalam Contoh 1 dan “借 (pinjam)” dalam Contoh 2. Predikator juga mungkin terdiri daripada frasa kerja yang didahului kata kerja bantu (*auxiliary verb*) yang merealisasikan modaliti (Halliday & McDonald, 2004, ms.330) seperti “一定会 (pasti akan)” dalam Contoh 3.

## Contoh 3

然后, 她 一定会 说: 鼠小弟, 送 给 你。(B4K4)  
Ranhou ta yiding hui shuo shuxiaodi song gei ni  
kemudian dia pasti akan berkata saudara tikus hadiah kepada kamu  
A S P C

(Kemudian, dia pasti akan berkata, Saudara tikus, untuk kamu.)

Selain itu, predikator juga termasuk frasa kerja adjektif (Li, 2007, ms.115) seperti “真漂亮 (sangat cantik)” dalam Contoh 4.

## Contoh 4

小背心 真漂亮! (B3K3)  
Xiaobeixin zhen piaoliang  
Singlet sangat cantik  
S P

(Singlet sangat cantik.)

Komplemen khususnya direalisasi melalui frasa nama. Komplemen merupakan unsur yang berpotensi menjadi subjek tetapi bukan subjek dalam klausa tersebut (Li, 2007, ms.115-116). Sebagai contoh, “背心(singlet)” dalam Contoh 5 ialah komplemen manakala dalam Contoh 4 ialah subjek.

#### Contoh 5

大象 哥哥, 你 也 有 合身 的 背心 了。(B3K31)  
Daxiang gege ni ye you heshen de beixin le  
gajah abang kamu juga ada sesuai punya singlet  
S A P A C

(Abang gajah, kamu juga sudah ada singlet yang sesuai.)

Setiap klausa hanya boleh mempunyai satu subjek tetapi boleh terdiri daripada lebih daripada satu komplemen (Li, 2007,ms p.116) seperti dalam Contoh 6.

#### Contoh 6

妈妈 又 给我 织了 一件 小背心。(B3K1)  
Mama you gei wo zhile yijian xiaobeixin  
ibu lagi bagi saya menenun sehelai singlet  
S A C P C

(Ibu menenun sehelai singlet lagi untuk saya.)

Adjung merupakan elemen yang menggambarkan keadaan dan penilaian proposisi atau proposal dalam klausa. Adjung boleh hadir atau dianggap hadir dalam klausa. Sesuatu klausa mungkin mempunyai lebih daripada satu adjung (Li, 2007, p.116) seperti dalam Contoh 7.



#### Contoh 7

要是 我 也 有 翅膀.....(B2K2)  
Yaoshi wo ye you chibang  
kalau saya juga mempunyai kepak  
A S A P C

(Kalau saya juga mempunyai kepak.....)

#### 3.4.1.2 Analisis jenis MOOD klausa

Jenis MOOD tidak hanya direalisasi melalui fungsi pertuturan malah juga melalui susunan unsur-unsur sintaksis. Tiga jenis MOOD klausa ialah deklaratif yang merealisasikan pernyataan, interogatif yang merealisasikan pertanyaan dan imperatif yang merealisasikan pemerintahan. Saranan Li (2007) berdasarkan SFL ke atas jenis MOOD dalam bahasa Cina adalah seperti berikut:

*The most general contrast in Mood Type in chinese is that between 'indicative' and 'imperative'; these clause types are the resources realizing propositions and proposals respectively. The choice of 'indicative' in turn leads to the options of 'decarative' and 'interrogative', which congruently realize statements and questions respectively. 'Imperative' clauses realize commands, leaving offers without any congruent grammatical realization. (ms.111)*

Oleh itu, unsur-unsur setiap klausa dianalisis dan fungsi pertuturan setiap klausa dipertimbangkan untuk menggolongkannya sebagai MOOD deklaratif, interogatif atau imperatif.

### a) Analisis klausa MOOD deklaratif

Klausa deklaratif bahasa Cina biasanya menyampaikan sesuatu pernyataan dan merupakan klausa yang tidak bertanda (*unmarked*) dan susunan elemen biasanya ialah Subjek^Adjung^Predikator^Komplemen (Halliday & McDonald, 2004, ms.331; Li, 2007, ms.127) seperti Contoh 8.

#### Contoh 8

妈妈 给 我 织 的 小背心。(B1K1)

Mama gei wo zhi de xiaobeixin  
Ibu bagi saya menenun punya singlet  
S A P C

(Singlet yang ibu tenun buat saya.)

Sesuatu klausa mungkin mempunyai lebih dari satu adjung atau komplemen. Subjek klausa mungkin elipsis apabila dapat diramal dari segi konteks dan dilabel dalam kurungan seperti Contoh 9.

#### Contoh 9

借 给 鼠小妹 了。(B3K33)  
Jie gei shuxiaomei le  
pinjam kepada saudari tikus  
(S) P A C

(Dah pinjam kepada saudari tikus.)

Klausa seruan boleh dianggap sebagai subjenis MOOD deklaratif dan biasanya ditandakan dengan kata keterangan seperti 多(duo), 太(tai), 真(zhen), atau partikel 啊(a) (Halliday & McDonald, 2004, ms.332) seperti Contoh 10.

Contoh 10

小蛇 真 可怜! (B6K9)

*Xiaoshe zhen kelian*

si ular sangat kasihan

S P

(Kasih Si Ular!)

**b) Analisis klausa MOOD interogatif**

Dalam bahasa Cina, klausa interogatif boleh dikesan melalui partikel tanya 吗 (ma), 呢

(ne) dan 吧 (ba) pada akhir klausa yang menunjukkan mood pertanyaan (Halliday &

McDonald, 2004, ms.330) seperti Contoh 11.

Contoh 11

让 我 穿穿 好 吗? (B1K4)

*Rang wo chuanchuan hao ma?*

Bagi saya pakai boleh

A S P

(Bolehkah saya memakainya?)

Selain itu, klausa interogatif juga direalisasi melalui kata tanya yang menunjukkan jenis

maklumat yang diminta (Li, 2007, ms.117) seperti 怎么 (kenapa) dalam Contoh 12.

Contoh 12

鼠小弟, 你 怎么 了? (B2K14)

*Shuxiaodi, ni zenme le?*

Saudari tikus, kamu kenapa

S P

(Saudara tikus, kenapa dengan kamu ni?)

Selain itu, terdapat juga struktur klausa interogatif yang menyerupai struktur klausa deklaratif tetapi berfungsi sebagai soalan dalam bahasa Cina. Dalam lisan, klausa sebegini ditandai dengan nada yang tinggi manakala dalam bentuk penulisan ditandai dengan tanda tanya (Li, 2007, ms.120) seperti Contoh 13.

Contoh 13

嗯, 给 鼠小妹 穿? (B3K9)  
Eng, gei shuxiaomei chuan  
Eh, bagi saudari tikus pakai  
A S P

(Eh, bagi saudari tikus pakai?)

### c) Analisis klausa MOOD imperatif

Klausa imperatif merupakan klausa yang memberi arahan secara langsung atau secara tidak langsung. Subjek boleh hadir atau tidak hadir dalam klausa imperatif. Klausa imperatif biasanya mempunyai predikator dalam bentuk yang ringkas dan selalunya terdapat kata ganti nama kedua atau ketiga di depan predikator. Klausa imperatif yang berpolariti negatif biasanya mempunyai tanda perkataan 不要 (buyao) atau 别 (bie) yang bermakna “jangan”. Sesetengah arahan wujud dalam bentuk yang sopan dengan tanda perkataan 请(qing) yang bermaksud “sila”. Selain itu, terdapat juga klausa imperatif yang melibatkan kata ganti nama pertama seperti perkataan 让我 (rangwo) yang bermaksud “biar saya” (Halliday & McDonald, 2004, ms.338) seperti Contoh 14.

Contoh 14

没关系, 让 我 穿穿看。(B3K21)  
Meiguanxi, rang wo chuanchuankan  
Tak apa, biar saya cuba pakai  
A S P

(Tak apa, biar saya cuba pakai.)

### 3.4.1.3 Analisis polariti

Setiap klausa dalam Lampiran B dianalisis sama ada berpolariti positif atau negatif melalui penanda-penanda negatif seperti yang disarankan oleh Halliday dan McDonald (2004) dan Li (2007) berdasarkan Jadual 3.3.

**Jadual 3.3: Penanda negatif bahasa Cina**

MOOD klausa	Penanda negatif
Indikatif	不 ( <i>bu</i> )、没 ( <i>mei</i> )、没有 ( <i>meiyou</i> )
Imperatif	别 ( <i>bie</i> )

Oleh itu, klausa yang mempunyai penanda negatif seperti Contoh 15 digolongkan sebagai klausa berporariti negatif manakala klausa yang tidak mempunyai penanda negatif digolongkan sebagai klausa berpolariti positif.

#### Contoh 15

这些 我 都 不行。(B2K23)  
Zhexie wo dou buxing  
Ini saya semua tidak berupaya

(Semua ini tidak boleh saya lakukan.)

### 3.4.1.4 Analisis modaliti

Modaliti setiap klausa dalam Lampiran B dikesan melalui kata bantu modal dan modal adverba berdasarkan Jadual 3.2. Contoh 16 merupakan klausa yang mempunyai modal adverba 一定 (*yiding*). Selepas analisis ini, jenis modaliti klausa, iaitu modalisasi atau modulasi sesuatu klausa ditentukan.


## Contoh 16

然后, 她 一定会 说:  
*Ranhou ta yiding hui shuo*  
kemudian dia pasti akan berkata

(Kemudian, dia pasti akan berkata)

### 3.4.2 Menganalisis makna interpersonal elemen visual

Imej bagi setiap sampel (B1 hingga B6) dikodkan dengan cara imej buku pertama dilabelkan dengan kod B1 dan diikuti G1 bagi imej pertama (B1G1), G2 bagi imej kedua (B1G2) dan seterusnya. Cara pengkodan yang sama dilakukan bagi sampel B2, B3, B4, B5 dan B6 seperti dalam Lampiran E. Kemudian, makna interpersonal setiap imej dianalisis seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.4.




**Rajah 3.4: Ringkasan analisis dan realisasi makna interpersonal elemen-elemen visual**

Cara-cara analisis setiap imej diterangkan di bahagian 3.4.2.1, 3.4.2.2 dan 3.4.2.3. Hasil analisis setiap imej dicatatkan dalam lembaran analisis dalam Lampiran F1. Untuk memastikan kebolehpercayaan dapatan, dua orang *coder* yang mempunyai latar belakang Semiotik diminta mengulangi langkah analisis dengan diberikan lembaran analisis (Lampiran F1). Sebarang percanggahan dibincangkan dan keputusan akhir yang dipersetujui ditunjukkan dalam Lampiran F2.

### 3.4.2.1 Analisis tindakan imej dan pandangan

Tindakan imej dan pandangan setiap imej dianalisis untuk menentukan imej itu merupakan imej permintaan atau imej tawaran melalui kontak mata. Imej permintaan merupakan imej RP memandang secara langsung terhadap pembaca, iaitu wujudnya kontak mata di antara RP dengan pembaca. Imej yang mempunyai kontak mata seolah-olah meminta pembaca untuk bertindak balas atau melaksanakan tindakan tertentu seperti Rajah 3.5.



**Rajah 3.5: Contoh imej yang mempunyai kontak mata dengan pembaca (B1G9)**

Bagi imej tawaran, tiada kontak mata yang wujud di antara RP dengan pembaca. RP hanyalah sebagai objek renungan dan wujud semata-mata untuk dilihat oleh pembaca. pembaca hanya memainkan peranan sebagai pemerhati ke atas maklumat yang diberikan tanpa melibatkan diri dengan RP. Rajah 3.6 merupakan contoh imej yang tidak mempunyai kontak mata di antara RP dengan pembaca.




**Rajah 3.6: Contoh imej yang tiada kontak mata dengan pembaca (BIG10)**

#### **3.4.2.2 Analisis jarak sosial dan keintiman**


Jarak sosial dan keintiman ditentukan dengan menganalisis imej yang dipaparkan dari segi jarak dekat, jarak jauh atau jarak sederhana dari pandangan pembaca. Imej jarak dekat merupakan imej yang kelihatan sangat dekat dengan pembaca, seolah-olah boleh dipegang atau digenggam oleh pembaca. Biasanya imej dipaparkan dengan kepala dan bahunya dapat dilihat atau hanya muka dapat dilihat seperti di tunjukkan dalam Rajah 3.7.





**Rajah 3.7: Contoh imej jarak dekat**

Imej jarak jauh adalah imej yang jauh daripada jangkauan pembaca. Imej jarak jauh biasanya memaparkan keseluruhan badan RP dan terdapat banyak ruang di sekitarnya seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.8.



**Rajah 3.8: Contoh imej jarak jauh**

Imej jarak sederhana merupakan imej yang kelihatan tidak terlalu dekat dan tidak terlalu jauh, tetapi masih dalam jangkauan pembaca. Bagi imej jarak sederhana, imej biasanya ditunjukkan dari paras lutut ke atas atau keseluruhan badan tetapi tanpa banyak ruang di sekitarnya seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.9.



**Rajah 3.9: Contoh imej jarak sederhana (B1G11)**

#### **3.4.2.3 Analisis penglibatan dan kuasa**

Pada paksi mendatar, imej dianalisis sama ada imej dipandang melalui sudut hadapan atau melalui sudut serong. Imej yang dipandang melalui sudut hadapan bermakna RP memandang langsung pada pembaca dan hal ini menunjukkan “penglibatan” pembaca dengan RP seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.10.




**Rajah 3.10: Contoh imej pandangan sudut hadapan (B1G9)**

Imej yang dipandang melalui sudut serong oleh pembaca bermakna RP tidak dipandang secara terus di hadapan, tetapi dipandang dari tepi dan hal ini menunjukkan “pengasingan” pembaca dari RP seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.11.



**Rajah 3.11: Contoh imej pandangan sudut serong (B1G15)**

Pada paksi menegak, imej dianalisis sama ada dipandang dari paras tinggi, dari paras rendah atau pada paras mata. Pandangan dari paras tinggi merupakan keadaan di mana pembaca memandangi RP dari paras yang tinggi dan merenung ke bawah pada RP. Pandangan begini bermakna pembaca lebih berkuasa berbanding dengan RP. Pandangan dari paras rendah pula merupakan keadaan di mana pembaca melihat RP dari paras yang rendah. Pandangan begini bermakna RP lebih berkuasa berbanding pembaca kerana RP berada di tahap tinggi dan pembaca di tahap rendah. Pandangan pada paras mata merujuk kepada imej yang dipandang pada paras mata. Dalam keadaan ini sudut pandangan antara RP dan pembaca adalah selaras dan hal ini bermakna tiada perbezaan kuasa yang wujud antara RP dan pembaca seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.12.




**Rajah 3.12: Contoh imej pandangan paras mata (B1G12)**

### **3.4.3 Menganalisis perhubungan intersemiotik tekstual dan visual**

Muka surat berkembar setiap sampel (B1 hingga B6) yang mempunyai kedua-dua tekstual dan imej dikodkan dengan cara pasangan tekstual dan imej pertama B1

dikodkan sebagai B1A, pasangan tekstual dan imej kedua B1 dikodkan sebagai B1B dan seterusnya. Cara pengkodan yang sama dilakukan bagi sampel B2, B3, B4, B5 dan B6 seperti dalam Lampiran G. Selepas itu, jenis hubungan teks/imej yang terjalin antara elemen-elemen tekstual dan visual dianalisis seperti Rajah 3.13.




**Rajah 3.13: Jenis hubungan teks/imej**

Cara-cara analisis hubungan teks/imej diterangkan di bahagian 3.4.3.1. Hasil analisis setiap imej dicatatkan dalam lembaran analisis dalam Lampiran H1. Untuk memastikan kebolehpercayaan dapatan, dua orang *coder* yang mempunyai latar belakang Semiotik diminta mengulangi langkah analisis dengan diberikan lembaran analisis (Lampiran H1). Sebarang percanggahan dibincangkan dan keputusan akhir yang dipersetujui ditunjukkan dalam Lampiran H2.

#### **3.4.3.1 Analisis hubungan teks/imej**


Hubungan tekstual dan imej digolongkan sebagai simetri apabila kedua-dua tekstual dan imej menyampaikan maklumat yang sama atau memberitahu cerita yang sama seperti Rajah 3.14.



**Rajah 3.14: Contoh hubungan teks/imej simetri**

Dalam Rajah 3.14, bahagian tekstual dan visual memberitahu perkara yang sama, iaitu “Saudara tikus”. Tekstual dan visual masing-masing tidak memberitahu maklumat tambahan atau maklumat lain selain saudara tikus. Oleh itu, hubungan teks/imej Rajah 3.14 digolongkan sebagai simetri.


Apabila elemen tekstual dan imej bekerjasama untuk mengukuhkan maklumat yang ingin disampaikan, hubungan teks/imej digolongkan sebagai saling melengkapi seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.15.



**Rajah 3.15: Contoh hubungan teks/imej saling melengkapi (B1L)**

Bagi Rajah 3.15, kedua-dua elemen tekstual dan visual mesti dibaca bersama-sama untuk memperoleh maklumat yang lengkap. Imej menyatakan bahawa kuda dan gajah sedang bertutur manakala teks perlu dirujuk untuk mengetahui kandungan yang ditutur oleh kuda dan gajah. Oleh itu, hubungan tekstual dan visual seperti ini digolongkan sebagai saling melengkapi.


Hubungan tekstual dan imej digolongkan sebagai penambahan apabila imej memperluas makna bahasa atau bahasa melanjutkan makna imej seperti Rajah 3.16.



**Rajah 3.16: Contoh hubungan teks/imej penambahan (BIN)**

Dalam Rajah 3.16, jika hanya merujuk pada elemen tekstual, pembaca tidak tahu perkara sebenarnya yang telah terjadi pada singlet saudara tikus. Melalui imej, barulah pembaca dapat gambaran perkara yang telah terjadi pada singlet saudara tikus. Di samping itu, melalui imej, pembaca dapat melihat reaksi sebenar saudara tikus. Oleh itu, imej dalam Rajah 3.16 telah memperluaskan makna tekstual dan hubungan teks/imej dikategorikan sebagai penambahan.

Hubungan teksual dan imej adalah alternatif apabila bahasa dan imej menyampaikan maklumat yang berbeza tetapi kedua-dua bergantung antara satu sama lain untuk membawa kesan yang diharapkan seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.17.



**Rajah 3.17: Contoh hubungan teks/imej alternatif (B2K)**

Dalam Rajah 3.17 , kedua-dua bahasa dan imej adalah berbeza, iaitu bahagian tekstual menyatakan “datang seekor badak, ambil sebiji epal”, tetapi imej menunjukkan seekor badak sedang melanggar seponon pokok. Sebenarnya, badak melanggar pokok untuk menjatuhkan buah epal dari pokok supaya dia dapat mengambil epal. Maklumat yang disampaikan oleh kedua-dua tekstual dan imej berbeza tetapi bergantung antara satu sama lain untuk membawa makna. Oleh itu, hubungan teks/imej seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.17 digolongkan sebagai alternatif.

Akhirnya, hubungan teksual dan imej digolongkan sebagai percanggahan apabila bahasa dan imej menyampaikan maklumat yang bertentangan. Hubungan percanggahan merupakan hubungan yang melampaui hubungan alternatif. Elemen tekstual dan imej seakan memberi maklumat yang sama sekali bertentangan tetapi dapat difahami apabila



diletakkan dalam sesuatu konteks mesej yang hendak disampaikan. Ringkasan cara merealisasi hubungan teks/imej ditunjukkan dalam Jadual 3.4.

**Jadual 3.4: Cara merealisasi hubungan teks/imej**

<b>Jenis perhubungan teks/imej</b>	<b>Cara realisasi</b>
Simetri	Teks dan ilustrasi menyampaikan maksud yang sama.
Saling melengkapi	Teks dan ilustrasi memberi maklumat yang berbeza tetapi saling melengkapi.
Penambahan	Teks dan ilustrasi melanjutkan makna masing-masing.
Alternatif	Elemen tekstual dan imej menyampaikan maklumat yang berbeza tetapi kedua-dua bergantung antara satu sama lain untuk membawa kesan yang diharapkan.
Percanggahan	Elemen tekstual dan imej seakan memberi maklumat yang sama sekali bertentangan tetapi dapat difahami apabila diletakkan dalam sesuatu konteks mesej yang hendak disampaikan.

### 3.5 Kesimpulan

Bab ini telah menerangkan kerangka teori, reka bentuk kajian dan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Prosedur yang terlibat dalam analisis data juga telah diterangkan dan diberikan contoh yang diekstrak dari data. Hasil kajian dan perbincangan akan dibentangkan dan dibincangkan dalam bab yang berikutnya.

## **BAB 4**

### **DATA ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

#### **4.0 Pengenalan**

Dalam bab ini, keenam-enam sampel kajian dianalisis untuk mengkaji makna interpersonal elemen tekstual dan visual. Selain itu, perhubungan intersemiotik tekstual dan visual juga dianalisis untuk menentukan jenis hubungan yang wujud di antara elemen tekstual dan visual. Hasil analisis ditunjukkan dalam bentuk jadual dan carta untuk memudahkan perbincangan. Bab ini terdiri daripada tiga bahagian utama. Bahagian 4.1 menunjukkan hasil analisis dan perbincangan analisis makna interpersonal elemen tekstual sampel kajian. Bahagian 4.2 menunjukkan hasil analisis dan perbincangan analisis makna interpersonal elemen visual sampel kajian. Bahagian 4.3 pula menunjukkan hasil analisis dan perbincangan analisis perhubungan intersemiotik elemen tekstual dan visual sampel kajian.

#### **4.1 Makna interpersonal elemen tekstual**

Bahagian tekstual sampel kajian merupakan dialog-dialog antara watak utama iaitu saudara tikus dengan rakan-rakannya, seperti itik, monyet, gajah, kuda, badak, zirafah, singa, ular dan saudari tikus. Secara keseluruhan, terdapat 159 klausa dalam sampel kajian dan kesemua klausa dilampirkan di Lampiran B. 159 klausa sampel kajian tersebut terdiri daripada 130 (87.76%) klausa major dan 29 (18.24%) klausa minor. Klausa major merupakan klausa yang mempunyai unsur predikator (Malmkjaer, 2002, ms.527). Tanda \* pada kod klausa mewakili klausa minor. Jadual 4.1 menunjukkan taburan klausa major dan klausa minor dalam setiap sampel kajian. Bahagian berikutnya

akan membincangkan setiap dapatan analisis kategori makna interpersonal elemen tekstual.

**Jadual 4.1: Taburan klausa major dan klausa minor sampel kajian**

<b>Sampel kajian</b>	<b>Bilangan klausa major</b>	<b>Bilangan klausa minor</b>	<b>Jumlah klausa</b>
B1	20	8	28
B2	24	0	24
B3	29	6	35
B4	14	7	21
B5	15	0	15
B6	28	8	36
<b>JUMLAH</b>	130	29	159
<b>%</b>	81.76	18.24	

#### **4.1.1 MOOD klausa**


Berdasarkan Halliday dan Matthiessen (2004), hanya klausa major dipilih untuk analisis MOOD (ms.72). Analisis unsur-unsur setiap klausa bagi menentukan MOOD klausa dilampirkan di Lampiran C. Dapatan analisis MOOD klausa pula dilampirkan di Lampiran D. Dapatan analisis menunjukkan pengarang menggunakan ketiga-tiga jenis MOOD, iaitu deklaratif, interogatif dan imperatif dalam elemen tekstual. Daripada enam sampel kajian, didapati majoriti setiap sampel kajian terdiri daripada klausa MOOD deklaratif berbanding klausa MOOD interogatif dan MOOD imperatif kecuali sampel B1 mempunyai majoriti klausa MOOD interogatif seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.2.

**Jadual 4.2: Taburan MOOD klausa sampel kajian**

Sampel	Bilangan mood klausa			Jumlah
	Deklaratif	Interogatif	Imperatif	
B1	7	13	0	20
B2	17	7	0	24
B3	18	8	3	29
B4	10	2	2	14
B5	13	0	2	15
B6	20	8	0	28
Jumlah	85	38	7	130
%	65.38	29.23	5.38	

Berdasarkan Jadual 4.2, klausa MOOD interogatif wujud di semua sampel kajian kecuali B5. Jadual 4.2 juga menunjukkan hanya terdapat tiga sampel kajian, iaitu B3, B4 dan B5 yang mempunyai klausa imperatif. Bilangan klausa imperatif yang dapat dikesan dalam ketiga-tiga sampel kajian tersebut adalah sangat jarang, iaitu antara dua hingga tiga klausa imperatif sahaja dalam setiap sampel.

Secara keseluruhan, antara 130 klausa, terdapat 85 (65.38%) klausa MOOD deklaratif, 38 (29.23%) klausa MOOD interogatif dan 7 (5.38%) klausa MOOD imperatif dalam sampel kajian. Oleh itu, majoriti MOOD klausa ialah deklaratif, diikuti oleh interogatif dan imperatif seperti ditunjukkan dalam Rajah 4.1. Secara umumnya, genre buku bergambar menggunakan peratusan MOOD interogatif dan imperatif yang lebih rendah dalam penyampaian cerita berbanding dengan MOOD deklaratif (Moya, 2011a, ms.2989).



**Rajah 4.1: Peratusan MOOD klausa sampel kajian**

#### 4.1.1.1 MOOD deklaratif

Berdasarkan Rajah 4.1, pengarang menggunakan majoriti MOOD deklaratif dalam penyampaian cerita, iaitu sebanyak 65.38% daripada keseluruhan klausa sampel kajian. Jadual 4.2 menunjukkan taburan MOOD deklaratif setiap sampel kajian. Dalam SFL, MOOD deklaratif bertindak sebagai penyata di peringkat wacana semantik bagi memberi sesuatu maklumat. Oleh itu, MOOD deklaratif tidak menggalakkan penglibatan di kalangan RP dan di antara RP dengan pembaca. MOOD deklaratif berperanan menyampaikan maklumat sahaja. MOOD deklaratif umumnya menyumbang kepada kesinambungan plot cerita dengan menawarkan maklumat sahaja dan pembaca bertindak sebagai penerima maklumat (Moya, 2010, ms.129) seperti klausa B1K1.

Klausa B1K1:

妈妈 给 我 织 的 小背心。  
 Mama gei wo zhi de xiaobeixin  
 Ibu bagi saya menenun punya singlet  
 S A P C

(Singlet yang ibu tenun buat saya.)

Klausa B1K1 merupakan klausa deklaratif yang mempunyai susunan elemen S<sup>A</sup>P<sup>C</sup> dalam menyampaikan sesuatu pernyataan (Halliday & McDonald, 2004, ms.331; Li, 2007, ms.127). Dalam klausa deklaratif tersebut, saudara tikus setakat memberitahu maklumat bahawa ibunya telah memberi dia sehelai singlet yang ditenun oleh ibunya tanpa meminta pembaca untuk bertindak balas. Selain itu, terdapat juga klausa deklaratif yang bukan terdiri daripada susunan elemen S<sup>A</sup>P<sup>C</sup> tetapi terdiri daripada klausa yang sangat ringkas, iaitu hanya terdiri daripada unsur S dan P sahaja seperti dalam klausa-klausa ditunjukkan di bawah.

Klausa B1K3, B1K7, B1K11, B1K15, B1K19, B1K23:

小背心 真漂亮。  
*Xiaobeixin zhen piaoliang*  
Singlet sangat cantik  
S P

(Singlet sangat cantik.)

Dalam sampel B1, klausa deklaratif “小背心真漂亮。” telah berulang sebanyak enam kali tetapi setiap klausa diucap oleh RP yang berlainan bagi menyatakan bahawa RP dalam cerita memuji singlet saudara tikus yang sangat cantik. Lampiran C menunjukkan klausa deklaratif dalam sampel B2 terutamanya terdiri daripada dua jenis struktur ayat yang sama seperti B2K1 dan B2K2.

Klausa B2K1:

来了 一只 小鸟, 拿了 一个 苹果。  
*Laile yizhi xiaoniao, nale yige pingguo.*  
Datang seekor burung, mengambil sebiji epal.  
P S P C

(Datang seekor burung, ambil sebiji epal.)

Klausa B2K2:

要是 我 也 有 翅膀.....  
Yaoshi wo ye you chibang  
kalau saya juga mempunyai kepak  
A S A P C

(Kalau saya juga mempunyai kepak.....)

Klausa yang mempunyai struktur ayat yang sama dengan B2K1 ialah B2K3, B2K5, B2K7, B2K9, dan B2K11 (Lampiran C). Keenam-enam klausa tersebut adalah dalam bentuk “datang seekor....., ambil sebiji epal”. Setiap klausa tersebut menyatakan datang seekor binatang yang berlainan lalu mengambil sebiji epal. Klausa yang mempunyai struktur ayat yang sama dengan B2K2 pula ialah B2K4, B2K6, B2K8, B2K10, dan B2K12 (Lampiran B). Keenam-enam klausa tersebut adalah dalam bentuk “Kalau saya juga.....”. Setiap klausa tersebut menyatakan saudara tikus berhasrat mempunyai sesuatu kelebihan seperti rakan-rakannya. Oleh itu, melalui MOOD deklaratif sampel B2, pembaca memperolehi maklumat melalui struktur ayat yang sama. Maklumat yang diperolehi adalah mengenai kawan-kawan saudara tikus yang telah mengambil sebiji epal masing-masing dengan cara yang tersendiri dan saudara tikus berhasrat agar dia juga mempunyai keupayaan untuk mengambil epal seperti rakan-rakannya.

Dalam sampel B3, MOOD deklaratif terutamanya menyatakan ibu saudara tikus memberi dia sehelai lagi singlet tenunannya (B3K1) dan perkara-perkara yang berkaitan dengan singlet baru tersebut seperti rakan-rakan saudara tikus ingin meminjam singlet barunya (B3K4, B3K8, B3K15), pujian rakan-rakan saudara tikus ke atas singletnya (B3K3, B3K13, B3K16, B3K30) dan singlet telah menjadi semakin panjang (B3K18, B3K19) seperti contoh-contoh berikut.

Klausu B3K1:

妈妈 又 给 我 织了 一件 小背心。  
Mama you gei wo zhile yijian xiaobeixin  
ibu lagi bagi saya menenun sehelai singlet  
S A C P C

(Ibu menenun sehelai singlet lagi untuk saya.)

Klausu B3K4, B3K8, B3K15:

让 我 穿穿 好吗?  
Rang wo chuanchuan haoma?  
Bagi saya pakai baik ?  
A S P

(Bolehkah saya memakainya?)

Klausu B3K3:

小背心 真漂亮!  
Xiaobeixin zhen piaoliang  
Singlet sangat cantik  
S P

(Singlet sangat cantik.)

Klausu B3K19:

变 长了.....  
Bian chang le  
menjadi panjang  
( S )P

(Telah menjadi panjang.....)

MOOD deklaratif dalam sampel B4 pula banyak menggambarkan jangkakan saudara tikus ke atas sesuatu yang akan berlaku selepas saudari tikus memberitahu saudara tikus bahawa dia sedang menenun sesuatu yang berharga seperti contoh-contoh berikut.



Klausu B4K3:

一定是 在 给 我 织 背心 呢。  
*Yiding shi zai gei wo zhi beixin ne*  
mesti ialah sedang bagi saya menenun singlet  
(S) A C P C

(Mesti sedang menenun singlet untuk saya ni.)

Klausu B4K4:

然后, 她 一定会 说: 鼠小弟, 送 给 你。  
*Ranhou ta yiding hui shuo, shuxiaodi song gei ni*  
kemudian dia pasti akan berkata saudara tikus hadiah kepada kamu  
A S P C

(Kemudian, dia pasti akan berkata, saudara tikus, untuk kamu.)

Klausu B4K8:

然后 就会.....  
*Ranhou jiuhui*  
Kemudian akan  
A (S) P

(Kemudian, akan.....)

Didapati contoh-contoh klausa di atas sekadar memberitahu pembaca bahawa saudara tikus sedang menjangka tanpa memerlukan pembaca membuat tindak balas. Oleh itu, interaksi tidak wujud antara RP-RP dan antara RP dan pembaca. Antara 13 klausa MOOD deklaratif dalam sampel B5, klausa berikut merupakan MOOD deklaratif yang berulang sebanyak enam kali dan lima kali (Lampiran C) masing-masing diucap oleh RP yang berlainan.

Klausu B5K3, B5K5, B5K7, B5K9, B5K11, B5K13:

你 瞧, 我 比 你 重多 啦!  
*Ni qiao wo bi ni zhongduo la*  
kamu lihat saya berbanding kamu banyak berat  
S P C A P

(Kamu lihat, saya lebih berat daripada kamu!)

Klausa B5K4, B5K6, B5K8, B5K10, B5K12:

哈哈, 才 那么 一点儿 啊? !

*Hahaha, cai name yidianr a?!*

Hahaha hanya begitu sedikit

(S) A P

(Hahaha, hanya begitu sikit sahaja?!)

Oleh itu, MOOD deklaratif dalam sampel B5 terutamanya memberi gambaran tentang perbandingan berat badan yang berlaku di antara RP. Pembaca tidak dijemput untuk berinteraksi dengan RP. Didapati klausa B5K4, B5K6, B5K8, B5K10 dan B5K12 diakhiri dengan kedua-dua tanda soal dan tanda seruan. Klausa tersebut digolongkan sebagai MOOD deklaratif tetapi bukan interogatif walaupun terdapat tanda soal di akhir klausa kerana dari segi konteks, kandungan yang diperkatakan merupakan sesuatu kenyataan, iaitu berat badan yang ditunjukkan oleh petunjuk penimbang melalui komponen visual memang sedikit berbanding dengan berat badan penutur. Memandangkan klausa tersebut menyampaikan sesuatu kebenaran yang tidak memerlukan jawapan dari RP ataupun pembaca, maka klausa tersebut digolongkan sebagai MOOD deklaratif.

Antara enam sampel kajian, B6 mempunyai paling banyak klausa MOOD deklaratif seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.2. Antara 28 klausa dalam B6, 20 klausa atau 71.43% klausa mempunyai MOOD deklaratif. MOOD deklaratif sampel B6 terutamanya menyampaikan maklumat tentang keinginan rakan-rakan saudara tikus untuk meminjam singletnya, saudari tikus menenun topi untuk saudara tikus dan reaksi saudara tikus apabila rakan-rakannya memakai topi barunya. Pembaca hanya bertindak sebagai pemerhati tanpa melibatkan interaksi dengan RP seperti contoh-contoh berikut.

Klausa B6K13, B6K18, B6K23:

求 你 了, 就 穿 一 下。  
*Qiu ni le jiu chuan yixia*  
tolong kamu hanya pakai sekejap  
C A P A

(Tolonglah, pakai sekejap sahaja.)

Klausa B6K27:

鼠小妹 给 我 织 的 帽 子。  
*Shuxiaomei gei wo zhide maozi*  
saudari tikus bagi saya menenun topi  
S A C P C

(Topi yang ditenun oleh saudari tikus buat saya.)

Klausa B6K29, B6K30, B6K31:

不好看, 不好看。  
*Buhaokan, buhaokan.*  
Tidak cantik tidak cantik  
(S) p p

(Tidak cantik, tidak cantik.)

Secara keseluruhan, antara 85 klausa deklaratif, terdapat sebanyak 22 (25.88%) klausa deklaratif yang mempunyai tanda seru pada akhir klausa (Lampiran C). Bilangan klausa seruan yang mempunyai MOOD deklaratif ditunjukkan dalam Jadual 4.3.

**Jadual 4.3: Taburan klausa seruan MOOD deklaratif**

Sampel	Jumlah MOOD deklaratif	Bilangan MOOD deklaratif dengan tanda seruan
B1	7	0
B2	17	0
B3	18	6
B4	10	3
B5	13	8
B6	20	5
Jumlah	85	22 (25.88%)

Secara umumnya, ayat seruan biasanya digunakan untuk menyampaikan perasaan kegembiraan, terkejut atau ketakutan. Dalam komponen tekstual buku bergambar, tanda seruan juga bertujuan memberi isyarat kepada orang dewasa membaca dengan kuat untuk kanak-kanak (Moya, 2010, 2011a, 2011b). Selain itu, klausa seruan merupakan subjenis MOOD deklaratif dan biasanya ditandakan dengan kata keterangan seperti 多 (duo), 太(tai), 真(zhen), atau partikel 啊(a) (Halliday & McDonald 2004, ms.332) seperti klausa B3K3 dan B3K30.

Klausa B3K3:

小背心 真漂亮!  
*Xiaobeixin zhenpiaoliang!*  
 Singlet sangat cantik  
 S P

(Singlet sangat cantik!)

Klausa B3K30:

啊, 这件 小背心 我 穿着 正合适! (B3K30)  
*A zhejian xiaobeixin wo chuanzhe zhengheshi*  
 ah helai ini singlet saya pakai sangat sesuai  
 C S P A

(Eh, singlet ini sesuai untuk saya pakai.)

Jadual 4.3 menunjukkan sampel B5 mempunyai paling banyak klausa seruan MOOD deklaratif. Didapati 8 daripada 13 klausa MOOD deklaratif sampel B5 adalah terdiri daripada klausa seruan. Hal ini bermakna 61.54% MOOD deklaratif B5 mempunyai tanda seru di akhir klausa. Antara 8 klausa seruan tersebut, klausa yang ditunjukkan di bawah berulang sebanyak enam kali tetapi setiap kali diucap oleh RP yang berlainan bagi memberitahu kenyataan bahawa berat badan mereka adalah lebih berat daripada rakannya. Pembaca hanya bertindak sebagai penerima maklumat tanpa diminta bertindak balas.

Klausa B5K3, B5K5, B5K7, B5K9, B5K11, B5K13:

你	瞧,	我	比	你	重多啦!
Ni	qiao	wo	bi	ni	zhongduo la
kamu	lihat	saya	berbanding	kamu	lebih berat
S	P	C		A	P

(Kamu lihat, saya lebih berat daripada kamu!)

Seperti yang telah dibincangkan, kebanyakan klausa MOOD deklaratif adalah pendek, ringkas, mempunyai struktur yang sama, mudah difahami dan berulang. Menurut Hunt (1994), penulisan yang baik untuk kanak-kanak harus sangat jelas dan langsung (ms.42). Kanak-kanak adalah lebih tidak sabar dengan sesuatu yang tidak dikenali daripada orang dewasa. Kanak-kanak juga mempunyai pengalaman terhad dengan bahasa (ms.43). Oleh itu, ciri-ciri tekstual sampel kajian seperti dinyatakan di atas merupakan usaha pengarang untuk menyampaikan maklumat kepada pembaca supaya mereka dapat memahami dan menghayati cerita yang ingin disampaikan. Selain itu, elemen-elemen tekstual yang digunakan oleh pengarang dalam penawaran maklumat memadai ciri-ciri buku bergambar yang telah dijelaskan di bahagian 2.2.1.

#### 4.1.1.2 MOOD interogatif

Secara keseluruhan, terdapat 38 klausa atau 29.23% daripada keseluruhan klausa terdiri daripada MOOD interogatif. Dari segi makna interpersonal, MOOD interogatif wujud sama ada menawar barang dan perkhidmatan atau meminta maklumat (Halliday & Matthiessen, 2004, ms.106). Oleh itu, selain menawarkan maklumat melalui MOOD deklaratif seperti dibincangkan dalam bahagian 4.1.1.1, pengarang juga menggunakan klausa interogatif untuk menunjukkan perhubungan antara RP-RP dengan pembaca. MOOD interogatif adalah lebih interaktif kerana setiap soalan yang ditujukan mengharapkan tindak balas, iaitu berupa jawapan daripada pembaca.

Seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.2, antara enam sampel kajian, hanya B5 tidak mempunyai MOOD interogatif manakala B1 mempunyai MOOD interogatif tertinggi. Berlainan daripada sampel lain, hanya klausa dalam B1 mempunyai majoriti MOOD interogatif. Antara 20 klausa major dalam B1, 13 klausa atau 65% klausa terdiri daripada MOOD interogatif. Ini bermakna B1 mewujudkan penglibatan yang paling banyak antara RP-RP dan juga antara RP dengan pembaca. Jadual 4.4 menunjukkan klausa-klausa MOOD interogatif yang terdapat dalam B1.

**Jadual 4.4: Klausa MOOD interogatif sampel B1**

<b>Klausa MOOD interogatif</b>	<b>Kod klausa</b>	<b>RP yang bertutur</b>
挺好看吧? <i>Ting haokan ba</i> <i>Agak cantik kan</i> (S) P  (Nampak cantik kan?)	B1K2	Saudara tikus

Jadual 4.4, sambungan

Klausa MOOD interogatif	Kod klausa	RP yang bertutur
<p>让我穿穿好吗?  <i>Rang wo chuanchuan haoma</i>                      Bagi saya pakai boleh                      A S P                      (Bolehkah saya memakainya?)</p>	<p>B1K4                      B1K8                      B1K12                      B1K16                      B1K20                      B1K24</p>	<p>Itik                      Monyet                      Singa laut                      Singa                      Kuda                      Gajah</p>
<p>有点紧, 不过还挺好看吧?  <i>Youdian jin, buguo hai ting haokan ba</i>                      Ada sedikit ketat tetapi masih agak cantik kan                      (S) A P A P                      (Ketat sikit, tetapi masih nampak cantik kan?)</p>	<p>B1K6                      B1K10                      B1T14                      B1T18                      B1T22                      B1T26</p>	<p>Itik                      Monyet                      Singa laut                      Singa                      Kuda                      Gajah</p>

Jadual 4.4 menunjukkan klausa MOOD interogatif terutamanya terdiri daripada dua klausa yang berulang tetapi diucap oleh RP yang berlainan. Klausa “让我穿穿好吗?” diulang sebanyak enam kali oleh RP yang berlainan, iaitu setiap RP meminta kebenaran daripada saudara tikus untuk memakai singletnya. Selain itu, klausa “有点紧, 不过还挺好看吧?” juga diulang sebanyak enam kali oleh RP yang berlainan bagi mendapatkan kepastian bahawa singlet yang mereka pakai nampak cantik walaupun agak ketat.

Kedua-dua klausa tersebut merupakan klausa interogatif tertutup dengan kehadiran partikel tanya 吧 (ba) dan 吗 (ma) pada akhir klausa yang menunjukkan mood pertanyaan (Halliday & McDonald, 2004, ms.330). MOOD interogatif tersebut bukan sahaja mewujudkan interaksi antara RP dalam cerita malah juga mewujudkan interaksi di antara RP dan pembaca. Biasanya pembaca juga akan menjawab soalan yang dikemukakan semasa membaca cerita. Orang dewasa yang membacakan cerita untuk

kanak-kanak juga boleh meminta kanak-kanak menjawab soalan yang dikemukakan dalam cerita agar meningkatkan keseronokan semasa membaca. Hal ini akan menggalakkan kanak-kanak melibatkan diri dalam cerita.

Antara tujuh MOOD interogatif dalam sampel B2, enam klausa interogatif (B2K16 hingga B2K21) seperti dalam Lampiran C dikemukakan oleh saudara tikus berturut-turut terhadap singa laut untuk mengetahui sama ada singa laut mempunyai kesemua kebolehan seperti rakan-rakannya yang lain. Keenam-enam MOOD interogatif tersebut mempunyai partikel 吗 (ma) pada akhir klausa seperti contoh-contoh berikut.

Klausa B2K16:

你 会 飞 吗?  
Ni hui fei ma  
kamu boleh terbang  
S P

(Bolehkah kamu terbang?)

Klausa B2K17:

你 会 爬树 吗?  
Ni hui pashu ma  
kamu tahu memanjat pokok  
S P

(Kamu tahu memanjat pokok?)

Klausa B2K18:

你 有 长长 的 鼻子 吗?  
Ni you changchag de bizi ma.  
kamu mempunyai panjang punya hidung  
S P A C

(Kamu mempunyai hidung yang panjang?)



Dalam sampel B3, terdapat satu struktur klausa interogatif yang menyerupai struktur klausa deklaratif tetapi berfungsi sebagai soalan, iaitu klausa B3K9. Klausa sebegini ditandai dengan tanda soal pada akhir klausa dan perlu dibaca dengan nada yang tinggi bagi menunjukkan MOOD interogatif (Li, 2007, ms.120) seperti klausa berikut.

Klausa B3K9:

嗯, 给 鼠小妹 穿?  
*Eng gei shuxiaomei chuan*  
Eh bagi saudari tikus pakai  
A S P

(Eh, bagi saudari tikus pakai?)

Klausa B3K17 yang diakhiri dengan tanda seru dalam B3 digolongkan sebagai MOOD interogatif kerana terdapat kata tanya “怎么” yang bermaksud “bagaimana” dalam struktur klausa. Selain itu, dari segi konteks, klausa tersebut dikemukakan oleh saudara tikus dengan tujuan meminta sesuatu maklumat, iaitu ingin tahu perkara yang terjadi pada singletnya. Tanda seruan digunakan dalam klausa ini untuk menunjukkan kehairanan saudara tikus dan dia menggunakan nada yang agak tinggi untuk menanya seperti ditunjukkan di dalam contoh yang diberikan.

Klausa B3K17:

哇—— 怎么 搞的!  
*Wa zenme gaode*  
wah bagaimana terjadi  
(S) A P

(Alamak, bagaimana boleh jadi macam ni!)

Hanya terdapat dua MOOD interogatif dalam sampel B4 iaitu B4K1 dan B4K16 dan kedua-dua klausa tersebut merupakan klausa interogatif terbuka dengan menggunakan kata tanya “什么” yang bermaksud “apa”. Kedua-dua MOOD interogatif tersebut merupakan interaksi yang berlaku antara saudara tikus dan saudari tikus, masing-masing meminta maklumat melalui MOOD interogatif seperti ditunjukkan di bawah.

Klausa B4K1:

鼠小妹,	你	在	干	什么	呀?
<i>Shuxiaomei</i>	<i>ni</i>	<i>zai</i>	<i>gan</i>	<i>shenme</i>	<i>ya</i>
saudari tikus	kamu	sedang	buat	apa	
	S	A	P	C	

(Saudari tikus, kamu sedang buat apa?)

Klausa B4K16:

鼠小弟,	你	在	想	什么呢?
<i>Shuxiaodi</i>	<i>ni</i>	<i>zai</i>	<i>xiang</i>	<i>shenme ne</i>
saudara tikus	kamu	sedang	memikir	apa
	S	A	P	C

(Saudara tikus, kamu sedang fikir apa?)

Tidak terdapat MOOD interogatif dalam sampel B5. Ini bermakna elemen tekstual sampel B5 langsung tidak berinteraksi dengan pembaca. MOOD interogatif yang terdapat dalam sampel B6 menunjukkan interaksi berlaku di antara RP dengan tujuan memperoleh maklumat. Kesemua MOOD interogatif dalam sampel B6 adalah dalam bentuk interogatif tertutup dengan kehadiran partikel tanya 吗 (ma) dan 吧 (ba) pada akhir klausa yang menunjukkan mood pertanyaan seperti contoh-contoh berikut.

Klausa B6K3, B6K11, B6K16, B6K21:

让 我 穿穿 好吗?  
Rang wo chuanchuan haoma  
bagi saya pakai boleh  
A S P

(Bolehkah saya memakainya?)

Klausa B6K15, B6K20:

鼠小弟, 你 穿着 有点 大 吧?  
Shuxiaodi ni chuanzhe youdian da ba  
saudara tikus kamu pakai ada sedikit besar kan  
S P A

(Saudara tikus, kamu pakai besar sedikit kan?)

Secara keseluruhan, MOOD interogatif struktur tertutup paling kerap digunakan dalam interaksi antara RP. Hal ini adalah kerana sampel kajian merupakan buku bergambar yang pembacanya majoriti terdiri daripada kanak-kanak. Soalan tertutup paling sesuai digunakan untuk berkomunikasi dengan kanak-kanak supaya mereka dapat menjawab soalan dengan “ya” atau “tidak”. Selain interogatif tertutup, terdapat juga beberapa interogatif terbuka wujud dalam interaksi antara RP untuk memperoleh maklumat yang lebih terperinci.

Seperti yang telah dibincangkan, kebanyakan klausa MOOD interogatif adalah pendek, ringkas, mempunyai struktur yang sama, mudah difahami dan berulang seperti klausa MOOD deklaratif. Ciri-ciri klausa tersebut sangat penting untuk mewujudkan interaksi dengan pembaca, khasnya pembaca kanak-kanak. Dari segi makna interpersonal, MOOD interogatif mewujudkan interaksi dengan tujuan menawar barang dan perkhidmatan atau meminta maklumat. Untuk mencapai interaksi yang berkesan, pembaca mesti memahami barang dan perkhidmatan yang ditawarkan atau maklumat

yang diminta. Oleh itu, ciri-ciri tekstual klausa interogatif seperti dinyatakan di atas merupakan usaha pengarang untuk mewujudkan interaksi dengan pembaca supaya mereka melibatkan diri dalam cerita.

#### 4.1.1.3 MOOD imperatif

Rajah 4.1 dan Jadual 4.2 menunjukkan klausa MOOD imperatif paling kurang digunakan dalam elemen tekstual. Hanya tujuh klausa atau 5.38% daripada keseluruhan klausa terdiri daripada MOOD imperatif. MOOD imperatif hanya dapat dikesan dalam sampel B3, B4 dan B5 sahaja. B3 mempunyai tiga (10.34%) MOOD imperatif manakala B4 dan B5 masing-masing mempunyai dua (14.29% dan 13.33%) MOOD imperatif. MOOD imperatif yang terdapat dalam B3, B4 dan B5 adalah berulang tetapi arahan diberi oleh RP yang berlainan seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.5.

**Jadual 4.5: Klausa MOOD imperatif dalam B3, B4 dan B5**


<b>Klausa mood imperatif</b>	<b>Kod klausa</b>	<b>RP yang bertutur</b>
<p>没关系, 让我穿穿看。  <i>Meiguanxi, rang wo chuanchuankan</i>            Tidak mengapa bagi saya pakai.            A S P            (Tak apa, biar saya cuba pakai.)</p>	<p>B3K21            B3K25            B3K29</p>	<p>Singa laut            Badak            Gajah</p>
<p>试一试吧!  <i>Shiyishi ba</i>            Cuba lah            (S) P            (Cubalah!)</p>	<p>B4K5            B4K19</p>	<p>Saudara tikus            Saudari tikus</p>



semasa berinteraksi dengan orang lain dari segi meminta barang atau perkhidmatan dengan berbudi bahasa.

#### 4.1.2 Polariti

Hasil analisis menunjukkan majoriti klausa dalam sampel kajian adalah berpolariti positif. Antara 159 klausa dalam keseluruhan sampel kajian (Lampiran B), 140 klausa atau 88.05% klausa adalah berpolariti positif dan hanya 19 klausa atau 11.95% klausa berpolariti negatif seperti ditunjukkan dalam Rajah 4.2.




**Rajah 4.2: Peratusan polariti klausa sampel kajian**

Majoriti klausa, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.2, adalah berpolariti positif. Hal ini menunjukkan RP sentiasa terlibat dalam hubungan yang berpolariti positif. Daripada enam sampel kajian, hanya B1 tidak mempunyai klausa berpolariti negatif seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.6.

**Jadual 4.6: Taburan polariti sampel kajian**

Polariti	Bilangan klausa						Jumlah	Peratusan
	B1	B2	B3	B4	B5	B6		
Positif	28	23	33	20	14	22	140	88.05%
Negatif	0	1	2	1	1	14	19	11.95%

Berdasarkan Jadual 4.6, bilangan klausa berpolariti negatif yang wujud dalam B2, B3, B4 dan B5 adalah sangat jarang, iaitu antara satu hingga dua klausa sahaja. B6 mempunyai bilangan klausa polariti negatif yang jauh lebih banyak berbanding sampel-sampel lain, iaitu sebanyak 14 klausa daripada jumlah 36 klausa. Ini bermakna 38.89% klausa B6 adalah berpolariti negatif. Perbandingan polariti setiap sampel kajian boleh ditunjukkan dengan lebih jelas melalui Rajah 4.3.



**Rajah 4.3: Perbandingan polariti sampel kajian**

Rajah 4.3 jelas menunjukkan B6 mempunyai klausa berpolariti negatif yang jauh lebih tinggi berbanding sampel lain. Dalam B6, interaksi berpolariti negatif terutamanya

wujud antara interaksi saudara tikus dan rakan-rakannya. Terdapat lapan klausa daripada jumlah 14 klausa berpolariti negatif B6 disampaikan oleh saudara tikus menyatakan keenganan dia meminjamkan singletnya kepada rakan-rakannya seperti contoh-contoh berikut.

Klause B6K1:

我 再 也 不 借 给 别 人 了!  
Wo zaiye bu jie gei bieren le  
saya lagi tidak pinjam kepada orang lain

(Saya tidak akan meminjamkannya kepada orang lain lagi!)

Klausa B6K4\*, B6K12\*, B6K17\*, B6K22\*:

不行!  
*Buxing*  
Tidak boleh

(Tidak boleh!)

Klausa B6K14\*, B6K19\*, B6K24\*:

不行,            不行,            绝对            不行!  
*Buxing,        buxing,        juehui        buxing*  
Tidak boleh    tidak boleh    sama sekali    tidak boleh

(Tidak boleh, tidak boleh, tidak boleh sama sekali!)

Selain itu, terdapat juga tiga klausa polariti negatif yang menyampaikan pendapat saudara tikus bahawa topi yang dipakai oleh rakan-rakannya tidak cantik seperti contoh berikut.



Klausa B6K29, B6K30, B6K31:

不好看,        不好看。  
Buhaokan,    buhaokan.  
Tidak cantik tidak cantik

(Tidak cantik, tidak cantik)

Secara keseluruhan, pengarang menggunakan klausa-klausa berpolariti positif dalam penyampaian cerita. Hubungan yang wujud antara RP dalam cerita adalah dalam bentuk positif. Interaksi secara polariti positif sangat sesuai bagi peringkat umur pembaca yang muda bagi memupuk sifat positif kanak-kanak. Hanya sebilangan kecil interaksi berlaku dalam keadaan negatif. Interaksi berpolariti negatif terutamanya berlaku disebabkan saudara tikus enggan meminjamkan singletnya kepada rakan-rakannya selepas memperoleh pengajaran sebelumnya, iaitu singletnya telah menjadi sangat longgar selepas meminjamkannya kepada rakan-rakannya sebelum itu.

#### 4.1.3 Modaliti

Modal adverbs and auxiliary modal words were only found in the sample study B4 and B6 as shown in Table 4.7. Overall, only 9 clauses or 5.66% of the total clauses in the sample study showed modality. Among the 9 modal clauses, 4 (44.44%) clauses were modalization and 5 (55.56%) clauses were modulation as shown in Table 4.7.

**Jadual 4.7: Taburan modaliti sampel kajian**

	<b>B1</b>	<b>B2</b>	<b>B3</b>	<b>B4</b>	<b>B5</b>	<b>B6</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratusan</b>
Modalisasi	0	0	0	3	0	1	4	44.44%
Modulasi	0	0	0	3	0	2	5	55.56%

Didapati pengarang hanya menggunakan modal adverba 一定 (pasti) dan 也许 (mungkin) dan kata bantu modal 会 (akan) dalam membuat penilaian proposisi dan proposal. Modal adverba 一定 (pasti) digunakan sebanyak tiga kali dalam penilaian kemungkinan bagi menunjukkan kepastian saudara tikus dalam membuat jangkaan, iaitu saudara tikus menjangka (i) saudari tikus pasti sedang menenun singlet untuk dia (B4K3), (ii) saudari tikus pasti akan mengatakan sesuatu terhadap dia (B4K4) dan (iii) Si Ular pasti akan kelihatan cantik apabila memakai topinya (B6K32) seperti contoh di bawah.

Klausa B4K3:

一定是 在 给我 织 背心 呢。  
*Yiding shi zai gei wo zhi beixin ne*  
 mesti ialah sedang bagi saya menenun singlet  
 (S) A C P C

(Mestilah sedang menenun singlet untuk saya ni.)

Klausa B4K4:

然后, 她 一定会 说: 鼠小弟, 送 给 你。  
*Ranhou ta yiding hui shuo shuxiaodi song gei ni*  
 kemudian dia pasti akan berkata saudara tikus hadiah kepada kamu  
 A S P C

(Kemudian, dia pasti akan berkata, Saudara tikus, untuk kamu.)

Klausa B6K32:

小蛇, 你 戴上 一定 很好看。  
*Xiaoshe ni daishang yiding hen haokan*  
 Si Ular kamu pakai pasti sangat cantik  
 S P A P

(Si Ular, kamu pakai pasti sangat cantik.)

Selain penilaian kemungkinan dibuat melalui modal adverba 一定 (pasti) bagi menjangka kepastian sesuatu akan berlaku seperti dinyatakan di atas, modal adverba 也许 (mungkin) juga digunakan dalam klausa B4K6 bagi menunjukkan jangkauan saudara tikus ke atas sesuatu yang mungkin berlaku, iaitu menjangka saudara tikus juga mungkin akan mengatakan sesuatu seperti contoh berikut.

Klausa B4K6:

也许, 她 还会 说: “ 啊, 真好看, 鼠小弟! ”  
Yexu ta haihui shuo a zhenhaokan shuxiaodi  
mungkin dia juga akan berkata wah sangat cantik saudara tikus  
A S A p C

(Mungkin, dia juga akan berkata, “Wah, sangat cantik, saudara tikus!”)

Kata bantu modal 会 (akan) terdapat dalam 5 klausa bagi menunjukkan modulasi kecenderungan sesuatu yang akan berlaku. Antaranya tiga klausa wujud dalam polariti positif manakala dua klausa wujud dalam polariti negatif seperti ditunjukkan di bawah.

### Modulasi polariti positif:

Klausa B4K8:

然后 就会.....  
Ranhou jiuhui.....  
Kemudian akan

(Kemudian akan.....)

Klausa B4K9:

接下来 就会.....  
Jiexialai jiuhui.....  
Seterusnya akan

(Seterusnya akan.....)

Klausu B4K21:

那么, 接下来 就会.....  
*Name jixialai jiuhui.....*  
Jadi seterusnya akan

(Jadi, seterusnya akan.....)

### Modulasi polariti negatif:

Klausu B6K5:

反正 我 穿上 也 不会 好看。  
*Fanzheng wo chuanshang ye buhui haokan*  
Walau bagaimanapun saya memakainya pun tidak akan cantik.

(Walau bagaimanapun saya memakainya pun tidak akan kelihatan cantik.)

Klausu B6K6\*:

不, 不会的!  
*Bu huhui de*  
Tidak tidak akan

(Tak, tidak akan!)

Kata bantu modal 会 (akan) yang terdapat dalam modulasi polariti positif seperti ditunjukkan di atas merupakan jangkaan kecenderungan oleh saudara tikus ke atas sesuatu yang akan berlaku. Jangkaannya tidak dinyatakan secara verbal dengan tanda “.....” pada akhir klausa. Pembaca perlu merujuk kepada komponen visual untuk mengetahui perkara yang dijangka oleh saudara tikus. Kata bantu modal 会 (akan) yang terdapat dalam modulasi polariti negatif pula digunakan untuk mengekspresi penafian ke atas sesuatu yang dijangkakan.

Secara keseluruhan, modal adverba dan kata bantu modal yang digunakan oleh pengarang dalam penyampaian cerita adalah mudah dan senang difahami oleh kanak-kanak. Hal ini memadai ilmu pengetahuan kanak-kanak kerana modal adverb 一定 (pasti) dan kata bantu modal 会 (akan) yang terdapat dalam penyampaian cerita adalah biasa digunakan dalam pertuturan kanak-kanak. Penggunaan perkataan-perkataan yang difahami oleh kanak-kanak dalam penyampaian cerita membolehkan mereka berasa selesa semasa membaca dan dapat menghayati kandungan cerita.

#### 4.2 Makna interpersonal elemen visual

Lampiran E menunjukkan bahagian visual sampel kajian terdiri daripada imej-imej watak cerita (RP), iaitu watak utama, saudara tikus dengan rakan-rakannya yang lain seperti itik, monyet, gajah, kuda, badak, zirafah, ular dan saudari tikus. Terdapat 95 imej dalam enam sampel kajian dan bilangan imej dalam setiap sampel ditunjukkan dalam Jadual 4.8.


**Jadual 4.8: Bilangan imej dalam setiap sampel kajian**

Sampel	Bilangan imej
B1	15
B2	16
B3	15
B4	15
B5	15
B6	19
Jumlah	95

Seperti ditunjukkan dalam Lampiran E, imej-imej yang terdapat dalam sampel kajian merupakan imej lukisan hitam putih. Hanya imej singlet, reben dan epal kelihatan berwarna merah sahaja. Setiap muka surat di mana imej didapati mempunyai bingkai yang berwarna dan latar belakang imej adalah kosong seperti ditunjukkan dalam Lampiran E. Walaupun pelukis menghasilkan imej-imej hitam putih dengan pensil sahaja, tetapi imej-imej tersebut jelas menunjukkan aksi yang aktif, penuh tenaga dan pergerakan yang sesuai dengan ciri kanak-kanak (Md Sidin, 2008, ms.7).

Selain itu, didapati sesetengah muka surat memaparkan imej yang kecil dengan meninggalkan ruang kosong yang banyak manakala sesetengah muka surat pula penuh dengan imej tanpa ruang kosong yang banyak seperti ditunjukkan dalam Rajah 4.4.

Rajah 4.4 jelas menunjukkan perbezaan ruang kosong yang ditinggalkan dalam setiap muka surat berimej. Imej B1G1 adalah sangat kecil dan meninggalkan ruang kosong yang banyak, imej B1G3 juga kecil tetapi lebih besar jika dibandingkan dengan B1G1 dan meninggalkan ruang kosong yang banyak juga. Imej B1G9 adalah sederhana dan meninggalkan ruang kosong yang sederhana manakala imej B1G13 adalah sangat besar sehingga hanya sedikit ruang kosong ditinggalkan. Hal ini demikian kerana pelukis menghasilkan imej-imej mengikut saiz badan RP, iaitu saiz badan tikus lebih kecil daripada itik tetapi jauh lebih kecil daripada saiz badan singa dan gajah. Saiz badan singa pula lebih besar daripada itik tetapi lebih kecil daripada saiz badan gajah.



**Rajah 4.4: Perbandingan ruang kosong imej**

Cara persembahan imej seperti dalam Rajah 4.4 dapat memberi gambaran saiz badan sebenar binatang-binatang yang muncul dalam cerita kepada pembaca, khasnya kanak-kanak. Menurut Md Sidin (2008), bagi buku kanak-kanak, ilustrasi memainkan peranan yang amat penting bagi menambahkan kegirangan dan perwatakan pada buku (ms.45). Selain itu, ilustrasi dapat mewujudkan dunia visual yang dimasukki dan dilawati oleh pembaca (ms.51). Oleh itu, imej dihasilkan oleh pelukis mengikut nisbah saiz badan

sebenarnya RP bukan sahaja dapat menarik perhatian pembaca malah dapat mempersembahkan perwatakan RP. Bahagian berikut akan membincangkan setiap analisis kategori makna interpersonal elemen visual.

#### 4.2.1 Tindakan imej dan pandangan


Bagi tindakan imej dan pandangan, imej dianalisis dengan menentukan sama ada terdapat kontak mata dengan pembaca. Analisis menunjukkan majoriti imej dalam sampel kajian tidak mempunyai kontak mata. Daripada jumlah 95 imej, didapati hanya terdapat 8 imej atau 8.42% imej mempunyai kontak mata manakala 87 imej atau 91.58% imej tiada kontak mata dengan pembaca seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.9.

**Jadual 4.9: Tindakan imej dan pandangan dalam sampel kajian**

Sampel	Bilangan imej mempunyai kontak mata	Bilangan imej tiada kontak mata
B1	6	9
B2	0	16
B3	1	14
B4	0	15
B5	0	15
B6	1	18
Jumlah	8	87
Peratusan	8.42%	91.58%



Majoriti imej dalam sampel kajian tidak mewujudkan kontak mata di antara RP dengan pembaca. Imej tiada kontak mata merupakan imej tawaran, iaitu RP hanya menyampaikan maklumat tanpa mewujudkan pertalian dengan pembaca (Kress & van Leeuwen, 2006). Contoh imej yang tiada kontak mata dengan pembaca ditunjukkan dalam Rajah 4.5.




**Rajah 4.5: Contoh imej yang tiada kontak mata dengan pembaca**

Contoh-contoh imej yang tiada kontak mata dengan pembaca seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.5 merupakan imej-imej tawaran dengan berfungsi memberi maklumat kepada pembaca semata-mata. Pembaca hanya bertindak sebagai pemerhati dengan memerhatikan maklumat atau cerita yang disampaikan. Dalam keadaan ini, RP merupakan objek untuk renungan dan wujud untuk diperhati tanpa melibatkan diri dalam hubungan personal dengan pembaca. Peranan pembaca pula adalah sebagai pemerhati tanpa mewujudkan interaksi dengan RP.

Pelukis lebih cenderung menggunakan imej tawaran dalam sampel kajian untuk menawarkan cerita. Imej-imej tawaran dalam sampel kajian khususnya menawarkan cerita yang berlaku di antara watak utama, saudara tikus dengan rakan-rakannya yang lain. Cerita terutamanya berkaitan dengan keadaan yang terjadi pada singlet saudara tikus akibat kawan-kawannya memakai singletnya. Dalam makna interpersonal, tindakan imej dan pandangan menunjukkan majoriti imej adalah berfungsi “memberi” dengan menawarkan cerita. Keadaan ini serupa dengan komponen tekstual yang juga mempunyai peratusan klausa MOOD deklaratif yang tinggi. Klausa MOOD deklaratif juga berfungsi sebagai “memberi” maklumat seperti yang dibincangkan dalam bahagian 4.1.1.1.

Antara enam sampel kajian, hanya tiga sampel kajian, iaitu B1, B3 dan B6 mempunyai imej kontak mata. Imej kontak mata merupakan imej “meminta”. Hal ini kerana RP memandang secara langsung terhadap pembaca agar terjalinnya perhubungan sosial mereka (Kress & van Leeuwen, 2006). B3 dan B6 hanya mempunyai satu imej yang mempunyai kontak mata sahaja manakala B1 mempunyai enam imej yang mempunyai kontak mata. Berdasarkan Jadual 4.9, B1 merupakan sampel yang mempunyai bilangan

imej yang mempunyai kontak mata tertinggi. Contoh imej kontak mata dalam B1 ditunjukkan dalam Rajah 4.6.



**Rajah 4.6: Contoh imej yang mempunyai kontak mata dengan pembaca**

Seperti ditunjukkan dalam Rajah 4.6, imej-imej memandang secara langsung terhadap pembaca dengan tujuan meminta pendapat pembaca adakah singlet yang mereka pakai kelihatan cantik walaupun ketat sedikit? Kontak mata merupakan vektor yang wujud antara RP dan pembaca bagi mewakili interaksi yang berlaku antara RP dan pembaca.

Kontak mata menyebabkan perkembangan naratif plot terganggu, tetapi ia juga menggalakkan penglibatan dan interaksi pembaca (Lewis, 2001a).

Berdasarkan Jadual 4.9, hasil analisis menunjukkan bahagian visual B1 mewujudkan interaksi dengan pembaca lebih kerap berbanding sampel kajian lain, iaitu sebanyak 6 imej daripada jumlah 15 imej. Keadaan ini setara dengan bahagian tekstual B1 yang juga mempunyai peratusan MOOD interogatif yang lebih tinggi berbanding dengan sampel kajian yang lain seperti yang dibincangkan dalam bahagian 4.1.1.2. MOOD interogatif merupakan interaksi yang berlaku dengan sama ada menawarkan barang dan perkhidmatan atau meminta maklumat (Halliday & Matthiesen, 2004, ms.106). Oleh itu, kedua-dua bahagian visual dan tekstual sampel B1 mewujudkan interaksi dengan pembaca dengan lebih kerap berbanding dengan sampel yang lain.

Secara keseluruhan, dari segi tindakan imej dan pandangan, pelukis menggunakan lebih banyak imej yang tiada kontak mata dengan pembaca dalam penyampaian cerita. Imej-imej tersebut merupakan imej yang menawarkan cerita semata-mata tanpa memerlukan tindak balas daripada pembaca. Hanya sebahagian kecil imej kontak mata digunakan dalam penyampaian cerita untuk berinteraksi dengan pembaca. Ini bermakna di samping menerima maklumat yang ditawarkan melalui imej, kadang-kadang pembaca juga diajak berinteraksi dengan RP dalam keadaan tertentu.

#### **4.2.2 Jarak sosial dan keintiman**


Dari segi jarak sosial dan keintiman, imej didapati sama ada dipandang dari jarak jauh, jarak sederhana atau jarak dekat. Hasil analisis menunjukkan daripada jumlah 95 imej dalam sampel kajian, 94 (98.95%) imej dikategorikan sebagai imej jarak sederhana dan

hanya terdapat satu (1.05%) imej yang dilihat pada jarak jauh seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.10.

**Jadual 4.10: Jarak sosial dan keintiman imej dalam sampel kajian**

<b>Sampel</b>	<b>Imej jarak dekat</b>	<b>Imej jarak sederhana</b>	<b>Imej jarak jauh</b>
B1	0	15	0
B2	0	16	0
B3	0	14	1
B4	0	15	0
B5	0	15	0
B6	0	19	0
Jumlah	0	94	1
Peratusan	0%	98.95%	1.05%

94 imej digolongkan sebagai imej jarak sederhana kerana RP memaparkan separuh badan atau keseluruhan badan tanpa banyak ruang di sekitarnya. Selain itu, imej-imej tersebut kelihatan dalam jangkauan pembaca. Ini menunjukkan imej-imej tersebut dipandang pada jarak sederhana. Ekspresi muka imej jarak sederhana adalah jelas dan perasaan imej senang dikesan. Imej-imej jarak sederhana tersebut mewakili tahap sederhana keintiman kerana imej kelihatan tidak terlalu dekat dan tidak terlalu jauh. Imej jarak sederhana melambangkan hubungan sosial yang rapat, iaitu jarak di mana interaksi urusan peribadi boleh berlaku (Kress & van Leeuwen, 2006, ms.124-128). Contoh-contoh imej jarak sederhana ditunjukkan dalam Rajah 4.7.



B1G12


B2G9

B3G13

B5G9

**Rajah 4.7: Contoh imej jarak sederhana**

Terdapat beberapa imej yang kelihatan sangat kecil dan meninggalkan banyak ruang di sekitar imej seperti imej-imej dalam Rajah 4.8. Imej-imej dalam Rajah 4.8 juga digolongkan sebagai imej jarak sederhana.



**Rajah 4.8: Contoh imej jarak sederhana yang meninggalkan banyak ruang di sekitar imej**

Imej-imej yang meninggalkan banyak ruang di sekitar imej seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.8 juga digolongkan sebagai imej yang dipandang pada jarak sederhana kerana imej-imej dipaparkan berdasarkan nisbah saiz badan sebenar imej. Iaitu bagi imej saiz badan yang kecil seperti tikus, saiz badannya memang kelihatan kecil walaupun dilihat dari jarak sederhana. Selain itu, imej-imej kelihatan berdekatan dengan bingkai juga memberi gambaran kepada pembaca bahawa imej dilihat pada jarak

sederhana. Secara umumnya, jika imej-imej tersebut dipandang pada jarak jauh, kedudukan imej-imej seharusnya berjauhan daripada bingkai.

Daripada keseluruhan sampel kajian, hanya terdapat satu imej kelihatan dari jarak jauh, iaitu imej B3G15 yang ditunjukkan dalam Rajah 4.9.



**Rajah 4.9: Imej pandangan jarak jauh (B3G15)**

Imej-imej gajah yang terdapat dalam sampel kajian (Lampiran E) adalah memenuhi keseluruhan bingkai muka surat dan tidak terdapat banyak ruang kosong di sekitar imej kecuali imej gajah dalam B3G15. Bagi imej B3G15 seperti ditunjukkan dalam Rajah 4.9, saiz imej gajah kelihatan jauh lebih kecil jika dibandingkan dengan imej-imej gajah yang lain dan meninggalkan banyak ruang kosong di sekitar imej. Selain itu, imej tikus dalam B3G15 hanya dapat dilihat dalam bentuk bayang hitam tanpa kelihatan dengan jelas keseluruhan badannya. Cerita imej B3G15 adalah berkaitan dengan saudara tikus dan gajah ingin pergi mencari saudara tikus untuk mengambil balik singlet saudara tikus.



Saiz badan yang kecil dan bahagian belakang kedua-dua imej saudara tikus dan gajah dilihat menunjukkan mereka telah pergi jauh dari pembaca. Oleh itu, imej B3G15 merupakan imej pandangan jarak jauh.

Secara keseluruhan, dari segi tindakan imej dan pandangan, pelukis menggunakan imej-imej yang dilihat pada jarak sederhana untuk mewujudkan perhubungan sederhana keintiman antara RP dan pembaca. Imej-imej begini juga merupakan pandangan dari perspektif fizikal seseorang kanak-kanak dan pembaca boleh mengandaikan bahawa mereka berada dalam kedudukan salah satu RP. Contohnya, pembaca mungkin menganggap dirinya sebagai protagonis, iaitu saudara tikus dan menganggap dirinya berada dalam plot cerita. Hal ini sememangnya, menguatkan lagi pengenalanpastian kanak-kanak ke atas watak-watak dalam cerita (Moya, 2010, 2011a).

#### **4.2.3 Penglibatan dan kuasa**

Setiap imej juga dianalisis dari segi paksi mendatar dan paksi menegak. Paksi mendatar menerangkan tentang penglibatan pembaca dengan imej manakala paksi menegak pula menerangkan kuasa yang wujud antara pembaca dan imej.

##### **4.2.3.1 Analisis paksi mendatar**


Bagi paksi mendatar, imej dianalisis sama ada badan menghadap ke arah pembaca atau sisi badan menghadap ke arah pembaca. Imej yang badannya menghadap pembaca merupakan imej pandangan sudut hadapan manakala imej yang bahagian sisi badan menghadap pembaca merupakan imej pandangan sudut serong. Hasil analisis pada paksi mendatar menunjukkan daripada jumlah 95 imej sampel kajian, 20 (21.05%) imej

dilihat pada sudut hadapan, 37 (38.95%) imej dilihat pada sudut serong manakala 38 (40%) imej dilihat pada kedua-dua sudut hadapan dan sudut serong seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.11.

**Jadual 4.11: Analisi sudut pandangan imej bagi paksi mendatar**

<b>Sampel</b>	<b>Imej pandangan sudut hadapan</b>	<b>Imej pandangan sudut serong</b>	<b>Imej pandangan kombinasi sudut hadapan dan sudut serong</b>
B1	7	4	4
B2	0	14	2
B3	2	6	7
B4	6	2	7
B5	0	4	11
B6	5	7	7
<b>Jumlah</b>	<b>20</b>	<b>37</b>	<b>38</b>
<b>Peratusan</b>	<b>21.05%</b>	<b>38.95%</b>	<b>40%</b>

Berdasarkan Jadual 4.11, 20 imej atau 21.05% imej sampel kajian dipandang pada sudut hadapan. Pandangan imej melalui sudut hadapan bermakna RP dipandang secara langsung di hadapan pembaca seperti ditunjukkan dalam Rajah 4.10.




**Rajah 4.10: Contoh imej pandangan sudut hadapan**

Imej-imej seperti ditunjukkan dalam Rajah 4.10 merupakan imej-imej dipandang pada sudut hadapan, iaitu bahagian depan badan imej menghala ke arah pembaca. Imej-imej pandangan sudut hadapan merupakan imej yang seakan-akan wujud di hadapan mata pembaca sehingga mewujudkan rasa “penglibatan” pembaca dalam cerita. Hal ini

menyebabkan pembaca merasa diri sendiri terlibat dalam cerita dan merupakan sebahagian daripada watak cerita (Kress & van Leeuwen, 2006, ms.136).


Terdapat 37 imej atau 38.95% imej dipandang dari sudut serong. Imej yang dipandang melalui sudut serong bermakna imej tidak dipandang secara langsung dari hadapan pembaca, tetapi dipandang dari tepi seperti ditunjukkan dalam Rajah 4.11.



**Rajah 4.11: Contoh imej pandangan sudut serong**

Imej-imej seperti ditunjukkan dalam Rajah 4.11 merupakan imej-imej yang dipandang pada sudut serong kerana hanya bahagian tepi badan imej dapat dilihat. Ini bermakna pembaca memandangi imej-imej tersebut dari tepi, bukan dari hadapan imej. Pemandangan imej dari sudut serong mewujudkan rasa “pengasingan” pembaca dalam cerita kerana imej-imej pandangan sudut serong menyebabkan pembaca berasa diri sendiri tidak terlibat dalam cerita dan bukan merupakan sebahagian daripada watak cerita (Kress & van Leeuwen, 2006, ms.136).

Selain imej pandangan sudut hadapan dan imej pandangan sudut serong, terdapat juga imej dalam sampel kajian yang dipandang dari kombinasi sudut hadapan dan sudut serong. Jadual 4.11 menunjukkan terdapat 38 imej atau 40% imej dipandang dari kombinasi sudut hadapan dan sudut serong. Imej-imej tersebut merupakan imej yang terdiri daripada dua RP, iaitu satu RP dilihat dari sudut hadapan dan satu RP lagi dilihat dari sudut serong. Imej-imej begini mewujudkan rasa “penglibatan” dan juga “pengasingan” oleh pembaca. Dalam keadaan tersebut, pembaca lebih cenderung berasa diri mereka merupakan sebahagian daripada RP yang badannya menghadap pembaca dan pula berasa tidak terlibat dengan RP yang hanya sisi badannya menghadap pembaca. Contoh-contoh imej yang dipandang dari kombinasi sudut hadapan dan sudut serong ditunjukkan dalam Rajah 4.12.



**Rajah 4.12: Contoh imej pandangan kombinasi sudut hadapan dan sudut serong**

Setiap imej yang ditunjukkan dalam Rajah 4.12 terdiri daripada dua RP. Antara dua RP tersebut, bahagian depan badan satu RP menghala pembaca manakala bahagian sisi badan RP yang lain menghala pembaca. Contohnya imej B1G6 dalam Rajah 4.12, bahagian depan badan monyet menghala pembaca manakala hanya sisi badan singa laut yang kelihatan oleh pembaca. Oleh itu, imej-imej tersebut dikategorikan sebagai imej pandangan kombinasi sudut hadapan dan sudut serong.

Secara keseluruhan, dari segi paksi mendatar, pelukis menggunakan imej pandangan sudut hadapan, imej pandangan sudut serong dan juga imej pandangan kombinasi sudut hadapan dan sudut serong dalam penyampaian cerita. Imej-imej tersebut mewujudkan rasa penglibatan dan pengasingan RP dengan pembaca. Imej pandangan sudut hadapan membolehkan pembaca berasa dirinya terlibat dalam cerita manakala imej pandangan sudut serong membolehkan pembaca memerhatikan imej dari tepi tanpa terlibat dalam cerita. Penglibatan pembaca dalam cerita akan menimbulkan rasa minat dan keseronokan pembaca khususnya kanak-kanak semasa membaca cerita.

#### 4.2.3.2 Analisis paksi menegak

Bagi paksi menegak, imej dianalisis sama ada dipandang dari paras tinggi, dari paras rendah atau pada paras mata. Hasil analisis pada paksi menegak menunjukkan kesemua imej dilihat pada paras mata pembaca seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.12.

**Jadual 4.12: Analisis paras pandangan imej bagi paksi menegak**

paras pandangan pembaca	Sampel kajian						Jumlah
	B1	B2	B3	B4	B5	B6	
Pandangan paras tinggi	0	0	0	0	0	0	0 (0%)
Pandangan paras rendah	0	0	0	0	0	0	0 (0%)
Pandangan paras mata	15	16	15	15	15	19	95 (100%)

Paksi menegak merealisasikan kuasa dalam semiotik visual, iaitu jika pembaca melihat imej dari paras tinggi dan memandang imej di bawah bermakna pembaca lebih berkuasa

daripada imej yang dipandang. Sebaliknya, jika pembaca melihat imej dari paras yang rendah dan perlu mendongak untuk melihat imej bermakna imej lebih berkuasa daripada pembaca (Kress & van Leeuwen, 2006, ms.140). Kesemua imej dalam sampel kajian bukan dipandang dari paras tinggi dan paras rendah, tetapi dipandang pada paras mata. Ini bermakna RP dan pembaca berkongsi kuasa. Hal ini menunjukkan bahawa pembaca adalah pada tahap yang sama dengan watak-watak dalam cerita dan mengidentifikasikan dirinya dengan watak dalam cerita. Keadaan ini adalah penting untuk melahirkan keselesaan pembaca khususnya kanak-kanak semasa membaca cerita kerana mereka tidak akan rasa tertindas oleh RP atau menindas RP.

#### **4.3 Perhubungan intersemiotik tekstual dan visual**


Setiap kombinasi tekstual dan visual dianalisis sama ada wujud dalam hubungan i) simetri, ii) saling melengkapi, iii) penambahan, iv) alternatif atau v) percanggahan. Hasil analisis menunjukkan daripada jumlah 91 teks/imej yang terdapat dalam Lampiran G, 65 teks/imej mempunyai hubungan saling melengkapi dan 25 teks/imej mempunyai hubungan penambahan. Hanya terdapat 1 teks/imej yang mempunyai hubungan alternatif daripada keseluruhan sampel kajian. Tidak terdapat teks/imej yang mempunyai hubungan simetri dan percanggahan dalam sampel kajian. Taburan setiap jenis hubungan teks/imej yang terdapat dalam setiap sampel kajian ditunjukkan dalam Jadual 4.13.



**Jadual 4.13: Perhubungan teks/imej**


<b>Perhubungan Teks/imej</b>	<b>B1</b>	<b>B2</b>	<b>B3</b>	<b>B4</b>	<b>B5</b>	<b>B6</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratusan</b>
Simetri	0	0	0	0	0	0	0	0%
Saling melengkapi	13	5	12	5	15	15	65	71.43%
Penambahan	1	8	3	9	0	4	25	27.47%
Alternatif	0	1	0	0	0	0	1	1.10%
Percanggahan	0	0	0	0	0	0	0	0%

Berdasarkan Jadual 4.13, terdapat tiga jenis hubungan teks/imej digunakan oleh pengarang dan pelukis dalam penyampaian cerita. Majoriti elemen tekstual dan visual yang digunakan dalam penyampaian cerita ialah saling melengkapi (71.43%), diikuti oleh hubungan penambahan (27.47%). Hanya terdapat 1.10% teks/imej mempunyai hubungan alternatif. Tiada terdapat imej yang mempunyai hubungan simetri dan percanggahan dalam sampel kajian. Secara seseluruhan, peratusan tiga jenis hubungan teks/imej yang terdapat dalam sampel kajian dapat ditunjukkan dalam Rajah 4.13.



**Rajah 4.13: Jenis hubungan teks/ imej sampel kajian**


Majoriti hubungan teks/imej dalam sampel kajian ialah saling melengkapi kerana elemen tekstual dan elemen imej mesti dibaca bersama-sama untuk memperoleh maklumat yang lengkap. Dalam sampel kajian, elemen tekstual khasnya menunjukkan verbal yang dituturkan oleh RP. Elemen imej pula menunjukkan sesiapa yang sedang bertutur. Sebagai contoh, dalam teks/imej B1B yang ditunjukkan dalam Rajah 4.14, bahagian tekstual merupakan kandungan dialog RP manakala bahagian visual menunjukkan watak yang berdialog. Pembaca mesti merujuk kepada kedua-dua elemen tekstual dan visual untuk memperoleh maklumat yang lengkap, iaitu merujuk elemen tekstual untuk mengetahui kandungan dialog dan merujuk elemen visual untuk mengetahui bahawa itik dan tikus yang sedang berdialog. Oleh itu, B1B mempunyai imej/teks saling melengkapi.



**Rajah 4.14: Teks/imej saling melengkapi (B1B)**

Jadual 4.13 menunjukkan kesemua teks/imej dalam sampel B5 terdiri daripada perhubungan saling melengkapi. Plot dalam B5 terutamanya menceritakan tentang RP membandingkan berat badan antara satu sama lain. Elemen tekstual hanya menunjukkan si penutur menyatakan berat badannya lebih berat daripada RP lain. Pembaca perlu


merujuk kepada elemen visual untuk mengetahui RP yang sedang bertutur dan si penutur sedang membandingkan berat badannya dengan RP lain seperti ditunjukkan dalam Rajah 4.15.



**Rajah 4.15: Teks/imej saling melengkapi (B5C)**

Berdasarkan teks/imej yang ditunjukkan dalam Rajah 4.15, elemen tekstual dan elemen visual saling bekerjasama untuk menyampaikan maklumat yang lengkap. Melalui elemen tekstual, pembaca dapat mengetahui bahawa satu RP sedang membandingkan berat badannya dengan RP yang lain. Selain itu, “你瞧” yang bermakna “kamu lihat” dalam elemen tekstual menunjukkan si penutur meminta pendengar melihat sesuatu bagi membuktikan berat badannya melebihi berat badan RP lain. Pembaca perlu merujuk kepada elemen visual untuk mengetahui RP yang bertutur ialah monyet dan pendengar ialah saudara tikus. Selain itu, melalui petunjuk penimbang dalam elemen visual, pembaca juga dapat membuat perbandingan berat badan RP yang terlibat. Oleh itu, kerjasama antara elemen tekstual dan elemen visual tersebut untuk menyampaikan maklumat yang lengkap dikatakan mempunyai hubungan teks/imej yang saling melengkapi.



Dalam hubungan teks/imej yang saling melengkapi, elemen visual boleh mewujudkan kesan emosi yang tidak terdapat dalam tekstual. Kombinasi tekstual dan visual dapat memberi pengalaman emosi atau pengalaman sensori yang lebih mendalam (Md Sidin, 2008, ms.53). Sebagai contohnya, dalam teks/imej B1N dalam Rajah 4.16 di bawah, elemen tekstual “Oh! Singlet saya!” akan menarik perhatian pembaca merujuk kepada elemen visual untuk mengetahui perkara yang telah berlaku pada singlet saudara tikus. Elemen visual bukan sahaja jelas menunjukkan perkara yang telah terjadi ke atas singlet saudara tikus, malah jelas menunjukkan ekspresi muka saudari tikus. Ekspresi muka saudari tikus dapat memberi pengalaman emosi atau pengalaman sensori yang lebih mendalam terhadap pembaca.




**Rajah 4.16: Teks/imej B1N**

Didapati 27.47% teks/imej daripada keseluruhan sampel mempunyai hubungan penambahan, iaitu imej melanjutkan maklumat yang disampaikan oleh tekstual atau tekstual melanjutkan maklumat yang disampaikan oleh visual. Jadual 4.13 menunjukkan hanya teks/imej B2 dan B4 mempunyai hubungan penambahan yang banyak berbanding

hubungan saling melengkapi. Dalam B4, bagian tekstual terutama menggambarkan jangkauan yang sedang dibuat oleh RP tanpa memberitahu siapakah yang sedang membuat jangkauan dan apakah sebenarnya yang sedang dijangka seperti ditunjukkan dalam Rajah 4.17.

Kod teks/imej	Teks/imej	
B4E	<p>然后就会..... Kemudian akan.....</p>	
B4F	<p>接下来就会..... Seterusnya akan.....</p>	



**Rajah 4.17: Contoh teks/imej hubungan penambahan sampel B5**

B4H	<p>这样.....</p> <p>Begini.....</p>	
-----	-----------------------------------	--

Rajah 4.17, sambungan

Berdasarkan contoh-contoh dalam Rajah 4.17, dengan klausa yang ringkas seperti “Kemudian akan.....”, “Seterusnya akan.....” dan “Begini.....”, pembaca dapat mentafsirkan bahawa RP sedang menjangka sesuatu yang belum berlaku tetapi watak yang membuat jangkaan dan keadaan jangkaan itu dibuat tidak diketahui. Selain itu, melalui klausa-klausa tersebut, pembaca juga tidak dapat mengetahui perkara-perkara yang telah dijangka. Melalui elemen visual, pembaca dapat mengetahui bahawa saudara tikus sedang membuat jangkaan. Saudara tikus menjangka dia akan berkawan baik dengan saudari tikus, bermain bersama-sama dengan saudari tikus sehingga akhirnya berkahwin dengan saudari tikus. Oleh itu, perhubungan teks/imej seperti dinyatakan di atas merupakan hubungan penambahan kerana maklumat tambahan tekstual diperoleh melalui elemen visual atau dengan kata lain, elemen visual memperluas maklumat tekstual.

Berlainan daripada teks/imej hubungan penambahan yang dinyatakan di atas, terdapat dua teks/imej hubungan penambahan yang terdapat dalam B2 menunjukkan elemen tekstual memperluas maklumat visual, iaitu B2M dan B2N seperti ditunjukkan dalam Rajah 4.18.


Kod teks/imej	Teks/imej	
B2M	<p>来了一头海狮。 “鼠小弟，你怎么了？”</p> <p>Datang seekor singa laut. “Saudara tikus, bagaimana kamu?”</p>	
B2N	<p>鼠小弟问他： “你会飞吗？ 你会爬树吗？ 你有长长的鼻子吗？ 你有长长的脖子吗？ 你跳得高吗？ 你的力气大吗？”</p> <p>海狮回答说： “这些我都不行。不过，我有一个本领……”</p> <p>Saudara tikus menanya dia, "Kamu tahu terbang? Kamu tahu memanjat pokok? Kamu mempunyai hidung yang panjang? Kamu mempunyai leher yang panjang? Kamu dapat lompat dengan tinggi? Tenaga kamu besar?"</p> <p>Jawab singa laut: "Ini semua saya tidak berupaya. Tetapi, saya ada satu keupayaan……"</p>	

**Rajah 4.18: Teks/imej hubungan penambahan sampel B2**

Berdasarkan teks/imej dalam Rajah 4.18, elemen visual hanya menunjukkan imej saudara tikus dan singa laut di bawah pokok epal sahaja. Tanpa merujuk kepada elemen tekstual, pembaca tidak tahu perkara sebenarnya yang berlaku di antara saudara tikus

dan singa laut. Dengan merujuk kepada elemen tekstual, pembaca dapat mengetahui perbualan berlaku di antara saudara tikus dan singa laut dan kandungan perbualan mereka. Oleh itu, kedua-dua elemen tekstual B2M dan B2N memperluaskan makna elemen visual dan teks/imej digolongkan sebagai hubungan penambahan.

Hanya terdapat satu teks/imej (B2K) yang menunjukkan hubungan alternatif, iaitu tekstual dan imej masing-masing memberitahu cerita yang berlainan seperti ditunjukkan dalam Rajah 4.19.



**Rajah 4.19: Teks/imej hubungan alternatif (B2K)**

Berdasarkan Rajah 4.19, elemen tekstual menyatakan bahawa “Datang seekor badak, ambil sebiji epal.”, tetapi imej menunjukkan badak sedang melanggar pokok dengan kepalanya. Maklumat yang disampaikan oleh elemen tekstual tidak sepadan dengan elemen visual yang ditunjukkan. Oleh itu, hubungan teks/imej tersebut digolongkan sebagai hubungan alternatif. Hubungan alternatif ini sebenarnya mempunyai makna



tersirat, iaitu tujuan badak melanggar pokok ialah supaya menjatuhkan buah epal dari pokok epal agar dia dapat memperolehi buah epal tersebut.

Hasil analisis menunjukkan tiada teks/imej yang mempunyai hubungan simetri dan percanggahan dalam sampel kajian. Ini bermakna dalam sampel kajian, tiada teks/imej yang menyampaikan cerita yang sama atau bercanggah. Teks/imej yang mempunyai hubungan alternatif dan percanggahan dapat membuat pembaca lebih aktif semasa membaca buku bergambar kerana teks dan imej yang dipaparkan sebenarnya membawa makna yang tersirat. Hal ini membolehkan pembaca membuat pelbagai tafsiran ke atas teks dan imej tersebut (Nikolajeva & Scott, 2000, ms.232) dan juga mungkin menimbulkan kekeliruan. Kanak-kanak yang masih muda mungkin tidak berupaya mentafsirkan maksud tersirat yang disampaikan melalui teks/imej yang mempunyai hubungan alternatif dan percanggahan. Oleh itu, pengarang dan pelukis tidak menggunakan teks/imej yang mempunyai hubungan alternatif dan percanggahan dalam penyampaian cerita.

Secara keseluruhan, pengarang dan pelukis menggunakan kedua-dua elemen tekstual dan visual dalam penyampaian cerita. Hasil analisis menunjukkan dalam buku bergambar, elemen tekstual dan elemen visual bergabung untuk membina makna yang lebih luas daripada makna-makna sesuatu elemen itu secara bersendirian. Elemen tekstual menceritakan sebahagian kisah dan elemen visual pula menggambarkan sebahagian kisah yang lain. Pengabaian salah satu elemen akan menyebabkan maklumat tidak dapat diperolehi dengan lengkap. Oleh itu, kedua-dua elemen tekstual dan visual buku bergambar harus dititik beratkan semasa menggunakan buku bergambar sebagai bahan pengajaran.

Menurut Nikolajeva dan Scott (2006), kedua-dua elemen tekstual dan visual meninggalkan ruang untuk pembaca untuk mengisi dengan pengetahuan, pengalaman, dan harapan, dan kita boleh mencari potensi yang tidak terbatas untuk interaksi teks-imej. Tekstual dan visual mempunyai jurang masing-masing. Tekstual dan visual boleh mengisi jurang antara satu sama lain secara keseluruhan atau sebahagiannya. Kedua-dua tekstual dan visual imej boleh membangkitkan perasaan melalui cara mereka sendiri dan bebas daripada satu sama lain (ms.2).

#### **4.4 Kesimpulan**

Bab ini telah membentangkan hasil dapatan kajian dan membincangkan hasil dapatan. Hasil dapatan kajian ditunjukkan dalam bentuk jadual dan carta bagi memudahkan perbincangan. Bab berikutnya akan membuat kesimpulan berdasarkan hasil dapatan kajian bagi menjawab soalan kajian.

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.0 Pengenalan

Dalam bab terakhir ini, kesimpulan dibuat berdasarkan hasil dapatan kajian bagi menjawab soalan kajian di bahagian 5.1. Selain itu, bahagian 5.2 merupakan perbincangan mengenai implikasi kajian ini dan bahagian 5.3 merupakan perbincangan mengenai cadangan untuk kajian masa depan. Bahagian 5.4 pula merupakan kesimpulan bagi bab ini.

#### 5.1 Kesimpulan hasil dapatan kajian

Makna interpersonal elemen-elemen tekstual dan visual siri buku bergambar *可爱的鼠小弟* (Saudara Tikus yang Comel) telah dikaji untuk mengenal pasti interaksi yang wujud antara ilustrator/pengarang, penonton/pembaca, dan partisipan (*represented participants*) yang terdapat dalam buku bergambar. Selain itu, jenis perhubungan intersemiotik yang terjalin antara elemen tekstual dan elemen visual buku bergambar juga ditentukan. Berdasarkan hasil dapatan kajian, kesimpulan dibuat untuk menjawab soalan kajian berikut:

- i) Bagaimana elemen-elemen tekstual yang terdapat dalam buku bergambar membawa makna interpersonal?
- ii) Bagaimana elemen-elemen visual yang terdapat dalam buku bergambar membawa makna interpersonal?

iii) Apakah perhubungan intersemiotik yang terjalin antara elemen tekstual dan elemen visual dalam buku bergambar?

### **5.1.1 Kesimpulan makna interpersonal elemen-elemen tekstual yang terdapat dalam buku bergambar**

Bahagian ini merupakan kesimpulan hasil dapatan kajian ke atas makna interpersonal elemen-elemen tekstual yang terdapat dalam buku bergambar bagi menjawab soalan kajian berikut:

i) Bagaimana elemen-elemen tekstual yang terdapat dalam buku bergambar membawa makna interpersonal?

Dari segi elemen-elemen tekstual, pengarang menggunakan banyak klausa yang ringkas, mudah difahami dan berulang dalam penyampaian cerita. Klausa-klausa yang berulang diucap oleh RP yang berlainan dalam cerita. 65.38% klausa MOOD deklaratif digunakan dalam dialog dengan berfungsi memberi maklumat kepada pembaca tanpa meminta pembaca untuk bertindak balas. Selain itu, terdapat juga 29.23% MOOD interogatif digunakan dalam dialog untuk mengajak pembaca melibatkan diri dalam cerita dengan menjawab soalan yang ditanya oleh RP. Hanya 5.38% MOOD imperatif digunakan dalam dialog bagi menunjukkan interaksi antara RP. Bagi MOOD imperatif, arahan yang diberikan adalah secara sopan dengan tidak menimbulkan rasa paksaan oleh pendengar.

Pengarang menggunakan majoriti klausa polariti positif dalam penyampaian cerita. Hanya 11.95% polariti negatif digunakan untuk menunjukkan keengganan saudara tikus meminjamkan singletnya kepada rakan-rakannya. Dari segi modaliti, hanya modal adverba 一定 (pasti) dan kata bantu modal 会 (akan) digunakan bagi menunjukkan kepastian dalam membuat jangkaan. Modal adverba 也许 (mungkin) pula digunakan untuk menunjukkan ketidakpastian dalam membuat jangkaan.

### **5.1.2 Kesimpulan makna interpersonal elemen-elemen visual yang terdapat dalam buku bergambar**

Bahagian ini merupakan kesimpulan hasil dapatan kajian ke atas makna interpersonal elemen-elemen visual yang terdapat dalam buku bergambar bagi menjawab soalan kajian berikut:

- ii) Bagaimana elemen-elemen visual yang terdapat dalam buku bergambar membawa makna interpersonal?

Dari segi elemen-elemen visual, pelukis hanya menggunakan lukisan pensil yang berwarna hitam putih dalam penyampaian cerita. 91.58% imej jenis penawaran digunakan dalam penyampaian cerita dengan tidak membuat apa-apa permintaan terhadap pembaca selain daripada penerimaan atau penolakan maklumat yang ditawarkan. 98.95% imej dilihat pada jarak yang sederhana membolehkan pembaca tidak rasa terasing daripada cerita dan seakan-akan cerita berlaku di hadapan mereka. 21.05% imej dilihat pada sudut hadapan agar pembaca berasa cerita berlaku di hadapan mereka dan mereka rasa dirinya terlibat dalam cerita. Terdapat 38.95% imej dilihat pada sudut serong yang memberi makna pembaca terasing daripada cerita dalam keadaan

tertentu. Selain itu, terdapat juga 40% imej yang dilihat melalui kombinasi sudut hadapan dan sudut serong. Dengan ini, kajian ini memperkenalkan satu kategori baru dalam analisis sudut pandangan pada paksi mendatar, iaitu kombinasi sudut hadapan dan sudut serong. 100% imej yang dilihat oleh pembaca adalah sama pada paras mata RP dalam cerita menunjukkan pembaca berkongsi kuasa dengan RP. Oleh itu, pembaca akan mengidentifikasikan dirinya dengan watak dalam cerita.

### **5.1.3 Kesimpulan perhubungan intersemiotik yang terjalin antara elemen tekstual dan elemen visual dalam buku bergambar**

Bahagian ini merupakan kesimpulan hasil dapatan kajian ke atas perhubungan intersemiotik yang terjalin antara elemen tekstual dan elemen visual dalam buku bergambar bagi menjawab soalan kajian berikut:

- iii) Apakah perhubungan intersemiotik yang terjalin antara elemen tekstual dan elemen visual dalam buku bergambar?

Dari segi perhubungan teks/imej, 71.43% ialah perhubungan yang saling melengkapi manakala 27.47% ialah perhubungan jenis penambahan. Hal ini menunjukkan kedua-dua tekstual dan imej memainkan peranan dalam penyampaian cerita. Bagi imej saling melengkapi, tekstual dan imej bekerjasama untuk membawa makna yang lengkap. Bagi imej penambahan, tekstual memperluaskan maklumat yang disampaikan oleh imej atau sebaliknya, imej yang memperluaskan maklumat yang disampaikan oleh tekstual. Elemen visual menunjukkan perkara yang tidak dapat disampaikan melalui tekstual manakala elemen tekstual memperjelaskan makna elemen visual. Oleh itu, kedua-dua tekstual dan imej harus dibaca bersama-sama untuk memperolehi maklumat yang

lengkap dan dengan ini, barulah pembaca dapat menghayati kandungan dan nilai cerita yang ingin disampaikan.

Didapati hanya satu teks/imej yang menawarkan hubungan alternatif dan tiada teks/imej hubungan percanggahan digunakan kerana kedua-dua perhubungan tersebut akan menunjukkan ketidaksepaduan antara tekstual dan imej. Keadaan ini tidak sesuai untuk pembaca yang masih berumur muda kerana akan menimbulkan rasa keraguan mereka dan proses membaca akan menjadi lambat (Moya, 2009). Teks/imej yang berhubungan simetri juga tidak digunakan dalam penyampaian cerita kerana melalui simetri, pembaca hanya perlu membaca salah satu elemen tekstual atau visual untuk memperoleh maklumat. Cara ini bukan merupakan penyampaian cerita yang berkesan melalui buku bergambar kerana genre buku bergambar merupakan bahan bacaan yang menggunakan kedua-dua elemen tekstual dan visual dalam penyampaian cerita dan kedua-dua elemen tekstual dan visual saling bekerjasama dalam penyampaian cerita yang lengkap.

## **5.2 Implikasi hasil dapatan kajian**

Secara kesimpulan, siri buku bergambar ini didapati mempunyai ciri-ciri seperti penggunaan ayat yang ringkas, mudah difahami dan berulang, persembahan imej dengan imej hitam putih yang ringkas tetapi menarik. Walaupun majoriti kedua-dua elemen tekstual dan visual memainkan peranan dalam memberi maklumat tetapi juga terdapat ciri-ciri siri buku bergambar ini mengajak pembaca turut terlibat dalam penceritaannya melalui ayat interogatif dan melalui visual imej yang dipaparkan pada jarak sederhana dengan pembaca dan memandang secara langsung terhadap pembaca.

Majoriti kedua-dua elemen tekstual dan visual mewujudkan hubungan teks/imej saling melengkapi dan penambahan membuktikan kedua-dua elemen tekstual dan visual sama penting dalam penyampaian cerita. Interaksi antara beberapa RP yang terdapat dalam cerita atau antara RP dengan pembaca adalah berpolariti positif dan ini sesuai bagi peringkat umur pembaca yang muda kerana matlamat buku adalah memupuk sifat positif kanak-kanak. Modal adverba dan kata bantu modal yang digunakan dalam penyampaian cerita adalah mudah, senang difahami dan biasa digunakan oleh kanak-kanak semasa membuat sesuatu jangkauan.

Dengan ciri-ciri yang dinyatakan melalui hasil analisis, maka tidak hairanlah siri buku bergambar ini sangat popular sejak penerbitan pertama pada tahun 1974 dan telah dicetak semula melebihi 1,200 kali, telah diterjemah ke pelbagai bahasa, dan memenangi pelbagai anugerah (Nakae & Ueno, 2009). Oleh itu, siri buku bergambar ini sangat sesuai digunakan sebagai bahan bacaan utama di sekolah. Selain itu, keunikan siri buku bergambar ini juga boleh dijadikan rujukan kepada penghasilan buku bergambar agar menghasilkan buku bergambar yang kreatif, inovatif, serta mempunyai nilai yang tinggi dari segi komersial mahupun kesenian.

Kajian ini telah menunjukkan cara elemen-elemen tekstual dan visual dalam buku bergambar membawa makna interpersonal dan hubungan intersemiotik yang terjalin antara elemen tekstual dan visual dalam penyampaian cerita. Memandangkan kedua-dua elemen tekstual dan visual digunakan untuk berkomunikasi dan berinteraksi antara beberapa RP dan di antara RP dengan pembaca dan kedua-dua tekstual dan imej bergantung antara satu sama lain untuk membawa makna yang lengkap, maka kedua-dua elemen tekstual dan imej adalah sama penting dan harus dititikberatkan semasa menggunakan buku bergambar sebagai bahan pengajaran.



### **5.3 Cadangan kajian masa depan**

Kajian ini hanya menjalankan kajian ke atas metafungsi interpersonal elemen tekstual dan visual, iaitu mengenal pasti interaksi yang wujud antara ilustrator/pengarang, penonton/pembaca, dan watak-watak yang terdapat dalam buku bergambar. Dicadangkan agar metafungsi ideational/representasi dan metafungsi tekstual/komposisi dari bagi elemen tekstual dan visual juga dikaji supaya cara elemen tekstual dan visual menyampaikan pengalaman dan cara elemen tekstual dan visual mengorganisasikan mesej juga dapat dikaji.

Kajian ini menjalankan penyelidikan ke atas satu siri buku bergambar bahasa Cina. Dicadangkan kajian dijalankan ke atas buku bergambar yang berlainan bahasa seperti bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk membuat perbandingan ciri-ciri buku bergambar dari bahasa yang lain.

### **5.4 Kesimpulan**

Secara kesimpulan, kajian ini menunjukkan dari segi makna interpersonal, kedua-dua elemen tekstual dan visual memainkan peranan yang penting dalam interaksi antara ilustrator/pengarang, penonton/pembaca, dan partisipan (*represented participants*) dalam buku bergambar. Analisis intersemiotik juga menunjukkan kedua-dua elemen tekstual dan visual saling bekerjasama dalam penyampaian cerita yang lengkap. Oleh itu, buku bergambar merupakan teks multimodal yang menggunakan kedua-dua elemen tekstual dan visual dalam penyampaian maklumat yang lengkap.

SFL Halliday dan Matthiessen (2004) dan Visual Sosial Semiotik Kress dan van Leeuwen (1996, 2006) merupakan kerangka teori berkesan dalam analisis makna

interpersonal elemen tekstual dan visual. Selain itu, perhubungan teks/imej yang diperkenalkan oleh Nikolajeva dan Scott (2000, 2006) juga merupakan kerangka teori yang sesuai dalam mengkaji perhubungan intersemiotik antara elemen tekstual dan visual.

Oleh itu, diharapkan kajian ini akan memberi sumbangan ke atas bidang linguistik dan semiotik dalam genre buku bergambar di negara kita. Kajian ini juga diharap dapat menjadi sumber rujukan kepada penyelidik tempatan yang ingin menjalani kajian ke atas buku bergambar pada masa akan datang dalam bidang akademik mahupun bukan akademik.